



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

**PENGURUSAN AKTIVITI
KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI DAN
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN**

**NEGERI SABAH
SIRI 2**

Jabatan Audit Negara Malaysia



KANDUNGAN

KANDUNGAN

vii	PENDAHULUAN
xi	INTI SARI LAPORAN
	AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI
3	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR SABAH LEMBAGA KEMAJUAN TANAH NEGERI SABAH
	Program Mini Estet Sejahtera (MESEJ) Bagi Pertanian Kelapa Sawit
29	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
	Pengurusan Rumah Penyembelihan Haiwan
56	JABATAN PERTANIAN NEGERI SABAH
	Pembangunan Tanaman Padi di Daerah Kota Belud
89	KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH
	Progressive Insurance Bhd.
119	PENUTUP



PENDAHULUAN

PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 serta Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2017 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Persekutuan/Negeri.
2. Pengauditan prestasi telah dijalankan selaras dengan Seksyen 6(d), Akta Audit 1957 serta berpandukan kepada piawaian pengauditan antarabangsa yang dikeluarkan oleh *International Organisation of Supreme Audit Institutions* (INTOSAI). Laporan saya ini mengandungi Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sabah bagi tahun 2017 Siri 2 mengenai perkara yang telah diperhatikan hasil daripada pengauditan yang telah dijalankan terhadap aktiviti di satu (1) Kementerian, dua (2) Jabatan, satu (1) Agensi dan satu (1) Syarikat Kerajaan Negeri.
3. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Ketua-ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri juga telah dimaklumkan mengenai isu-isu berkaitan semasa *Exit Conference* yang diadakan sebelum laporan ini disediakan. Sehubungan itu, hanya penemuan Audit yang penting sahaja yang dilaporkan dalam laporan ini. Laporan berkenaan juga telah dikemukakan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 21 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan.
4. *Auditor General's Dashboard* yang mula dilaksanakan pada 31 Mei 2013 memaparkan isu dan status terkini tindakan Laporan Ketua Audit Negara. Mekanisme ini berjaya membantu Jabatan/Agensi Kerajaan untuk menyalurkan maklum balas dengan cepat dan pantas. Ini membuktikan komitmen dan keprihatinan Kerajaan dalam menjelaskan kedudukan terkini isu Laporan Ketua Audit Negara serta menyalurkan status tindakan yang telah diambil kepada pihak awam.

5. Saya berharap laporan ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan, meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat seperti mana yang dihasratkan oleh Kerajaan.

6. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI DR. MADINAH BINTI MOHAMAD)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
2 November 2018



INTI SARI LAPORAN

INTI SARI LAPORAN

BAHAGIAN I – AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR SABAH LEMBAGA KEMAJUAN TANAH NEGERI SABAH

1. Program Mini Estet Sejahtera (MESEJ) Bagi Pertanian Kelapa Sawit

- a. Program Mini Estet Sejahtera (MESEJ) bagi pertanian kelapa sawit telah mula dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Sabah pada tahun 2006 dalam RMKe-9 sebagai satu daripada empat (4) komponen Program Pembasmian Kemiskinan di bawah tanggungjawab Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah (KPLBS). Objektif program adalah untuk meningkatkan pendapatan golongan miskin tegar secara mampan di samping menikmati peningkatan kualiti hidup. Program ini menyasarkan golongan miskin tegar yang berdaftar di dalam e-Kasih sebagai peserta dan keutamaan adalah kepada penduduk tempatan di daerah MESEJ. Program MESEJ melibatkan pembangunan tanah Kerajaan sekurang-kurangnya 100 hektar yang diwartakan di bawah Seksyen 28 Ordinan Tanah Negeri Sabah dan geran tanah tidak dikeluarkan kepada peserta.
- b. MESEJ bagi pertanian kelapa sawit melibatkan 3 komponen iaitu ekonomi, fizikal dan modal insan. Komponen ekonomi merangkumi aktiviti pertanian berteraskan kelapa sawit yang melibatkan pembangunan tanah Kerajaan seluas 98 hektar. Manakala komponen fizikal merangkumi pembangunan kawasan Penempatan Masyarakat Sejahtera (PMS) seluas 20 hektar melibatkan penyediaan kemudahan rumah dan infrastruktur asas seperti jalan raya, bekalan air dan elektrik. Selain itu, kemudahan infrastruktur lain seperti surau, dewan mini dan taman permainan turut disediakan. Komponen modal insan melibatkan penyertaan seramai 33 peserta bagi setiap program MESEJ bagi pertanian kelapa sawit.
- c. Bagi memastikan objektif program tercapai, KPLBS telah melantik Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah (LKTNS) sebagai agensi pelaksana untuk menyelia kerja pembangunan tanah dan membantu operasi, pentadbiran dan pengurusan MESEJ bagi pertanian kelapa sawit. Pelantikan tersebut dilaksanakan melalui *Management Agreement* yang ditandatangani oleh KPLBS dengan LKTNS pada 17 November 2006 berdasarkan syarat yang dipersetujui. Sehingga tahun 2017, sebanyak 19 MESEJ bagi pertanian kelapa sawit telah dibangunkan di 10 daerah meliputi 1,692.16 hektar dengan penglibatan seramai 193 orang peserta. Peserta yang dipilih akan bekerja di ladang dan menjana pendapatan bulanan daripada

bayaran gaji, upah dan elauan yang dianggarkan berjumlah RM920 sebulan berdasarkan Perintah Gaji Minimum yang ditetapkan Kerajaan. Selain itu, setiap peserta juga akan menerima dividen berjumlah RM300 sebulan.

- d. Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga Ogos 2018 mendapati, objektif program MESEJ bagi pertanian kelapa sawit untuk meningkatkan pendapatan peserta disamping menikmati peningkatan kualiti hidup belum tercapai kerana penyediaan perumahan dan infrastruktur asas belum tersedia dan kurang penyertaan peserta bagi ladang yang telah matang. Selain itu, masih terdapat peserta yang memperolehi pendapatan di bawah Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) walaupun telah menyertai program MESEJ di antara tiga (3) hingga lapan (8) tahun. Manakala pengurusan program MESEJ bagi pertanian kelapa sawit adalah kurang cekap terutama dari aspek pemilihan dan penempatan peserta serta pemantauan. Penemuan utama Audit yang perlu diambil perhatian oleh LKTNS dan KPLBS adalah seperti berikut:
 - i. sebanyak tujuh (7) ladang yang telah dilengkapi perumahan dan kemudahan asas namun bilangan penyertaan peserta tidak mencapai sasaran ditetapkan dan satu (1) ladang belum mempunyai peserta;
 - ii. pendapatan bagi 10 orang peserta di ladang MESEJ Kg. Bunang 1 masih berada di bawah PGK;
 - iii. pencapaian sebenar bagi prestasi kewangan peruntukan KPLBS bagi program MESEJ tidak dapat diukur kerana peruntukan dan perbelanjaan tidak diasingkan mengikut jenis MESEJ yang dibangunkan;
 - iv. kelewatan penempatan peserta di MESEJ Kg. Bunang 2 menyebabkan golongan sasaran tidak mendapat manfaat yang ditetapkan; dan
 - v. pemantauan kurang berkesan terutamanya melibatkan isu pemilihan peserta dan penyambungan air dan elektrik.
- e. Bagi mengatasi kelemahan yang berbangkit dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam Program Mini Estet Sejahtera (MESEJ) pada masa akan datang, adalah disyorkan supaya KPLBS, LKTNS dan PDK mengambil tindakan berikut:
 - i. KPLBS, LKTNS dan PDK hendaklah mengkaji semula perancangan dan menyediakan garis panduan pelan pembangunan program MESEJ dari segi penetapan tempoh masa dan kesesuaian untuk pembangunan tanah, penyediaan perumahan dan infrastruktur asas serta pemilihan peserta agar ia selaras dengan keperluan semasa dan bajet yang diperuntukkan;

- ii. mengkaji semula norma peserta berbanding keluasan bertanam bagi menjamin pendapatan peserta dan mengeluarkan mereka daripada golongan miskin tegar, seterusnya mencapai objektif program MESEJ;
- iii. PDK perlu menyelesaikan isu pemilihan peserta dalam tempoh yang munasabah dan mengikut kriteria ditetapkan bagi memastikan golongan sasar menikmati peningkatan kualiti hidup daripada program MESEJ;
- iv. KPLBS hendaklah mengasingkan perbelanjaan di bawah vot pembasmian kemiskinan supaya prestasi perbelanjaan sebenar MESEJ pertanian kelapa sawit dapat diukur; dan
- v. Jawatankuasa yang dilantik hendaklah meningkatkan koordinasi bagi menyelesaikan isu-isu yang berbangkit dengan segera serta melaksanakan penilaian keberkesaan program MESEJ.

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

2. Pengurusan Rumah Penyembelihan Haiwan

- a. Rumah Penyembelihan Haiwan (RPH) merupakan premis yang dibina untuk menjalankan operasi penyembelihan terhadap tiga (3) kategori haiwan iaitu unggas (ayam dan burung puyuh), ruminan (lembu, kerbau dan kambing) dan khinzir. Pengurusan RPH oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) bermula pada Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) di mana JPV diberi tangungjawab menyediakan infrastruktur penyembelihan serta mengurus dan memantau operasi RPH Kerajaan dan swasta. Objektif utama pengurusan RPH adalah mencegah, mengawal dan membasmi penyakit-penyakit haiwan dan zoonotik; serta menentukan produk asal haiwan untuk makanan manusia suci, bersih dan selamat untuk dimakan. Pengurusan RPH adalah berpandukan *Slaughterhouses Rules 2003* dan *Meat Inspection Rules 2003*.
- b. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Jun hingga September 2018 secara keseluruhannya mendapat objektif pengurusan RPH Kerajaan tidak berjaya dicapai sepenuhnya kerana hanya tiga (3) RPH dibina berbanding 11 RPH yang dirancang untuk dibina sepanjang RMKe-10 dan RMKe-11 dan terdapat lima (5) daripada 12 RPH Kerajaan yang dibina tetapi tidak digunakan. Selain itu, keselamatan daging yang dikeluarkan daripada RPH Kerajaan dan swasta tidak dapat dijamin sama ada bebas daripada jangkitan penyakit kerana hanya 44% daripada keseluruhan haiwan yang disembelih telah diperiksa oleh pegawai pemeriksa daging dalam tempoh tiga (3) tahun. Selain itu beberapa perkara yang perlu dipertingkatkan kerana memberi kesan terhadap tahap kecekapan pengurusan RPH seperti berikut:

- i. penyenggaraan RPH tidak dilaksanakan mengikut keutamaan. Penyenggaraan kolam takungan di Pusat Penyembelihan Ternakan Babi (PPTB) Kionsom tidak disenggara menyebabkan sisa cecair yang dilepaskan dari kolam takungan PPTB Kionsom tidak mematuhi standard parameter yang ditetapkan. Manakala empat (4) RPH tidak beroperasi telah dibuat penyenggaraan melibatkan perbelanjaan sejumlah RM330,417;
 - ii. lesen di tiga (3) RPH tidak diperbaharui dan sebanyak 17 RPH beroperasi tanpa lesen;
 - iii. pegawai pemeriksa daging tidak menyediakan laporan pemeriksaan daging dengan mengisi borang seperti yang dikehendaki oleh *Meat Inspection Rules* 2003;
 - iv. dua (2) RPH kerajaan disewakan tanpa perjanjian penyewaan manakala perjanjian penyewaan dua (2) RPH telah tamat tempoh dan masih belum diperbaharui; dan
 - v. sejumlah RM182,027 yuran pemeriksaan daging tidak dapat dikutip di RPH yang berlesen bagi tempoh tiga (3) tahun disebabkan pemeriksaan daging tidak dibuat.
- c. Bagi memastikan pengurusan RPH dilaksanakan dengan berkesan bagi mencapai objektifnya, adalah disyorkan supaya Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah (JPV) mengambil tindakan seperti berikut;
- i. mengkaji alternatif untuk memastikan semua RPH beroperasi dengan lesen bagi membolehkan pemeriksaan haiwan dibuat untuk menjamin daging sembelihan selamat untuk dimakan;
 - ii. menyusun semula penempatan pegawai pemeriksa daging supaya sumber yang ada digunakan sepenuhnya untuk membolehkan pemeriksaan daging dapat dilaksanakan di semua RPH dan menjamin keselamatan serta kebersihan daging sembelihan;
 - iii. memastikan pemeriksaan daging direkod dengan betul menggunakan borang yang ditetapkan. Pihak pengurusan perlu memastikan arahan disampaikan secara bertulis kepada setiap Pegawai Pemeriksa Daging untuk mematuhi penggunaan borang dalam *Meat Inspection Rules*, 2003 agar pemeriksaan lebih teratur dan kutipan hasil dapat dipungut sewajarnya;
 - iv. menyediakan program penyenggaraan RPH mengikut keutamaan dan menyediakan peruntukan yang mencukupi untuk menyenggara kolam takungan

- kumbahan supaya sisa cecair yang dikeluarkan mematuhi standard parameter yang ditetapkan bagi mengelakkan pencemaran persekitaran;
- v. menawarkan insentif kepada pengusaha untuk menggunakan RPH Kerajaan bagi membolehkan aset Kerajaan dimanfaatkan dan memberi pulangan dalam bentuk sewaan kepada Kerajaan;
 - vi. bekerjasama dengan Agensi Kerajaan seperti Pihak Berkuasa Tempatan dan Jabatan Alam Sekitar untuk menghentikan operasi penyembelihan RPH yang beroperasi tanpa lesen selepas surat amaran ketiga dikeluarkan; dan
 - vii. mengambil tindakan tegas terhadap RPH yang tidak membenarkan pemeriksaan daging dilakukan dengan menarik balik lesen operasi dan bekerjasama dengan agensi lain seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) untuk menarik balik pensijilan halal.

JABATAN PERTANIAN NEGERI SABAH

3. Pembangunan Tanaman Padi Daerah Kota Belud

- a. Jabatan Pertanian Negeri Sabah (JPNS) adalah bertanggungjawab untuk memajukan industri pertanian di samping mempergiatkan industri pengeluaran makanan di negeri Sabah. Salah satu fokus JPNS adalah meningkatkan pengeluaran padi yang merupakan makanan utama penduduk negeri Sabah. Pada masa ini negeri Sabah mengimport kira-kira 221,193 tan (56.8%) beras setahun daripada keperluan beras penduduk. Ini disebabkan Tahap Kecukupan Sara Diri (SSL) beras negeri Sabah masih tidak mencukupi untuk menampung keperluan penduduk iaitu hanya mencapai sekitar 24.3%. Dasar Pertanian Negeri Sabah Ketiga (DPNS-3) yang dilancarkan pada tahun 2017 merupakan kesinambungan daripada DPNS Kedua telah mensasarkan 60% pengeluaran beras tempatan untuk keperluan penduduk menjelang tahun 2026 sekali gus mengurangkan jumlah import beras dari luar negara. Berdasarkan statistik JPNS tahun 2010, penanaman padi di seluruh negeri Sabah adalah melibatkan 20 daerah meliputi keluasan fizikal kawasan tanah sawah padi seluas 35,601 hektar dengan 32,696 pesawah berdaftar. Daerah Kota Belud merupakan kawasan penanaman padi terbesar di negeri Sabah dengan keluasan penanaman fizikal seluas 8,503 hektar dengan 6,930 pesawah berdaftar. Pengeluaran padi di daerah Kota Belud menyumbang lebih kurang 24% daripada keseluruhan pengeluaran beras dalam negeri. Kerajaan menyalurkan pelbagai subsidi dan bantuan kepada pesawah/pengusaha padi sebagai galakan untuk mereka terus mengusahakan penanaman padi. Objektifnya adalah untuk meningkatkan keluasan bertanam; meningkatkan hasil pengeluaran padi; mengurangkan kos pengeluaran dan meningkatkan pendapatan pesawah/pengusaha tanaman padi. Objektif ini adalah selari dengan DPNS-3 untuk

meningkatkan tahap kecukupan keperluan beras di negeri Sabah sehingga 60% menjelang tahun 2026.

- b. Kerajaan Negeri Sabah iaitu Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Sabah (MAFI) menyalurkan peruntukan Subsidi Pembajakan Sawah Padi bernilai RM494 sehektar melalui JPNS. Manakala Kerajaan Persekutuan iaitu Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) menyalurkan peruntukan kepada Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) untuk memberikan bantuan baja dan racun di bawah Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP), Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP) dan Insentif Pembajakan Kepada Pesawah (IPKP). Beras Nasional Berhad (BERNAS) pula memberikan Subsidi Harga Padi (SHP) kepada pesawah. Pemberian subsidi dan bantuan penting untuk meringankan bebanan pesawah yang terpaksa menanggung kos pengeluaran padi dianggarkan berjumlah RM4,096 sehektar. Secara purata, setiap pesawah menerima subsidi dan bantuan berjumlah RM1,901 sehektar menjadikan bebanan kos yang ditanggung berkurangan kepada RM2,195 sehektar selepas menerima subsidi dan bantuan. Kerajaan Negeri telah membelanjakan sejumlah RM49.83 juta untuk pemberian Subsidi Pembajakan Sawah Padi bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017. Manakala jumlah subsidi dan bantuan yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan bagi tempoh yang sama berjumlah RM193.36 juta.
- c. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun 2018 hingga Ogos 2018 secara keseluruhannya mendapati objektif pembangunan tanaman padi belum tercapai kerana prestasi tanaman padi negeri Sabah masih rendah walaupun Kerajaan telah memberikan pelbagai subsidi dan bantuan secara berterusan kepada pesawah. Faktor bencana alam memberi impak secara langsung terhadap pencapaian prestasi tanaman padi secara keseluruhan. Manakala pengurangan pemberian subsidi pada tahun 2016 hanya memberi kesan kepada penurunan kluasan bertanam pada tahun tersebut. Kluasan bertanam negeri Sabah bagi tahun 2015, 2016 dan 2017 hanya berjaya mencapai masing-masing 31,799 hektar (84.8%), 27,485 hektar (73.2%) dan 30,833 hektar (89.9%) daripada sasaran yang ditetapkan. Manakala bagi daerah Kota Belud kluasan bertanaman bagi tahun 2015, 2016 dan 2017 masing-masing 9,519 hektar (80%), 7,989 hektar (67.2%) dan 10,278 hektar (85.7%). Pengeluaran padi negeri Sabah bagi tahun 2015, 2016 dan 2017 hanya berjaya mencapai masing-masing 111,297 tan (84.8%), 95,442 tan (68.7%) dan 98,981 tan (71.1%). Manakala sasaran pengeluaran padi di daerah Kota Belud bagi tahun 2015, 2016 dan 2017 hanya mencapai masing-masing 28,625 tan (60.3%), 29,581 tan (58.7%) dan 22,804 tan (45.2%). Terdapat juga kelemahan dalam pengurusan pembangunan tanaman padi dari aspek prestasi kewangan; kaedah pemberian IPKP; jentera pembajakan; serta pengairan dan saliran memberi kesan terhadap tahap kecekapan pengurusan pembangunan tanaman padi seperti berikut:

- i. subsidi pembajakan sawah padi pada tahun 2016 telah dikurangkan sebanyak 50% untuk membeli jentera pembajak menyebabkan pesawah terpaksa menanggung kos pembajakan yang lebih tinggi pada tahun tersebut;
 - ii. kaedah pemberian Insentif Pembajakan Kepada Pesawah-pesawah (IPKP) yang dibayar terus kepada kontraktor pembajak adalah kurang efektif kerana tuntutan hanya diberikan sekiranya kontraktor pembajak membuat tuntutan;
 - iii. kekurangan jentera pembajak empat roda mengakibatkan pesawah tidak dapat menjalankan penanaman padi secara serentak di sesuatu kawasan; dan
 - iv. parit buang yang tidak disenggara mengikut norma penyenggaraan yang ditetapkan menyebabkan air bertakung yang menjelaskan penanaman padi.
- d. Bagi menambah baik pembangunan tanaman padi di daerah Kota Belud, pihak Audit mengesyorkan pihak JPNS, LPP dan JPS mengambil tindakan seperti berikut:
- i. mengkaji alternatif penanaman padi secara komersial bagi meningkatkan produktiviti pengeluaran padi dan seterusnya mencapai SSL sehingga 60% menjelang tahun 2026;
 - ii. mempertingkatkan penyelidikan dan melabur dalam teknologi penanaman padi yang bersesuaian bagi memudahkan pembajakan, pemberian, pembajaan, pengairan sehingga kepada penuaian serta kawalan makhluk perosak;
 - iii. mengkaji semula kaedah penyaluran subsidi/bantuan daripada pelbagai agensi Kerajaan Persekutuan untuk diuruskan/diselaraskan oleh Kerajaan Negeri melalui JPNS yang seterusnya bertanggungjawab menyalurkan subsidi/bantuan tersebut terus kepada pesawah;
 - iv. mempertimbangkan penggunaan teknologi seperti *drone* atau *GPS* untuk memudahkan pemantauan kaedah pengesahan tuntutan Subsidi Pembajakan Sawah Padi yang lebih efektif; dan
 - v. pembayaran IPKP terus kepada pesawah dan bukannya melalui kontraktor pembajakan bagi membolehkan manfaat ini sampai kepada pesawah.

KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH

4. Progressive Insurance Bhd.

- a. Progressive Insurance Bhd. adalah sebuah syarikat insurans am yang pada mulanya dikenali sebagai Sri Bumi Insurance Sdn. Bhd. ketika ditubuhkan pada 8 Jun 1974 dan berpangkalan di Sarawak. Pada 3 Disember 1974, Sri Bumi

Insurance Sdn. Bhd. menukar nama kepada Berjaya Insurance Sdn. Bhd. Pada 7 Disember 1975, dijenamakan semula sebagai Progressive Insurance Sdn. Bhd. dan memperluaskan operasi perniagaan di seluruh negara termasuk Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Pada tahun 1982, Progressive Insurance Sdn. Bhd. memindahkan ibu pejabat ke Kuala Lumpur untuk memberi perkhidmatan kepada pelanggan dengan lebih berkesan. Pada 30 Mei 1997, Progressive Insurance Sdn. Bhd. ditukar menjadi syarikat awam dan dinamakan Progressive Insurance Bhd. (PIB). Sehingga bulan Disember 2017, PIB mempunyai saham dibenarkan dan berbayar penuh sejumlah RM100 juta dengan Kementerian Kewangan Negeri Sabah dan Permodalan Bumiputera Sabah Bhd. menjadi pemegang saham utama. Objektif utama penubuhan syarikat yang termaktub dalam Memorandum dan Artikel Penubuhan Syarikat adalah untuk menjalankan perniagaan insurans am di Malaysia dan di mana-mana tempat di dunia berkaitan dengan semua jenis perniagaan insurans dan insurans semula, khususnya motor, kemalangan, kebakaran, hospital dan pembedahan, kejuruteraan, bon dan marin dan pelaburan lain serta terlibat dalam sebarang perniagaan atau transaksi yang berkaitan dengan pencapaian objektif syarikat.

- b. Aktiviti utama yang dijalankan oleh PIB adalah *underwriting* semua kelas perniagaan insurans am.
- c. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mac hingga Jun 2018 merumuskan perkara berikut:

i. **Kedudukan Kewangan**

Kedudukan kewangan PIB adalah stabil dengan janaan pendapatan daripada premium, terimaan komisen dan pelaburan dengan mencatatkan peningkatan keuntungan sebelum cukai bagi tiga tahun berturut-turut pada tahun 2015, 2016 dan 2017 berjumlah RM16.74 juta, RM28.84 juta dan RM33.89 juta masing-masing. Tahap kecairan aset semasa berbanding liabiliti semasa pada kadar 1.79:1 menunjukkan kedudukan kewangan syarikat yang tidak kukuh walaupun syarikat berupaya memenuhi obligasi jangka pendek dengan menggunakan sumber dalaman. Selain itu, PIB juga mempunyai baki tunai dan kesetaraan tunai berjumlah RM6.58 juta pada akhir tahun 2017.

ii. **Pengurusan Aktiviti**

- **Prestasi Pendapatan *Underwriting* Berbanding Sasaran**

Secara keseluruhannya, pendapatan premium kasar melalui perkhidmatan *underwriting* yang diperolehi pada tahun 2015 hingga 2017 kurang dari sasaran yang ditetapkan berjumlah antara RM28.79 juta (16%) hingga RM32.20 juta (19%). Namun begitu, PIB menjana keuntungan sebelum cukai

melebihi sasaran yang ditetapkan bagi tahun 2015, 2016 dan 2017 masing-masing berjumlah RM14.74 juta (melebihi sasaran berjumlah RM1.74 juta atau 13.4%), RM28.84 juta (melebihi sasaran berjumlah RM16.14 juta atau 127.1%) dan RM33.89 juta (melebihi sasaran berjumlah RM11.94 juta atau 54.4%).

- **Prestasi Pendapatan *Underwriting* Mengikut Kelas Insurans**

Secara keseluruhan, prestasi pendapatan premium melalui perkhidmatan *underwriting* mengikut kelas insurans adalah kurang cekap. Ini disebabkan bagi tahun 2015 dan 2017, masing-masing hanya tiga (3) dan dua (2) daripada tujuh (7) kelas insurans menjana keuntungan berbanding lima (5) kelas insurans pada tahun 2016. Bagi tahun 2015 dan 2017, kerugian *underwriting* tertinggi dicatatkan oleh Insurans Motor berjumlah RM8.69 juta dan RM3.61 juta masing-masing manakala kerugian *underwriting* tertinggi tahun 2016 dicatatkan oleh Insurans Hospital & Pembedahan berjumlah RM1.01 juta.

- **Prestasi Pendapatan *Underwriting* Mengikut Bahagian/Cawangan**

Secara keseluruhan, prestasi pendapatan melalui perkhidmatan *underwriting* mengikut Bahagian/Cawangan adalah kurang cekap kerana bagi tahun 2015 dan 2017 masing-masing, hanya tiga (3) dan empat (4) daripada sembilan (9) Bahagian/Cawangan menjana keuntungan. Cawangan Kuala Lumpur mencatatkan kerugian *underwriting* tertinggi berjumlah RM7.52 juta dalam tempoh tersebut. Manakala Cawangan Melaka dan Johor Bahru mengalami kerugian *underwriting* tiga (3) tahun berturut-turut dalam tempoh yang sama.

- **Pengurusan *Underwriting***

Semakan terhadap tuntutan tertunggak mendapati tiga (3) *Performance Bond* yang telah dijelaskan oleh PIB pada tahun 2009, 2010 dan 2011 berjumlah RM787,558 masih belum dapat dituntut semula daripada penjamin. Selain itu, tidak ada sebarang bukti *claims review* ada dijalankan dan kes sejak tahun 2008, 2009 dan 2011 serta melebihi tempoh had masa enam (6) tahun masih belum diselesaikan.

iii. Amalan Tadbir Urus

Secara keseluruhannya amalan tadbir urus PIB adalah baik. Namun begitu, masih perlu penambahbaikan dalam aspek penyediaan KPI bagi mengukur pencapaian dan prestasi syarikat. Selain itu, SOP berkaitan aset dan *Internal Service Standard* juga perlu dilengkapkan serta dikemas kini dari semasa ke semasa.

- d. Bagi memastikan objektif penubuhan PIB dapat dicapai sepenuhnya, adalah disyorkan Lembaga Pengarah serta pengurusan PIB mengambil langkah proaktif dan berkesan bagi menangani kelemahan yang dibangkitkan seperti berikut:
- i. menetapkan hala tuju dan strategi dengan menetapkan KPI bagi meningkatkan pendapatan *underwriting* dan kawalan risiko yang lebih efektif bagi mengurangkan jumlah tuntutan insurans seterusnya menjana keuntungan bagi aktiviti *underwriting*;
 - ii. meningkatkan pemantauan bagi aktiviti kelas insurans dan cawangan yang sentiasa mencatatkan kerugian daripada operasi utama serta pemantauan terhadap agen insurans yang lebih berkesan;
 - iii. PIB perlu mengkaji semula kes-kes tertunggak yang melebihi tempoh enam (6) tahun sebagaimana yang digariskan oleh *Claim Guidelines* PIB dan juga Seksyen 6, *Limitation Act* 1953; dan
 - iv. melaksanakan amalan tadbir urus yang baik terutamanya menyediakan KPI untuk mengukur prestasi pencapaian syarikat dan menyediakan SOP yang lengkap merangkumi urusan kewangan syarikat dan aktiviti utama.



AKTIVITI KEMENTERIAN/ JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR SABAH

LEMBAGA KEMAJUAN TANAH NEGERI SABAH

1. PROGRAM MINI ESTET SEJAHTERA (MESEJ) BAGI PERTANIAN KELAPA SAWIT

1.1. LATAR BELAKANG

1.1.1. Program Mini Estet Sejahtera (MESEJ) bagi pertanian kelapa sawit telah mula dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Sabah pada tahun 2006 dalam RMKe-9 sebagai satu daripada empat (4) komponen Program Pembasmian Kemiskinan di bawah tanggungjawab Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah (KPLBS). Objektif program adalah untuk meningkatkan pendapatan golongan miskin tegar secara mampu di samping menikmati peningkatan kualiti hidup. Program ini menasarkan golongan miskin tegar yang berdaftar di dalam e-Kasih sebagai peserta dan keutamaan adalah kepada penduduk tempatan di daerah MESEJ. Program MESEJ melibatkan pembangunan tanah Kerajaan sekurang-kurangnya 100 hektar yang diwartakan di bawah Seksyen 28 Ordinan Tanah Negeri Sabah dan geran tanah tidak dikeluarkan kepada peserta.

1.1.2. MESEJ bagi pertanian kelapa sawit melibatkan tiga (3) komponen iaitu ekonomi, fizikal dan modal insan. Komponen ekonomi merangkumi aktiviti pertanian berteraskan kelapa sawit yang melibatkan pembangunan tanah Kerajaan seluas 98 hektar. Manakala komponen fizikal merangkumi pembangunan kawasan Penempatan Masyarakat Sejahtera (PMS) seluas 20 hektar melibatkan penyediaan kemudahan rumah dan infrastruktur asas seperti jalan raya, bekalan air dan elektrik. Selain itu, kemudahan infrastruktur lain seperti surau, dewan mini dan taman permainan turut disediakan. Komponen modal insan melibatkan penyertaan seramai 33 peserta bagi setiap program MESEJ bagi pertanian kelapa sawit.

1.1.3. Bagi memastikan objektif program tercapai, KPLBS telah melantik Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah (LKTNS) sebagai agensi pelaksana untuk menyelia kerja pembangunan tanah dan membantu operasi, pentadbiran dan pengurusan MESEJ bagi pertanian kelapa sawit. Pelantikan tersebut dilaksanakan melalui *Management Agreement* yang ditandatangani oleh KPLBS dengan LKTNS pada 17 November 2006 berdasarkan syarat yang dipersetujui. Sehingga tahun 2017, sebanyak 19 MESEJ bagi pertanian kelapa sawit telah dibangunkan di 10 daerah meliputi 1,692.16 hektar dengan penglibatan seramai 193 orang peserta seperti **Jadual 1.1** dan **Peta 1.1**.

JADUAL 1.1
LOKASI DAN BILANGAN PESERTA MESEJ BAGI PERTANIAN KELAPA SAWIT

BIL.	DAERAH	MESEJ	KELUASAN (Hektar)	BILANGAN PESERTA (Orang)
1.	Keningau	Kg. Bunang 1, Menawo	98	33
2.		Kg. Bunang 2, Liawan	98	0
3.		Kg. Bunang 3, Bingkor	76.7	0
4.		Kg. Lumiri 1	74	0
5.		Kg. Lumiri 2	98	0
6.		Kg. Lumiri 3	98	0
7.	Nabawan	Kg. Labang, Sepulut 1	92.8	28
8.		Kg. Labang, Sepulut 2	86.2	0
9.	Beaufort	Kg. Binsuluk, Membakut	98	0
10.		Kg. Garama, Beaufort	98	0
11.	Sipitang	Kg. Banting	98	28
12.		Kg. Melalia	40.46	7
13.	Pitas	Kg. Tukar	98	0
14.	Ranau	Kg. Mensalu	98	0
15.	Sebatik	Kg. Laba	98	33
16.	Kinabatangan	Kg. Abai	98	0
17.		Kg. Balat	98	33
18.	Kunak	Kg. Sapang	98	31
19.	Semporna	Kg. Bakung-Bakung, Lihak-Lihak	48	0
JUMLAH			1,692.16	193

Sumber : LKTNS

PETA 1.1
LOKASI MESEJ BAGI PERTANIAN KELAPA SAWIT DI NEGERI SABAH



Sumber: Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah (KPLBS)

1.1.4. Pemilihan peserta MESEJ bagi pertanian kelapa sawit dilaksanakan oleh Pejabat Daerah atau Majlis Perbandaran/Daerah mengikut daerah masing-masing. Peserta yang dipilih akan bekerja di ladang dan menjana pendapatan bulanan daripada bayaran gaji, upah dan elaun yang dianggarkan berjumlah RM920 sebulan berdasarkan Perintah Gaji Minimum yang ditetapkan Kerajaan. Selain itu, setiap peserta juga akan menerima dividen berjumlah RM300 sebulan.

1.1.5. Pembangunan program MESEJ bagi pertanian kelapa sawit melibatkan kerjasama pelbagai pihak seperti **Jadual 1.2**.

JADUAL 1.2
PERANAN AGENSI DALAM MEMBANGUNKAN MESEJ

BIL.	AGENSI	PERANAN
1.	Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah	<ul style="list-style-type: none"> Mengawal peruntukan. Memantau pembangunan MESEJ melalui Jawatankuasa Kerja Pelaksana (MESEJ), Jawatankuasa Pemantauan Kerja Ladang (MESEJ), Jawatankuasa Teknikal Peringkat Daerah dan Jawatankuasa Pemandu Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) serta Jawatankuasa Pembasmian Kemiskinan Peringkat Negeri Sabah.
2.	Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah	Agensi pelaksana dan pengurus MESEJ.
3.	Pejabat Daerah/Pihak Berkuasa Tempatan	Pemilihan peserta.
4.	<ul style="list-style-type: none"> Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar (LPPB) Jabatan Kerja Raya Jabatan Air Negeri Sabah Sabah Electricity Sdn. Bhd. 	Penyediaan perumahan dan infrastruktur asas.

Sumber : KPLBS, LKTNS dan Pejabat Daerah Keningau

1.1.6. Kerajaan Negeri membiayai program MESEJ bagi pertanian kelapa sawit melalui peruntukan pembangunan yang disalurkan kepada KPLBS untuk tujuan pembangunan tanah dan penyenggaraan tanaman semasa tempoh belum matang iaitu tahun pertama sehingga tahun kelima. Akaun Amanah MESEJ akan ditubuhkan oleh KPLBS apabila ladang telah mengeluarkan hasil melalui jualan Buah Tandan Segar (BTS) yang dijangka bermula pada tahun keenam. Akaun tersebut ditubuhkan untuk mengakaunkan hasil jualan BTS, perbelanjaan operasi MESEJ dan pembayaran *management fee* kepada LKTNS mulai tahun keenam hingga tahun ke 25 (tempoh pusingan kelapa sawit perlu ditanam semula). Selain itu, perbelanjaan untuk kos pembinaan perumahan dan kemudahan infrastruktur asas yang lain dibiayai oleh Kerajaan Negeri melalui Akaun Amanah Pembasmian Kemiskinan Sumbangan Felda yang dikawal oleh KPLBS. Bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017, KPLBS telah membelanjakan sebanyak 88.2% atau RM42.40 juta daripada RM48.08 juta yang diperuntukkan untuk pelaksanaan Program Pembasmian Kemiskinan.

1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan bertujuan untuk menilai sama ada :

- i. program MESEJ bagi pertanian kelapa sawit telah dilaksanakan bagi mencapai objektif yang ditetapkan iaitu dapat meningkatkan pendapatan golongan miskin tegar; dan
- ii. pengurusan program MESEJ bagi pertanian kelapa sawit telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan dari segi pembukaan dan pembangunan tanah, penyediaan perumahan dan infrastruktur asas, pembayaran dividen, pemilihan dan penempatan peserta serta pemantauan.

1.3. SKOP PENGAUDITAN

1.3.1. Pengauditan ini meliputi dua (2) bidang utama Audit iaitu prestasi program dan pengurusan program. Prestasi program dinilai daripada aspek pencapaian output dan *outcome* program. Manakala pengurusan program meliputi tiga (3) perkara iaitu prestasi kewangan, pelaksanaan program dari segi pemilihan dan penempatan peserta serta pemantauan.

1.3.2. Skop pengauditan meliputi tempoh bagi tahun 2015 hingga 2017 yang merupakan skop lanjutan daripada pengauditan yang pernah dijalankan pada tahun 2012. Pengauditan pada tahun 2012 menilai keberkesanan pelaksanaan program dari segi pembukaan dan pembangunan tanah, penyenggaraan ladang, prestasi pengeluaran Buah Tandan Segar (BTS), penyediaan perumahan dan infrastruktur asas dan pencapaian peserta di MESEJ Kg. Bunang 1, Bunang 2, Bunang 3 di daerah Keningau dan Kg. Sungai Laba, Sebatik di daerah Tawau. Maklumat sebelum tahun 2015 juga digunakan untuk menilai keberkesanan pelaksanaan program ini dari segi peningkatan pendapatan, perumahan dan peningkatan kualiti hidup.

1.3.3. Pengauditan dijalankan di Ibu Pejabat KPLBS, LKTNS, Pejabat Daerah Keningau (PDK) dan pejabat LKTNS Wilayah Keningau. Selain itu, lawatan dan pemeriksaan Audit turut dibuat di MESEJ Kg. Bunang 1, Menawo; MESEJ Kg. Bunang 2, Liawan; dan MESEJ Kg. Lumiri 1 di daerah Keningau seperti **Jadual 1.3**.

JADUAL 1.3
KEDUDUKAN LADANG MESEJ DIPILIH SETAKAT TAHUN 2017

BIL.	MESEJ	KELUASAN (Hektar)	TAHUN DITANAM	TAHUN MATANG	FASA*	BILANGAN PESERTA	DIVIDEN (RM)
1.	Kg. Bunang 1	98	2007	2011	Matang	33	295,500**
2.	Kg. Bunang 2	98	2010	2014	Matang	Tiada	Tiada
3.	Kg. Lumiri 1	74	2017	2021	Belum Matang	Tiada	Tiada

Sumber : LKTNS

*Matang: Telah Menghasilkan Buah Tandan Segar (BTS)

*Belum Matang: Belum Menghasilkan BTS

**Bayaran Dividen bagi tempoh 2015 hingga 2017

1.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan membuat semakan terhadap *management agreement*, minit mesyuarat, rekod Akaun Amanah MESEJ, laporan kemajuan bulanan, baucar bayaran, invois jualan Buah Tandan Segar (BTS) dan lain-lain fail berkaitan dengan MESEJ. Pihak Audit juga mengadakan perbincangan dan temu bual bersama pegawai KPLBS, LKTNS, Pejabat Daerah Keningau (PDK) dan Unit Pembasmian Kemiskinan, PDK bagi mendapatkan penjelasan terhadap isu yang dibangkitkan. Lawatan ke ladang MESEJ yang dipilih turut dilakukan bagi tujuan memastikan program ini dilaksanakan mengikut perancangan yang telah ditetapkan.

1.5. RUMUSAN AUDIT

1.5.1. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga Ogos 2018 merumuskan perkara seperti berikut:

1.5.1.1. Prestasi Program

Objektif program MESEJ bagi pertanian kelapa sawit untuk meningkatkan pendapatan peserta disamping menikmati peningkatan kualiti hidup belum tercapai kerana penyediaan perumahan dan infrastruktur asas belum tersedia dan kurang penyertaan peserta bagi ladang yang telah matang. Selain itu, masih terdapat peserta yang memperolehi pendapatan di bawah Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) walaupun telah menyertai program MESEJ di antara tiga (3) hingga lapan (8) tahun.

1.5.1.2. Pengurusan Program

Pengauditan yang dijalankan mendapati, pengurusan program MESEJ bagi pertanian kelapa sawit adalah kurang cekap terutama dari aspek pemilihan dan penempatan peserta serta pemantauan.

1.5.2 Penemuan utama Audit yang perlu diambil perhatian oleh LKTNS dan KPLBS adalah seperti berikut:

- i. sebanyak tujuh (7) ladang yang telah dilengkapi perumahan dan kemudahan asas namun bilangan penyertaan peserta tidak mencapai sasaran ditetapkan dan satu (1) ladang belum mempunyai peserta;
- ii. pendapatan bagi 10 orang peserta di ladang MESEJ Kg. Bunang 1 masih berada di bawah PGK;
- iii. pencapaian sebenar bagi prestasi kewangan peruntukan KPLBS bagi program MESEJ tidak dapat diukur kerana peruntukan dan perbelanjaan tidak diasingkan mengikut jenis MESEJ yang dibangunkan;
- iv. kelewatan penempatan peserta di MESEJ Kg. Bunang 2 menyebabkan golongan sasaran tidak mendapat manfaat yang ditetapkan; dan
- v. pemantauan kurang berkesan terutamanya melibatkan isu pemilihan peserta dan penyambungan bekalan air dan elektrik.

1.6. PENEMUAN AUDIT TERPERINCI

Perkara yang ditemui dan maklum balas daripada KPLBS, LKTNS dan PDK telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 24 September 2018. Penjelasan lanjut bagi penemuan yang dinyatakan dalam rumusan Audit adalah seperti di perenggan berikut:

1.6.1. Prestasi Program

Surat Pekeling Am Bil. 1 Tahun 2012 (Garis Panduan Pengukuran Pencapaian Program/Projek Pembangunan Melalui Penilaian *Outcome*) mentakrifkan output dan *outcome* projek iaitu kesan/keberhasilan jangka pendek atau sederhana yang diperolehi daripada output pembangunan. Ia merupakan perubahan positif yang seharusnya dicapai melalui program/projek pembangunan terhadap golongan sasar dalam tempoh masa tertentu yang ditetapkan, lazimnya *outcome* akan berlaku dalam tempoh satu (1) hingga lima (5) tahun selepas program/projek pembangunan dilaksanakan bergantung kepada sifat program/projek itu sendiri.

1.6.1.1. Pencapaian Output

Pencapaian output dinilai dari aspek pencapaian keseluruhan pembangunan komponen utama program MESEJ bagi pertanian kelapa sawit yang merangkumi ekonomi, fizikal dan modal insan seperti berikut:

a. Komponen Ekonomi - Pembangunan Tanah

- i. Berdasarkan *Agriculture Policy*, LKTNS mengkelaskan status ladang kepada 3 fasa iaitu pembangunan baru, belum matang dan matang. Fasa pembangunan baru ialah kawasan tanah baru dibuka dan

melibatkan kerja pembersihan kawasan, pembangunan tanah dan penanaman benih kelapa sawit. Belum matang ialah tanaman belum mengeluarkan BTS dan matang ialah tanaman telah mengeluarkan BTS.

- ii. Semakan Audit terhadap dokumen Penyata Kawasan LKTNS bagi tahun 2015, 2016 dan 2017 mendapati, pencapaian fasa pembangunan baru, belum matang dan matang adalah di antara 62% hingga 94.7%. LKTNS telah melaksanakan pembangunan tanah seluas 1,021 hektar (2015), 1,269 hektar (2016) dan 1,326.55 hektar (2017) berbanding sasaran yang ditetapkan. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 1.4**.

JADUAL 1.4
PRESTASI PEMBANGUNAN TANAH BAGI TEMPOH TAHUN 2015 HINGGA 2017

FASA	2015			2016			2017		
	SASARAN (Hektar)	PENCAPAIAN (Hektar)	(%)	SASARAN (Hektar)	PENCAPAIAN (Hektar)	(%)	SASARAN (Hektar)	PENCAPAIAN (Hektar)	(%)
Pembangunan Baru	294	244	83.0	98	94	95.9	196	151.55	77.3
Belum Matang	626	247	39.5	452	354	78.3	256	256	100
Matang	726	530	73.0	790	821	103.9	986	919	93.2
JUMLAH	1,646	1,021	62.0	1,340	1,269	94.7	1,438	1,326.55	92.2

Sumber: Dokumen Penyata Kawasan LKTNS

- iii. Berdasarkan temu bual dengan pegawai LKTNS, fasa pembangunan tanah tidak mencapai sasaran kerana halangan tanah seperti bentuk muka bumi, bantahan penduduk dan ketiadaan jalan masuk ke ladang.

Maklum Balas LKTNS yang Diterima pada 24 September 2018

Pihak LKTNS memaklumkan bahawa sasaran hektar ditetapkan berdasarkan peruntukan kewangan dan pembangunan tanah oleh LKTNS adalah berdasarkan norma per hektar bagi setiap fasa tanpa melihat keadaan sebenar tanah tersebut. Kawasan yang diwartakan bagi projek MESEJ sudah ditetapkan sebelum lokasi dan kesesuaian tanah ditentukan. Halangan pembangunan tanah seperti bentuk muka bumi dan topografi yang tidak sesuai untuk penanaman sawit hanya dikenal pasti selepas pembangunan tanah dimulakan menyebabkan sasaran tidak tercapai.

Pada pendapat Audit, pembangunan tanah bagi tahun 2016 dan 2017 adalah baik kerana pencapaian melebihi 90% daripada sasaran yang ditetapkan. Jumlah keluasan tanah yang dibangunkan juga menunjukkan peningkatan setiap tahun dalam tempoh tiga (3) tahun.

b. Komponen Fizikal - Perumahan dan Infrastruktur

- i. Ladang MESEJ akan disediakan kemudahan rumah dan infrastruktur asas seperti jalan raya, bekalan elektrik dan air. Kemudahan lain seperti surau dan dewan mini turut disediakan. Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar (LPPB) bertanggungjawab menyediakan 33 unit rumah satu tingkat untuk kediaman peserta di kawasan Penempatan Masyarakat Sejahtera (PMS) seluas 20 hektar. Manakala penyediaan infrastruktur asas seperti jalan raya, bekalan air dan elektrik adalah masing-masing di bawah tanggungjawab Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Air Negeri Sabah dan Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB). Pembinaan perumahan dan infrastruktur ini dibiayai melalui Akaun Amanah Khas Pembasmian Kemiskinan yang disumbangkan oleh FELDA kepada Kerajaan Negeri dan dikawal oleh KPLBS.
- ii. Semakan Audit terhadap rekod LKTNS mendapati, sebanyak tujuh (7) ladang telah dilengkappan dengan perumahan dan infrastruktur asas, dua (2) ladang telah disediakan perumahan dan belum dibekalkan air dan elektrik manakala 10 ladang belum dibina perumahan dan belum dibekalkan air dan elektrik. Berdasarkan temu bual dengan pegawai KPLBS, tiada tempoh ditetapkan bagi pembinaan rumah dan infrastruktur asas sama ada pada peringkat ladang belum matang atau telah matang. Butiran adalah seperti di **Jadual 1.5**.

**JADUAL 1.5
STATUS PENYEDIAAN PERUMAHAN DAN
INFRASTRUKTUR ASAS SETAKAT 31 DISEMBER 2017**

BIL.	LADANG MESEJ	FASA	DITANAM/ MATANG (Tahun)	PENYEDIAAN RUMAH	PENYEDIAAN INFRASTRUKTUR ASAS	TEMPOH PENYEDIAAN RUMAH DARI TANAMAN MATANG SEHINGGA DISEMBER 2017 (Tahun)
1.	Kg. Bunang 1, Menawo, Keningau	Matang	2007/ 2011	Siap	Siap	TB
2.	Kg. Labang, Sepulot 1, Nabawan	Matang	2007/ 2012	Siap	Siap	TB
3.	Kg. Sg. Laba, Sebatik	Matang	2009/ 2013	Siap	Siap	TB
4.	Kg. Sapang, Kunak	Matang	2012/ 2016	Siap	Siap	TB
5.	Kg. Melalia, Sipitang	Matang	2010/ 2014	Siap	Siap	TB
6.	Kg. Banting, Sipitang	Matang	2012/ 2017	Siap	Siap	TB
7.	Kg. Balat, Kinabatangan	Matang	2012/ 2017	Siap	Siap	TB
8.	Kg. Bunang 2, Liawan, Keningau	Matang	2010/ 2014	Siap	Jalan perhubungan telah siap. Bekalan air dan elektrik belum tersedia.	TB

BIL.	LADANG MESEJ	FASA	DITANAM/ MATANG (Tahun)	PENYEDIAAN RUMAH	PENYEDIAAN INFRASTRUKTUR ASAS	TEMPOH PENYEDIAAN RUMAH DARI TANAMAN MATANG SEHINGGA DISEMBER 2017 (Tahun)
9.	Kg. Binsuluk, Membakut, Beaufort	Pembangunan Tanah (Tanam semula selepas ladang terbakar)	2012/ 2016	Siap	Jalan perhubungan belum siap. Bekalan air dan elektrik belum tersedia.	2
10.	Kg. Labang, Sepulot 2, Nabawan	Matang	2012/ 2016	Belum dibina	Hanya jalan perhubungan ladang sahaja yang ada. Bekalan air dan elektrik belum tersedia.	2
11.	Kg. Mensalu, Ranau	Matang	2013/ 2017	Belum dibina	Jalan perhubungan belum ada, Bekalan air dan elektrik belum tersedia.	1
12.	Kg. Bakung-Bakung, Lihak-Lihak, Semporna	Matang	2012/ 2016	Belum dibina	Jalan perhubungan belum ada. Bekalan air telah siap. Bekalan elektrik hanya sebahagian yang telah siap.	2
13.	Kg. Tukar, Pitas	Matang	2013/ 2016	Belum dibina	Bekalan air dan elektrik belum tersedia.	2
14.	Kg. Bingkor, Bunang 3, Keningau	Belum Matang	2013/ 2018	Belum dibina	Jalan perhubungan telah siap. Bekalan air dan elektrik belum tersedia.	TB
15.	Kg. Lumiri 1, Keningau	Pembangunan Tanah	2017/ 2021	Belum dibina	Jalan perhubungan, bekalan air dan elektrik belum tersedia.	TB
16.	Kg. Lumiri 2, Keningau	Pembangunan Tanah	2016/ 2019	Belum dibina	Jalan perhubungan belum ada, Bekalan air dan elektrik belum tersedia.	TB
17.	Kg. Lumiri 3, Keningau	Pembangunan Tanah	2015/ 2019	Belum dibina	Jalan perhubungan belum ada. Bekalan air dan elektrik belum tersedia.	TB
18.	Kg. Gramma, Beaufort	Pembangunan Tanah	2015/ 2019	Belum dibina	Jalan perhubungan belum ada. Bekalan air dan elektrik belum tersedia.	TB
19.	Kg. Abai, Kinabatangan	Pembangunan Tanah	TM	Belum dibina	Jalan perhubungan belum ada, Bekalan air dan elektrik belum tersedia.	TB

Sumber: LKTNS

*Nota : TB - Tidak Berkenaan

- iii. Temu bual dengan pegawai KPLBS mendapati, pembinaan perumahan dan infrastruktur asas dibiayai oleh peruntukan daripada FELDA yang disalurkan ke Akaun Amanah Pembasmian Kemiskinan Sumbangan

FELDA yang dikawal oleh KPLBS. Bagaimanapun, peruntukan daripada akaun amanah ini telah tidak disalurkan kepada KPLBS sejak tahun 2015 menyebabkan penyediaan perumahan dan infrastruktur asas tidak dapat dilaksanakan di 10 daripada 19 ladang. Kelewatan penyediaan perumahan dan infrastruktur asas menyebabkan manfaat program lewat dinikmati oleh golongan sasar.

Maklum Balas KPLBS yang Diterima pada 24 September 2018

Kos pembinaan rumah dan infrastruktur MESEJ dibiayai sepenuhnya menggunakan peruntukan daripada Akaun Amanah Pembasmian Kemiskinan Sumbangan FELDA. Bagaimanapun, KPLBS tidak menerima sumbangan daripada FELDA sejak tahun 2015 menyebabkan tiada peruntukan tersedia untuk membina perumahan peserta. Setakat 31 Disember 2017, akaun tersebut mempunyai baki berjumlah RM15,223.407.31. Oleh itu, KPLBS bercadang untuk melaksanakan pembinaan perumahan mengikut konsep Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) menggunakan peruntukan Persekutuan.

Pada pendapat Audit, prestasi output bagi menyediakan perumahan dan infrastruktur asas belum tercapai memberi kesan terhadap pencapaian objektif program MESEJ untuk meningkatkan pendapatan golongan sasaran.

c. Komponen Modal Insan : Penyertaan Peserta

- i. Berdasarkan norma bagi program MESEJ, LKTNS menetapkan bilangan peserta setiap MESEJ ialah 33 orang berdasarkan pemilihan yang dibuat oleh Pejabat Daerah. Setiap peserta yang terpilih dikehendaki bekerja di ladang dan mendiami rumah yang telah disediakan.
- ii. Semakan Audit mendapati peserta telah ditempatkan di tujuh (7) ladang MESEJ manakala 12 ladang lagi belum ditempatkan peserta. Semakan Audit selanjutnya mendapati, tiga (3) daripada tujuh (7) ladang tersebut mempunyai bilangan peserta di antara tujuh (7) hingga 28 orang iaitu kurang daripada bilangan 33 orang peserta yang ditetapkan. Maklumat lanjut adalah seperti **Jadual 1.6**.

JADUAL 1.6
BILANGAN PENYERTAAN PESERTA

BIL.	MESEJ	DITANAM/ MATANG (Tahun)	STATUS PENYEDIAAN RUMAH	BILANGAN PESERTA (Orang)
1.	Kg. Bunang 1, Menawo	2007/2011	Siap	33
2.	Kg. Laba ,Sebatik	2007/2012	Siap	33
3.	Kg.Balat, Kinabatangan	2009/2013	Siap	33
4.	Kg.Sapang, Kunak	2012/2016	Siap	31
5.	Kg. Labang, Sepulot 1	2010/2014	Siap	28
6.	Kg.Banting, Sipitang	2012/2017	Siap	28
7.	Kg.Malalia, Sipitang	2012/2017	Siap	7
8.	Kg. Bunang 2, Liawan	2010/2014	Siap	0
9.	Kg.Binsuluk, Membakut	2012/TM	Dalam pembinaan – Peringkat akhir menunggu pengesahan Sijil Siap	0
10.	Kg. Labang, Sepulot 2	2012/2016	Belum dibina	0
11.	Kg.Mensalu, Ranau	2013/2017	Belum dibina	0
12.	Kg.Bakung-Bakung, Lihak-Lihak	2012/2016	Belum dibina	0
13.	Kg.Tukar, Pitas	2013/2016	Belum dibina	0
14.	Kg.Bunang 3, Bingkor	2013/2018	Belum dibina	0
15.	Kg. Lumiri 1, Keningau	2017/2021	Belum dibina	0
16.	Kg. Gramma, Beaufort	2016/2019	Belum dibina	0
17.	Kg.Abai, Kinabatangan	2015/2019	Belum dibina	0
18.	Kg. Lumiri 2, Keningau	2015/2019	Belum dibina	0
19.	Kg. Lumiri 3, Keningau	TM	Belum dibina	0

Sumber: LKTNS

* Nota: TM – Tiada Maklumat

- iii. Kekurangan penyertaan peserta berbanding bilangan yang ditetapkan adalah disebabkan pejabat daerah menghadapi kesukaran memilih peserta yang benar-benar berminat dan layak untuk menyertai Program MESEJ. Hasil temu duga yang dijalankan oleh pejabat daerah terhadap calon peserta menyatakan kebanyakan calon tidak berminat bekerja di ladang kerana faktor umur dan masalah kesihatan. Selain itu, mereka juga enggan berpindah ke tempat baru di kawasan Penempatan Masyarakat Sejahtera (PMS) yang disediakan. Manakala sesetengah calon hanya berminat untuk mendapatkan rumah tanpa bekerja di ladang.
- iv. Kesannya, sasaran untuk menempatkan golongan miskin tegar bekerja di ladang MESEJ bagi meningkatkan pendapatan tidak tercapai.

Maklum Balas PDK yang Diterima pada 24 September 2018

Kelewatan kemasukan peserta bagi MESEJ Kg. Bunang 2 disebabkan Pejabat Daerah Keningau (PDK) mengambil tindakan penambahbaikan

dengan memperketatkan aspek kesihatan. Seramai 50 orang calon yang berdaftar dengan e-Kasih telah ditemu duga dan hanya 19 orang calon layak dipilih kerana menepati kriteria yang ditetapkan serta lulus pemeriksaan kesihatan. PDK menetapkan sasaran bekalan air dan elektrik akan disambung ke setiap rumah dan peserta akan ditempatkan di MESEJ Kg. Bunang 2 pada bulan Oktober 2018.

Pada pendapat Audit, penyertaan peserta yang tidak mencapai sasaran telah menjaskan pencapaian objektif program.

1.6.1.2. Pencapaian *Outcome*

- a. Objektif MESEJ ialah meningkatkan pendapatan golongan miskin tegar secara mampan di samping meningkatkan kualiti hidup. Kumpulan sasar ditetapkan ialah Ketua Isi Rumah Miskin Tegar (KIRMT) yang berdaftar dengan e-Kasih. Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) ialah pendapatan isi rumah yang ditetapkan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU, JPM) sebagai pengukuran kepada status kemiskinan bagi sesuatu isi rumah yang berdaftar dalam sistem e-Kasih. Pengukuran PGK Tahun 2014 yang diguna pakai mulai 1 September 2015 adalah seperti **Jadual 1.7**.

JADUAL 1.7
PENDAPATAN GARIS KEMISKINAN BAGI NEGERI SABAH

WILAYAH	ISI RUMAH (RM Bulanan)	
	MISKIN	MISKIN TEGAR
Bandar	1,160	690
Luar Bandar	1,180	760

Sumber : Laman Web Jabatan Statistik Malaysia

- b. Pemeriksaan Audit terhadap tiga (3) ladang MESEJ yang dipilih mendapati, satu (1) ladang iaitu MESEJ Kg. Bunang 1 telah mengeluarkan hasil dan diusahakan oleh 33 orang peserta manakala dua (2) ladang lain belum mempunyai peserta. LKTNS ada menyediakan laporan pendapatan peserta MESEJ Kg. Bunang 1 pada setiap bulan dan dilaporkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal MESEJ bagi daerah Keningau. Analisis Audit terhadap laporan tersebut mendapati, purata pendapatan bulanan 33 orang peserta MESEJ Kg. Bunang 1 bagi tahun 2017 adalah di antara RM0.00 hingga RM2,174.23 seperti di **Jadual 1.8**.

JADUAL 1.8
PURATA PENDAPATAN BULANAN PESERTA MESEJ KG. BUNANG 1 BAGI TAHUN 2017

BIL.	NAMA PESERTA	GAJI / UPAH SETAHUN (RM)	DIVIDEN SETAHUN (RM)	JUMLAH PENDAPATAN (RM)	PURATA PENDAPATAN BULANAN (RM)
1.	Sabidin Bin Lazim	22,490.74	3,600	26,090.74	2,174.23
2.	Kasimah @ Kasmah Binti Sidak @ Sidok (Suami Jaim Morudin)	18,913.23	3,600	22,513.23	1,876.10
3.	Antakin @ Ahmad Bin Ampulin	17,537.03	3,600	21,137.03	1,761.42
4.	Petrus @ Yuyah Tongsip	17,344.08	3,600	20,944.08	1,745.34
5.	Dunie Bin Dungku	15,404.06	3,600	19,004.06	1,583.67
6.	Wasinin @ Minin Bin Burahim	15,282.00	3,600	18,882.00	1,573.50
7.	Sinus Basi	15,260.68	3,600	18,860.68	1,571.72
8.	Pius Bin Gidang	14,680.78	3,600	18,280.78	1,523.40
9.	Saib Sabayoi	14,642.50	3,600	18,242.50	1,520.21
10.	Jusilin Bandisa	14,517.70	3,600	18,117.70	1,509.81
11.	Abir Berik	14,394.95	3,600	17,994.95	1,499.58
12.	Jerry Gimí	12,834.00	3,600	16,434.00	1,369.50
13.	Enson Muri	11,632.22	3,600	15,232.22	1,269.35
14.	Aloysius Bin Marupin	11,555.14	3,600	15,155.14	1,262.93
15.	Piloh Bin Sopongou	13,401.00	3,600	17,001.00	1,416.75
16.	Julianus Bin Bakar	10,227.20	3,600	13,827.20	1,152.27
17.	Severinus Bin Ambrose	10,211.90	3,600	13,811.90	1,150.99
18.	Lawrence Bin Kajok	10,190.44	3,600	13,790.44	1,149.20
19.	Hasimin @ Hasmeh Salih	9,163.42	3,600	12,763.42	1,063.62
20.	Madus Suyoh	8,417.15	3,600	12,017.15	1,001.43
21.	Jerris Jawi	8,326.31	3,600	11,926.31	993.86
22.	Langgungan Bin Sandam	7,781.65	3,600	11,381.65	948.47
23.	Fabian Josue Bikolos	7,199.83	3,600	10,799.83	899.99
24.	Jaliah Binti Muadin @ Jaliah Gusti	5,223.42	3,600	8,823.42	735.29
25.	Jinikah @ Junikah Ikang	4,370.46	3,600	7,970.46	664.21
26.	Khairul Mawazini Bin Jamaatin	2,953.84	3,600	6,553.84	546.15
27.	Mohd Faizal Abdullah	0.00	0	0.00	0.00
28.	Raymon Bin Nedin	0.00	0	0.00	0.00
29.	Markus Karop	0.00	0	0.00	0.00
30.	Jahipin Bin Darius @ Darus	0.00	0	0.00	0.00
31.	Menus @ Maddy Bin Ugihad	0.00	0	0.00	0.00
32.	Laipah @ Rusineh Kerinong	0.00	0	0.00	0.00
33.	Syril Tambuli @ Muhammad Tambiliu	0.00	0	0.00	0.00
JUMLAH		313,955.73	93,600	407,555.73	33,962.98

Sumber: LKTNs

- c. Analisis Audit mendapati pada tahun 2017, seramai 15 daripada 33 orang peserta di MESEJ Kg. Bunang 1 memperolehi purata pendapatan bulanan melebihi PGK ditetapkan iaitu RM1,180. Manakala lapan (8) orang peserta memperolehi pendapatan bulanan melebihi PGK tegar iaitu RM760 dan baki 10 orang peserta memperolehi purata pendapatan bulanan di bawah PGK tegar. Butiran adalah seperti di **Jadual 1.9**.

JADUAL 1.9
BILANGAN PESERTA MESEJ KG. BUNANG 1
YANG TELAH MELEPASI PGK DAN MASIH DI BAWAH PGK

PURATA PENDAPATAN BULANAN (RM)	KATEGORI	BILANGAN PESERTA	PERATUS (%)
RM0 hingga RM760	Miskin Tegar	10	30.30
RM760 hingga RM1,180	Miskin	8	24.24
Melebihi RM1,180	Melepasi PGK	15	45.45
JUMLAH		33	100

Sumber: LKTNS

- d. Temu bual Audit dengan para peserta MESEJ Bunang 1 pada 12 Julai 2018 mendapati, peserta yang tidak hadir bekerja disebabkan mengikuti program anjuran jabatan lain dan sakit. Amaran telah diberikan oleh Pejabat Daerah Keningau dan peserta yang tidak dapat memberi komitmen akan dikeluarkan daripada program MESEJ. Manakala temu bual Audit dengan pegawai LKTNS mendapati, jumlah pendapatan adalah bergantung kepada kehadiran peserta. Oleh itu, bagi peserta yang tidak hadir bekerja sepanjang tahun tidak akan mempunyai pendapatan dan tidak layak menerima dividen. Antara faktor peserta tidak hadir bekerja adalah disebabkan tidak berminat dengan projek MESEJ, masalah kesihatan dan mempunyai komitmen lain. Sementara itu, tiada tindakan diambil oleh jawatankuasa peringkat daerah terhadap peserta yang langsung tidak hadir bekerja. Kesannya, hanya 23 (69.7%) daripada 33 orang peserta berjaya meningkatkan pendapatan selepas menyertai program MESEJ.

Maklum Balas LKTNS yang Diterima pada 24 September 2018

Pendapatan peserta dipengaruhi oleh faktor kehadiran, jenis kerja seperti upah untuk menuai Buah Tandan Segar (BTS) yang lebih tinggi berbanding kerja pembersihan dan penyenggaraan ladang. LKTNS mencadangkan supaya pihak KPLBS menilai semula bilangan peserta yang sesuai untuk ditempatkan di setiap MESEJ. Secara idealnya, keluasan kawasan bertanam 98 hektar hanya diusahakan oleh maksimum 20 orang peserta bagi menjamin pendapatan mereka mencapai paras gaji minimum yang ditetapkan oleh Kerajaan. Tindakan ini seterusnya akan membantu peserta mencapai objektif jangka panjang MESEJ untuk mengeluarkan mereka daripada Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK).

Pada pendapat Audit, program MESEJ bagi pertanian kelapa sawit di MESEJ Kg. Bunang 1 adalah baik kerana purata pendapatan bulanan bagi 23 daripada 33 peserta telah melepasi PGK. Bagaimanapun, sikap peserta yang tidak hadir bekerja menyebabkan objektif program MESEJ untuk

meningkatkan pendapatan peserta dan mengeluarkan mereka daripada PGK sukar untuk dicapai.

1.6.2. Pengurusan Program

Beberapa aspek pematuhan disemak dan dinilai untuk memastikan pelaksanaan Program MESEJ selari dengan objektifnya. Semakan Audit selanjutnya mendapati perkara berikut:

1.6.2.1. Prestasi Kewangan

Program MESEJ dibiayai melalui tiga (3) sumber kewangan iaitu peruntukan pembangunan negeri, Akaun Amanah Pembasmian Kemiskinan Sumbangan FELDA dan Akaun Amanah MESEJ. Kos pembangunan ladang MESEJ ditanggung oleh Kerajaan Negeri melalui KPLBS sehingga ladang matang dan mengeluarkan hasil jualan Buah Tandan Segar (BTS) menggunakan peruntukan pembangunan iaitu untuk jangkaan tempoh lima (5) tahun. Selepas tempoh tersebut, kos operasi ladang akan dibiayai sepenuhnya melalui hasil jualan BTS yang diakaunkan ke Akaun Amanah MESEJ. Lebihan bersih hasil jualan BTS setelah ditolak kos operasi akan diagihkan untuk membayar dividen kepada peserta MESEJ. Akaun Amanah Pembasmian Kemiskinan Sumbangan FELDA pula digunakan untuk membiayai kos pembinaan perumahan dan infrastruktur asas.

a. Peruntukan Pembangunan

- i. KPLBS menggunakan peruntukan pembangunan untuk membiayai tiga (3) program utama di bawah Vot Pembasmian Kemiskinan iaitu :
 - MESEJ
 - Program Peningkatan Ekonomi Setempat
 - Program Pembangunan Sumber Manusia
- ii. Semakan Audit mendapati, bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017, KPLBS telah diluluskan peruntukan di bawah vot Pembasmian Kemiskinan berjumlah RM51.58 juta dan RM48.08 juta. Sejumlah RM42.40 juta telah dibelanjakan termasuk bagi Program Mini Estet Sejahtera (MESEJ) seperti **Jadual 1.10**.

JADUAL 1.10
PRESTASI PERBELANJAAN PROGRAM
PEMBASMIAN KEMISKINAN BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2017

TAHUN	PERUNTUKAN DIPOHON (RM Juta)	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PERATUS (%)
2015	18.50	18.50	14.04	75.9
2016	18.50	14.58	14.15	97.1
2017	30.00	15.00	14.21	94.7
JUMLAH	67.00	48.08	42.40	88.2

Sumber: KPLBS

- iii. Berdasarkan **Jadual 1.10**, analisis Audit mendapati, prestasi perbelanjaan pada tahun 2015 hanya mencapai 75.9% daripada peruntukan yang diluluskan. Bagaimanapun, prestasi perbelanjaan bagi Program Pembasmian Kemiskinan pada tahun 2016 dan 2017 adalah baik kerana mencapai antara 94.7% hingga 97.1% daripada peruntukan diluluskan. Bagaimanapun, prestasi kewangan bagi MESEJ bagi pertanian kelapa sawit tidak dapat ditentukan kerana peruntukan dan perbelanjaan sebenar bagi ketiga-tiga program di bawah vot Pembasmian Kemiskinan tidak diasingkan. Semakan Audit terhadap rekod LKTNS mendapati, LKTNS memohon bajet tahunan bagi tahun 2015, 2016 dan 2017 masing-masing sebanyak RM1,886,117.00, RM1,646,194.00 dan RM2,630,165.00. Manakala jumlah tuntutan balik LKTNS kepada KPLBS bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017 ialah di antara RM464,463.02 hingga RM2,484,096.58 bagi ketiga-tiga ladang MESEJ seperti **Jadual 1.11**.

JADUAL 1.11
JUMLAH TUNTUTAN BALIK LKTNS KEPADA KPLBS BAGI TEMPOH 2015 HINGGA 2017

MESEJ	AMAUN TUNTUTAN BALIK (RM)
Kg. Bunang 1	2,484,096.58
Kg. Bunang 2	464,463.02
Kg. Lumiri 1	2,109,507.18

Sumber: LKTNS

- iv. Menurut pegawai KPLBS, tiada mekanisme ditetapkan bagi membolehkan prestasi perbelanjaan sesuatu program dapat diukur. Kaedah penyediaan anggaran perbelanjaan bagi program MESEJ biasanya dibuat berdasarkan jumlah tuntutan balik dan permohonan bajet tahunan oleh LKTNS.

Maklum Balas KPLBS yang Diterima pada 24 September 2018

Pihak KPLBS memaklumkan sebahagian besar daripada peruntukan di bawah vot pembasmian kemiskinan dibelanjakan untuk program MESEJ berbanding program lain di bawah vot yang sama iaitu Modal Insan dan Peningkatan Ekonomi. Walau bagaimanapun, pihak KPLBS bersetuju dengan penemuan Audit dan akan mengasingkan peruntukan dan perbelanjaan MESEJ pada masa akan datang.

b. Akaun Amanah Pembasmian Kemiskinan Sumbangan FELDA

Mengikut Arahan Akaun Amanah Bil.11/2007, Kementerian Kewangan Negeri Sabah telah meluluskan Akaun Amanah Pembasmian Kemiskinan pada 31 Julai 2007 bagi tujuan mengakaun terimaan dividen/sumbangan daripada Agensi Kerajaan Persekutuan (FELDA). Jenis perbelanjaan yang dibenarkan dari Akaun Amanah ini ialah:

- i. Pembinaan Program Pembangunan Masyarakat (PPMS) atau lain-lain penempatan yang diperakui oleh KPLBS termasuk penyediaan infrastruktur dalaman dan kemudahan asas, rumah-rumah dan ameniti sosial yang lain. Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar (LPPB) telah dilantik oleh KPLB sebagai agensi pelaksana bagi pembinaan Perumahan Masyarakat Sejahtera (PMS) di MESEJ;
- ii. pembinaan dan pemberian rumah Ketua Isi Rumah Termiskin (KIRT) di daerah-daerah oleh Pejabat Daerah;
- iii. menaik taraf atau menyokong penyambungan bekalan air dan elektrik luar bandar dan lain-lain infrastruktur yang diperlukan di MESEJ yang diperakui oleh KPLBS atau penempatan yang bertujuan sama; dan.
- iv. bantuan kebajikan kepada KIRT yang tidak produktif (warga tua) dan Orang Kurang Upaya (OKU) dalam senarai miskin tegar.

Semakan Audit terhadap buku rekod Akaun Amanah Pembasmian Kemiskinan mendapati setakat 31 Disember 2017, baki akaun ialah RM15.22 juta dan bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017 sejumlah RM15.23 juta telah dibelanjakan. Akaun ini menerima sumbangan daripada FELDA kali terakhir pada tahun 2014 berjumlah RM7 juta. Bagaimanapun, semakan lanjut Audit mendapati, peruntukan dan perbelanjaan sebenar bagi semua program di bawah akaun amanah ini seperti MESEJ Kelapa Sawit, MESEJ Akuakultur dan MESEJ Getah tidak diasingkan. Oleh itu, prestasi perbelanjaan sebenar

bagi tujuan pembinaan perumahan dan infrastruktur asas di MESEJ pertanian kelapa sawit tidak dapat diukur.

Maklum Balas KPLBS yang Diterima pada 24 September 2018

Pihak KPLBS menyatakan peruntukan dan Perbelanjaan Akaun Amanah Pembasmian Kemiskinan Sumbangan FELDA hanya diasingkan mengikut jenis perbelanjaan untuk pembinaan rumah dan kemudahan infrastruktur serta pelbagai perbelanjaan bagi semua program MESEJ. Bagaimanapun, tiada pengasingan dibuat mengikut jenis MESEJ yang dibangunkan.

c. Akaun Amanah MESEJ

- i. Akaun Amanah MESEJ diwujudkan apabila ladang sudah mendapat hasil daripada jualan Buah Tandan Segar (BTS) dan dikawal oleh KPLBS. Mengikut Arahan Akaun Amanah MESEJ, sumber penerimaan akaun amanah adalah hasil jualan BTS manakala jenis perbelanjaan yang dibenarkan ialah perbelanjaan operasi seperti kos pemeliharaan dan pengurusan ladang, bayaran balik kepada agensi pelaksana, yuran pengurusan, utiliti, gaji dan upah, insurans, tabung kebajikan dan dividen.
- ii. Semakan Audit mendapati, pengurusan akaun ini telah dibuat dengan teratur. Semua hasil telah direkodkan dengan teratur dan tepat manakala perbelanjaan adalah betul untuk tujuan yang diperuntukkan. Kementerian Kewangan Negeri Sabah telah memberi kelulusan kepada KPLBS untuk mewujudkan Akaun Amanah MESEJ Kg. Bunang 1 dan MESEJ Kg. Bunang 2 kerana ladang telah mengeluarkan hasil iaitu melalui jualan BTS. Berdasarkan rekod KPLBS, terimaan Akaun Amanah MESEJ Kg. Bunang 1 bagi tahun 2015 hingga 2017 adalah berjumlah RM3.53 juta dan sejumlah RM2.32 juta (66.8%) telah dibelanjakan untuk membiayai kos operasi ladang termasuk pembayaran dividen kepada peserta MESEJ Kg. Bunang 1 yang berjumlah RM295,500. Manakala terimaan Akaun Amanah MESEJ Kg. Bunang 2 bagi tahun 2015 hingga 2017 adalah berjumlah RM0.93 juta dan tiada perbelanjaan dibuat menggunakan hasil Akaun Amanah MESEJ Kg. Bunang 2 sepanjang tempoh tersebut. Butiran terimaan dan perbelanjaan Akaun Amanah MESEJ Kg. Bunang 1 dan MESEJ Kg. Bunang 2 adalah seperti **Jadual 1.12**.

JADUAL 1.12
PRESTASI PERBELANJAAN AKAUN AMANAH MESEJ
KG. BUNANG1 DAN KG. BUNANG 2 BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2017

TAHUN	KG. BUNANG 1			KG. BUNANG 2		
	TERIMAAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	LEBIHAN/ (Kurangan)	TERIMAAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	LEBIHAN/ (Kurangan)
2015	1.45	1.11	0.34	0.02	0	0
2016	0.75	0.62	0.13	0.20	0	0
2017	1.33	0.63	0.7	0.71	0	0
JUMLAH	3.53	2.36	1.17	0.93	0	0

Sumber: KPLBS

iii. Pembayaran Dividen

- Mesyuarat Kabinet Negeri Sabah Bilangan 16/2013 pada 4 September 2013 telah meluluskan pembayaran dividen kepada peserta MESEJ Kg. Bunang 1 sebanyak RM300 sebulan dan dibayar setiap suku tahun berkuat kuasa 1 Januari 2013. Pembayaran dividen dibuat dengan mengkreditkan ke akaun bank peserta yang aktif.
- Semakan Audit bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017 mendapati, sejumlah RM295,500 dividen telah dibayar seperti **Jadual 1.13**.

JADUAL 1.13
KEKERAPAN PEMBAYARAN DIVIDEN

TAHUN	BAYARAN	TARIKH BAUCAR	BILANGAN PESERTA	JUMLAH DIVIDEN (RM)	JUMLAH (RM)
2015	Pertama	06.07.2015	29	1,800	52,200
	Kedua	18.09.2015	29	900	26,100
	Ketiga	17.11.2015	29	900	26,100
2016	Pertama	11.03.2016 14.03.2016 15.03.2016 16.03.2016	29	900	26,100
	Kedua	27.06.2016	26	900	23,400
	Ketiga	17.10.2016	1	1,200	1,200
	Keempat	23.11.2016	26	900	23,400
	Kelima	TM	26	900	23,400
2017	Pertama	09.05.2017	26	900	23,400
	Kedua	06.10.2017	26	1,800	46,800
	Ketiga	28.11.2017	26	900	23,400
JUMLAH					295,500

Sumber: KPLBS

- Semakan Audit mendapati sehingga tarikh pengauditan, dividen bagi bulan Julai hingga September 2017 belum dibayar kepada peserta MESEJ Kg. Bunang 1. Pihak Audit dimaklumkan dividen ini akan dibayar pada bulan Oktober 2018.

Maklum Balas KPLBS yang Diterima pada 24 September 2018

Pihak KPLBS memaklumkan dividen bagi tahun semasa hanya akan dibayar pada tahun kewangan berikutnya pada setiap sukuan tahun. Setakat hari ini, tiada tunggakan berlaku terhadap bayaran dividen.

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan pembangunan tanah MESEJ pertanian kelapa sawit adalah baik disebabkan perbelanjaan telah dibuat berdasarkan tuntutan sebenar daripada LKTNS. Akaun Amanah MESEJ Kg. Bunang 1 pula didapati mampu mencapai objektifnya untuk menampung perbelanjaan pengurusan ladang melalui hasil yang dikutip dan membayar dividen kepada peserta. Bagaimanapun, prestasi perbelanjaan bagi pembangunan perumahan dan infrastruktur melalui Akaun Amanah Pembasmian Kemiskinan Sumbangan FELDA tidak dapat dinilai kerana rekod peruntukan dan perbelanjaan yang bertujuan untuk membiayai pelbagai program pembasmian kemiskinan tidak diasangkan mengikut jenis program.

1.6.2.2. Pemilihan Peserta

Pemilihan peserta ladang MESEJ dilaksanakan di peringkat Pejabat Daerah atau pihak berkuasa tempatan yang terlibat. Semakan Audit terhadap pemilihan dan penempatan peserta mendapati perkara berikut:

a. Pemilihan Peserta Tidak Mengikut Kriteria

- i. Berdasarkan surat bertarikh 6 Jun 2018 daripada Pejabat Daerah Keningau menyatakan, syarat kelayakan peserta yang ditetapkan ialah berdaftar dengan e-Kasih di bawah kategori miskin tegar, miskin dan mudah miskin, had umur tidak kurang 40 hingga 50 tahun dan berasal dari kampung dalam kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) berkaitan. Senarai nama calon peserta dihantar oleh Pemimpin Kemajuan Rakyat (PKR) setiap DUN kepada Pejabat Daerah Keningau (PDK) dan calon akan dipanggil untuk ditemu duga oleh PDK. Calon akan dinilai berdasarkan kriteria seperti tiada rumah dan kerja, tiada tanah dan sanggup bekerja di ladang dan sanggup berpindah serta tidak pernah mendapat bantuan Program Bantuan Rumah (PBR). Calon akan menandatangi satu Aku Janji setelah dipilih sebagai peserta MESEJ.
- ii. Semakan Audit mendapati, seramai 27 daripada 33 orang peserta telah mematuhi kesemua 11 kriteria pemilihan yang ditetapkan. Bagaimanapun, enam (6) daripada 33 orang peserta tersebut telah tidak mematuhi dua (2) daripada 11 kriteria yang ditetapkan iaitu tiga (3)

peserta tidak berdaftar dengan sistem e-Kasih, dua (2) peserta tidak berumur di antara 40 hingga 55 tahun manakala satu (1) peserta tidak mematuhi kedua-dua kriteria tersebut. Perkara ini berlaku kerana pemilihan peserta tidak dirujuk kepada sistem e-Kasih sebaliknya berdasarkan cadangan wakil rakyat daerah terlibat yang diajukan secara lisan. Kesannya, golongan sasaran yang tidak berdaftar dengan sistem e-Kasih mendapat manfaat program ini.

Maklum Balas PDK yang Diterima pada 24 September 2018

Pihak PDK menyatakan tindakan penambahbaikan telah diambil untuk sesi pemilihan calon peserta MESEJ Kg. Bunang 2 bagi mengelakkan perkara sama berulang. PDK telah menambah baik kriteria pemilihan dengan menurunkan had umur peserta dari 40 tahun kepada 25 tahun serta mewajibkan peserta menjalani pemeriksaan kesihatan sebelum menyertai MESEJ.

Pada pendapat Audit, proses pemilihan peserta MESEJ adalah tidak cekap kerana pemilihan peserta tidak mengikut kriteria ditetapkan.

b. Kelewatan Penempatan Peserta

- i. Dasar Kerajaan melalui program MESEJ mensasarkan setiap peserta yang menyertai MESEJ akan menikmati peningkatan pendapatan secara mampan dan kualiti hidup dengan melibatkan peserta secara aktif di ladang, mewujudkan penempatan yang selesa dan menyediakan prasarana asas, utiliti serta kemudahan sosial yang berkualiti. Oleh itu, penempatan peserta di ladang MESEJ perlu dilaksanakan dengan segera apabila kemudahan rumah dan infrastruktur asas telah lengkap disediakan.
- ii. Ladang MESEJ Kg. Bunang 2 telah ditanam pada tahun 2010 dan matang pada tahun 2014. Rumah peserta dan infrastruktur asas seperti surau dan dewan mini telah siap dibina pada 17 April 2015 dan telah diserahkan milik oleh LPPB kepada Pejabat Daerah Keningau pada 31 Januari 2017. Bagaimanapun, sehingga bulan Disember 2017, senarai nama peserta yang akan menyertai MESEJ Kg. Bunang 2 masih belum dimuktamadkan oleh Pejabat Daerah Keningau. Mengikut rekod LKTNS, MESEJ Kg. Bunang 2 telah mengeluarkan hasil dan diusahakan oleh pekerja asing yang diupah sejak tahun 2015.

- iii. Kemudahan untuk peserta seperti rumah, dewan mini dan surau yang telah siap dibina di tiga (3) ladang MESEJ dilawati adalah seperti **Gambar 1.1 hingga Gambar 1.4.**

GAMBAR 1.1



MESEJ Kg. Bunang 2, Kg.Liawan Keningau
- Rumah Telah Siap Dibina
(11.07.2018)

GAMBAR 1.2



MESEJ Kg. Bunang 2, Kg.Liawan Keningau
- Jalan Perhubungan Telah Siap
(11.07.2018)

GAMBAR 1.3



MESEJ Kg. Bunang 2, Kg.Liawan Keningau
- Surau Telah Siap Dibina
(11.07.2018)

GAMBAR 1.4



MESEJ Kg. Bunang 2, Kg.Liawan Keningau
- Dewan Mini Telah Siap Dibina
(11.07.2018)

- iv. Kelewatan penempatan peserta di MESEJ Kg. Bunang 2 adalah disebabkan proses pemilihan peserta dan masalah penyambungan bekalan air dan elektrik belum diselesaikan oleh Pejabat Daerah Keningau (PDK) walaupun perumahan peserta dan infrastruktur asas telah disiapkan. Semakan Audit terhadap rekod temu duga di Pejabat Daerah Keningau mendapati, proses pemilihan peserta oleh Jawatankuasa Pemilihan PDK dimulakan pada tahun 2017 walaupun MESEJ Kg. Bunang 2 telah matang pada tahun 2014. Sehingga tarikh pengauditian, PDK telah mengambil tindakan memohon semula penyambungan bekalan air dan elektrik pada bulan Julai 2018 seperti **Jadual 1.14.**

JADUAL 1.14
KRONOLOGI PEMILIHAN PESERTA DI MESEJ KG. BUNANG 2

BIL.	NO. RUJUKAN	TARIKH	PERKARA	CATATAN
1.	PDKGU:100-44/36/1	31.01.2017	Majlis Penyerahan Kunci dan Hak Milik 33 Unit Rumah Fasa 2 MESEJ Bunang, Sook Keningau	LPPB kepada Pejabat Daerah Keningau.

BIL.	NO. RUJUKAN	TARIKH	PERKARA	CATATAN
2.	PDKGU:100-44/5/6/KLT. 2	28.02.2017	Pencalonan Peserta MESEJ Kg. Bunang 2	Telah terima pencalonan awal dan minta kemuka sekali lagi tidak kurang 20 calon yang layak berdasarkan kriteria ditetapkan.
3.	PDKGU:100-44/36/KLT 7	06.06.2018	Sesi Temuduga Pengambilan Peserta Baru MESEJ Kg. Bunang 2	Tarikh temuduga 23.7.2018 9.00 pagi di Pejabat Daerah Keningau.
4.	PDKGU:100-44/36/KLT.7	13.07.2018	Permakluman Peserta Program Mini Estate Sejahtera (MESEJ) Bagi Pertanian Kelapa Sawit - Permohonan Semula Bekalan Elektrik	Kelewatan pemasangan meter elektrik di perumahan Fasa 2 MESEJ Bunang.

Sumber: Pejabat Daerah Keningau

- v. Kesannya, objektif program tidak tercapai kerana ladang yang telah sedia diduduki dan mengeluarkan hasil tidak dapat dimanfaatkan oleh 33 orang golongan sasar. Selain itu, jika isu penempatan peserta ini tidak diselesaikan segera, Kerajaan akan menanggung kos tambahan bagi membaiki kerosakan kemudahan yang tidak digunakan.

Maklum Balas PDK yang Diterima pada 24 September 2018

Pihak PDK menyatakan penempatan peserta ke MESEJ Kg. Bunang 2 dijangkakan akan dapat diselesaikan pada bulan Oktober 2018 dengan memasukkan seramai 19 orang peserta yang telah memenuhi kriteria pemilihan manakala baki 14 orang calon peserta akan dibuat pemilihan pada sesi temu duga akan datang.

Pada pendapat Audit, penempatan peserta MESEJ adalah tidak cekap kerana proses pemilihan peserta hanya dimulakan pada tahun 2017 iaitu selepas dua (2) tahun perumahan dan infrastruktur asas siap dibina.

c. Ladang MESEJ Diusahakan oleh Pekerja Bukan Peserta (Pekerja Asing)

- i. *Management Agreement Klaus 3 Duties and Responsibilities of SLDB* perkara (h) menyatakan tanggungjawab LKTNS memberi keutamaan kepada golongan miskin tegar yang berdaftar di bawah program MESEJ untuk bekerja di ladang kelapa sawit MESEJ dan dibayar gaji dan upah mengikut kadar yang ditetapkan oleh LKTNS. Sehubungan dengan itu, peserta yang menyertai MESEJ dapat menjana pendapatan bulanan daripada bayaran gaji, upah dan elauan sebagai pekerja ladang serta dividen daripada Akaun Amanah MESEJ. Kadar gaji, upah dan elauan yang dibayar sebagai pekerja ladang adalah mengikut jenis kerja yang dibuat.

- ii. Analisis lanjut terhadap rekod pekerja di MESEJ Kg. Bunang 2 mendapati, MESEJ Kg. Bunang 2 telah diusahakan oleh 16 orang pekerja asing untuk melaksanakan kerja-kerja operasi ladang dengan bayaran berjumlah RM193,540.71 sejak tahun 2015.
- iii. Menurut pegawai LKTNS, ketiadaan peserta di MESEJ Kg. Bunang 2 telah menyebabkan LKTNS terpaksa mengupah pekerja asing untuk melaksanakan kerja-kerja operasi ladang. Tujuan pengambilan pekerja asing adalah sebagai alternatif bagi mempercepatkan pembangunan ladang di MESEJ Kg. Bunang 2. Bagaimanapun, keadaan ini telah memberi kesan terhadap pencapaian objektif program MESEJ kerana pekerja asing yang bekerja di MESEJ Kg. Bunang 2 mendapat manfaat daripada program MESEJ berbanding golongan sasar dengan gaji bulanan antara RM78.75 hingga RM2,462.26 seorang.

Maklum Balas LKTNS yang Diterima pada 24 September 2018

Pihak LKTNS memaklumkan pengambilan pekerja untuk MESEJ Kg. Bunang 2 telah diiklankan terlebih dahulu di Jabatan Tenaga Kerja tetapi tidak mendapat sambutan daripada masyarakat setempat . Bagaimanapun, LKTNS menyatakan hal ini bersifat sementara dan semua pekerja asing tersebut akan dikeluarkan apabila MESEJ Kg. Bunang 2 telah mempunyai peserta.

Pada pendapat Audit, proses pemilihan dan penempatan peserta MESEJ adalah tidak cekap kerana peserta lewat ditempatkan menyebabkan ladang diusahakan oleh pekerja yang bukan golongan sasaran.

1.6.3. Pemantauan

1.6.3.1. Pemantauan MESEJ Bagi Pertanian Kelapa Sawit dilaksanakan di peringkat daerah, KPLBS dan Negeri untuk memastikan program MESEJ mencapai objektifnya. Jawatankuasa yang terlibat adalah seperti berikut :

- a. Jawatankuasa Teknikal MESEJ
- b. Jawatankuasa Kerja Pelaksana MESEJ
- c. Jawatankuasa Pemantauan Kerja Ladang MESEJ
- d. Jawatankuasa Pemandu dan Pelaksana MESEJ
- e. Jawatankuasa Pemandu Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat

1.6.3.2. Semakan Audit mendapati, bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017, jawatankuasa pemantau yang ditubuhkan telah bermesyuarat sebanyak tiga (3) hingga 23 kali. Berdasarkan 10 minit mesyuarat bagi tahun 2015 dan 2016 yang dikemukakan, mesyuarat Jawatankuasa Pemandu dan Pelaksana (MESEJ) dan Jawatankuasa Pemandu Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) telah membincangkan isu kewangan, status kemajuan ladang, status kemajuan perumahan, masalah penempatan dan pemilihan peserta serta isu-isu lain yang berbangkit. Bagaimanapun, isu - isu melibatkan pemilihan peserta, jalan masuk, penyambungan air dan elektrik belum diselesaikan sehingga semasa pengauditan dilaksanakan. Butiran kekerapan mesyuarat jawatankuasa pemantau adalah seperti **Jadual 1.15**.

**JADUAL 1.15
KEKERAPAN MESYUARAT JAWATANKUASA
BERKAITAN MESEJ BAGI TEMPOH TAHUN 2015 HINGGA 2017**

BIL.	JAWATANKUASA PEMANTAU	PERINGKAT JAWATANKUASA	KEKERAPAN MESYUARAT
1.	Jawatankuasa Teknikal (MESEJ)	Daerah	5
2.	Jawatankuasa Kerja Pelaksana (MESEJ)	Daerah	23
3.	Jawatankuasa Pemantauan Kerja Ladang (MESEJ)	Daerah	3
4.	Jawatankuasa Pemandu Dan Pelaksana (MESEJ)	KPBLS	20
5.	Jawatankuasa Pemandu Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR), Pembasmian Kemiskinan Peringkat Negeri Sabah	Negeri	5

Sumber: KPLBS dan LKTNS

1.6.3.3. Hal ini disebabkan tidak ada terma rujukan yang jelas mengenai peranan jawatankuasa yang ditubuhkan. Kesannya, isu-isu yang belum diselesaikan telah melewatkkan pencapaian objektif program MESEJ.

Maklum Balas KPLBS yang Diterima pada 24 September 2018

Pemantauan terhadap program MESEJ dilaksanakan secara aktif di pelbagai peringkat terutamanya di peringkat Daerah. Pemantauan ini meliputi pelbagai program pembasmian kemiskinan yang dilaksanakan dengan kerjasama pelbagai agensi Kerajaan. Bagaimanapun, pihak KPLBS mengakui bahawa pengesanan terhadap isu yang dibangkitkan perlu di pertingkatkan supaya penyelesaian terhadap isu berbangkit dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap pelaksanaan program MESEJ adalah kurang berkesan kerana isu-isu yang berbangkit tidak dapat diselesaikan dengan segera.

1.7. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang berbangkit dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam Program Mini Estet Sejahtera (MESEJ) pada masa akan datang, adalah disyorkan supaya KPLBS, LKTNS dan PDK mengambil tindakan berikut:

- 1.7.1. KPLBS, LKTNS dan PDK hendaklah mengkaji semula perancangan dan menyediakan garis panduan pelan pembangunan program MESEJ dari segi penetapan tempoh masa dan kesesuaian untuk pembangunan tanah, penyediaan perumahan dan infrastruktur asas serta pemilihan peserta agar ia selaras dengan keperluan semasa dan bajet yang diperuntukkan;
- 1.7.2. mengkaji semula norma peserta berbanding keluasan bertanam bagi menjamin pendapatan peserta dan mengeluarkan mereka daripada golongan miskin tegar, seterusnya mencapai objektif program MESEJ;
- 1.7.3. PDK perlu menyelesaikan isu pemilihan peserta dalam tempoh yang munasabah dan mengikut kriteria ditetapkan bagi memastikan golongan sasar menikmati peningkatan kualiti hidup daripada program MESEJ;
- 1.7.4. KPLBS hendaklah mengasingkan perbelanjaan di bawah vot pembasmian kemiskinan supaya prestasi perbelanjaan sebenar MESEJ pertanian kelapa sawit dapat diukur; dan
- 1.7.5. jawatankuasa yang dilantik hendaklah meningkatkan koordinasi bagi menyelesaikan isu-isu yang berbangkit dengan segera serta melaksanakan penilaian keberkesanan program MESEJ.

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

2. PENGURUSAN RUMAH PENYEMBELIHAN HAIWAN

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Rumah Penyembelihan Haiwan (RPH) merupakan premis yang dibina untuk menjalankan operasi penyembelihan terhadap tiga (3) kategori haiwan iaitu unggas (ayam dan burung puyuh), ruminan (lembu, kerbau dan kambing) dan khinzir. Pengurusan RPH oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) bermula pada Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) di mana JPV diberi tangungjawab menyediakan infrastruktur penyembelihan serta mengurus dan memantau operasi RPH Kerajaan dan swasta. Objektif utama pengurusan RPH adalah seperti berikut:

- i. Mencegah, mengawal dan membasmi penyakit-penyakit haiwan dan zoonotik; dan
- ii. Menentukan produk asal haiwan untuk makanan manusia suci, bersih dan selamat untuk dimakan.

2.1.2. Pengurusan RPH adalah berpandukan *Slaughterhouses Rules 2003* dan *Meat Inspection Rules 2003*. Kuasa untuk menggubal peraturan tersebut telah diperuntukkan di bawah *Animal Ordinance 1962 Section 68 Power to make rules*: (1) *Yang di-Pertua Negeri may make rules for the better carrying out and giving effect to the provisions of this ordinance; dan* (2) *Without prejudice to the generality of the provision of subsection (1) of this section the Yang di-Pertua Negeri may by rules provide for (o) the licensing and control of abattoirs and slaughterhouses and meat processing plants; (p) regulating procedures for veterinary inspection of meat, milk and animal products and hygiene in processing plants and slaughterhouses.*

2.1.3. Berdasarkan *Slaughterhouses Rules 2003*, perenggan 3(1) *Government Slaughterhouse: The Director may, by notification in the Gazette, provide places which may be used as Government slaughterhouses*. RPH yang dibina oleh pihak swasta hanya boleh beroperasi setelah mendapat lesen yang diluluskan oleh Pengarah JPV seperti yang ditetapkan dalam *Slaughterhouses Rules 2003*, perenggan 4(1) *Licence: No place shall be used as a slaughterhouse except in accordance with a licence issued by Director*. Sehubungan itu, lesen operasi RPH dikeluarkan oleh Pengarah JPV kepada RPH swasta selepas mendapat persetujuan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS), Jabatan Tanah dan Ukur (JTU), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Majlis Sumber Air dan agensi-agensi lain yang terlibat dengan

zoning, keadaan tanah, lokasi dan isu persekitaran. Tempoh masa sah laku lesen RPH adalah setahun bermula 1 Januari sehingga 31 Disember setiap tahun. Pemilik RPH hendaklah mengemukakan permohonan pembaharuan lesen sebelum tempoh sah laku tamat.

2.1.4. Setakat tahun 2017, terdapat 43 RPH yang terletak di 15 daerah seluruh negeri Sabah yang terdiri daripada 31 RPH swasta berlesen dan 12 RPH Kerajaan. Sebanyak 34 daripadanya merupakan RPH Unggas, lima (5) RPH Ruminan dan empat (4) Pusat Penyembelihan Ternakan Babi (PPTB) seperti **Jadual 2.1**.

JADUAL 2.1
BILANGAN RPH/PPTB DI SELURUH NEGERI SABAH SEHINGGA DISEMBER 2017

Bil.	DAERAH	RPH KERAJAAN				RPH SWASTA				JUMLAH KESELURUHAN
		U	R	PPTB	JUMLAH	U	R	PPTB	JUMLAH	
1.	Beaufort	1	0	0	1	0	0	0	0	1
2.	Keningau	1*	0	0	1	4	0	0	4	5
3.	Kota Belud	0	1*	0	1	0	0	0	0	1
4.	Kota Kinabalu	0	0	1	1	1	0	0	1	2
5.	Kudat	0	0	1	1	0	0	0	0	1
6.	Lahad Datu	0	1	0	1	0	1	0	1	2
7.	Papar	1	0	0	1	4	0	0	4	5
8.	Penampang	0	0	0	0	4	0	0	4	4
9.	Putatan	0	0	0	0	1	0	0	1	1
10.	Ranau	0	0	0	0	0	0	1	1	1
11.	Sandakan	0	1	1*	2	6	0	0	6	8
12.	Sipitang	1*	0	0	1	0	0	0	0	1
13.	Tawau	0	1	0	1	6	0	0	6	7
14.	Tenom	1*	0	0	1	1	0	0	1	2
15.	Tuaran	0	0	0	0	2	0	0	2	2
JUMLAH		5	4	3	12	29	1	1	31	43

Sumber : Unit Kawalan Keselamatan Produk, Jabatan Perkhidmatan Veterinar

Nota : U - Unggas R - Ruminan PPTB - Pusat Penyembelihan Ternakan Babi

* RPH yang diambil alih daripada PBT

2.1.5. Sebanyak lima (5) RPH telah diambil alih daripada PBT sejak tahun 2002 dan tujuh (7) RPH Kerajaan telah dibina oleh JPV. Operasi RPH Kerajaan dikendalikan sendiri oleh JPV atau disewakan kepada pihak swasta.

2.1.6. Jabatan Perkhidmatan Veterinar bertanggungjawab menjalankan pemeriksaan terhadap haiwan sembelihan selaras dengan kehendak *Meat Inspection Rules 2003, 4 (1)* seperti berikut:

- a. pemeriksaan *Ante-Mortem*: Pemeriksaan yang dijalankan sebelum penyembelihan untuk memastikan haiwan ternakan sihat dan sesuai untuk disembelih. Selepas pemeriksaan *Ante-Mortem*, haiwan ternakan akan dikategorikan kepada sihat untuk disembelih; dibenarkan untuk

penyembelihan tetapi dengan kawalan yang ketat; ditahan dari disembelih untuk satu tempoh; penyembelihan kecemasan; dan tidak dibenarkan untuk disembelih kerana tidak sihat/sesuai untuk dimakan; dan

- b. pemeriksaan *Post-Mortem*: Pemeriksaan terhadap bahagian (*part*) daging dan organ haiwan untuk memastikan ia bebas dari sebarang jangkitan penyakit dan selamat untuk dimakan. Sekiranya terdapat bahagian ataupun organ yang cedera semasa proses penyembelihan ataupun tidak sihat/sesuai untuk dimakan, pemeriksa daging berhak untuk membuang/mengarah untuk dibuang (*condemn*).

2.1.7. Yuran pemeriksaan daging dikenakan oleh JPV kepada pemilik RPH adalah berdasarkan kadar yang ditetapkan dalam Jadual Keempat, *Meat Inspection Rules 2003* seperti **Jadual 2.2**.

**JADUAL 2.2
YURAN PEMERIKSAAN DAGING**

JENIS TERNAKAN	YURAN PEMERIKSAAN DAGING SEEKOR (RM)
Lembu/Kerbau	5.00
Kambing/Kambing Biri-Biri/Rusa/Burung Unta	2.00
Khinzir	2.00
Unggas (Ayam)	0.02
Lain-lain Haiwan Ruminan	2.00
Lain-lain Unggas	0.02

Sumber : *Meat Inspection Rules 2003*

2.1.8. Unit Kawalan Keselamatan Produk (UKKP) merupakan unit yang dipertanggungjawabkan untuk mengurus RPH. Unit ini diketuai oleh seorang Pegawai Penyelidik (Q41) dan dianggotai oleh lima (5) pegawai di ibu pejabat serta dibantu oleh 36 orang Pegawai Pemeriksa Daging gred jawatan antara G29 hingga pekerja sambilan harian di seluruh Negeri Sabah. UKKP bertanggungjawab untuk membangun dan mengurus RPH dan Pusat Penyembelihan Ternakan Babi (PPTB) di seluruh Negeri Sabah; menjadi urusetia perlesenan RPH dan PPTB swasta; menyediakan khidmat pemeriksaan daging di RPH kerajaan dan swasta; dan menjalankan aktiviti penguatkuasaan bersama agensi-agensi berkaitan seperti Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) dan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS).

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan bertujuan untuk menilai sama ada:

- a. pengurusan Rumah Penyembelihan Haiwan dilaksanakan dengan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan iaitu mencegah, mengawal dan membasmi penyakit-penyakit haiwan dan zoonotik serta menentukan produk

asal haiwan untuk makanan manusia adalah bersih dan selamat untuk dimakan; dan

- b. Pengurusan Rumah Penyembelihan Haiwan telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan dari segi perlesenan, kutipan sewa, yuran pemeriksaan daging dan penyenggaraan RPH Kerajaan.

2.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi dua (2) bidang Audit utama iaitu pencapaian prestasi dan pengurusan RPH bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017. Pencapaian prestasi dinilai berdasarkan dua (2) perkara iaitu prestasi output dan *outcome* daripada pengurusan RPH. Manakala pengurusan rumah penyembelihan haiwan pula meliputi enam (6) perkara, iaitu prestasi kewangan; penyenggaraan RPH Kerajaan; perlesenan RPH; rekod pemeriksaan haiwan sembelihan; penyewaan RPH Kerajaan; dan kutipan hasil. Penyemakan dokumen telah dijalankan di ibu pejabat JPV dan daerah yang dipilih sebagai sampel Audit. Selain itu, lawatan juga dibuat ke lima (5) RPH kerajaan dan enam (6) RPH swasta seperti **Jadual 2.3**.

**JADUAL 2.3
SAMPEL AUDIT**

DAERAH	JENIS HAIWAN DISEMBELIH	RPH KERAJAAN (Bilangan)	RPH SWASTA (Bilangan)
Kota Kinabalu	Unggas (Ayam)	0	1
	Khinzir	1	0
Keningau	Unggas (Ayam)	1	1
	Ruminan (Lembu, Kambing, Kerbau)	0	1
Tenom	Unggas (Ayam)	1	0
Tawau	Unggas (Ayam)	0	2
	Ruminan (Lembu, Kambing, Kerbau)	1	0
Lahad Datu	Unggas (Ayam)	0	1
	Ruminan (Lembu, Kambing, Kerbau)	1	
JUMLAH		5	6

Sumber: *Meat Inspection Rules 2003*

2.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak peraturan dan undang-undang yang diguna pakai, carta aliran kerja bagi proses pelesenan dan pemeriksaan daging, dokumen perjanjian penyewaan RPH kerajaan, fail meja pegawai bertanggung jawab, baucar bayaran dan rekod serta dokumen lain yang berkaitan. Selain itu, temubual dengan pihak JPV dan pengurus RPH swasta serta lawatan Audit juga dijalankan ke RPH semasa proses penyembelihan dijalankan.

2.5. RUMUSAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Jun hingga September 2018 merumuskan perkara berikut:

2.5.1. Pencapaian Prestasi

Objektif pengurusan RPH Kerajaan tidak berjaya dicapai sepenuhnya kerana hanya tiga (3) RPH dibina berbanding 11 RPH yang dirancang untuk dibina sepanjang RMKe-10 dan RMKe-11 dan terdapat lima (5) daripada 12 RPH Kerajaan yang dibina tetapi tidak digunakan. Selain itu, keselamatan daging yang dikeluarkan daripada RPH Kerajaan dan swasta tidak dapat dijamin sama ada bebas daripada jangkitan penyakit kerana hanya 44% daripada keseluruhan haiwan yang disembelih telah diperiksa oleh pegawai pemeriksa daging dalam tempoh tiga (3) tahun.

2.5.2. Pengurusan RPH

Bagi aspek pengurusan RPH, terdapat beberapa perkara yang perlu dipertingkatkan kerana memberi kesan terhadap tahap kecekapan pengurusan RPH seperti berikut:

- a. penyenggaraan RPH tidak dilaksanakan mengikut keutamaan. Penyenggaraan kolam takungan di Pusat Penyembelihan Ternakan Babi (PPTB) Kionsom tidak disenggara menyebabkan sisa cecair yang dilepaskan dari kolam takungan PPTB Kionsom tidak mematuhi standard parameter yang ditetapkan. Manakala empat (4) RPH tidak beroperasi telah dibuat penyenggaraan melibatkan perbelanjaan sejumlah RM330,417;
- b. lesen di tiga (3) RPH tidak diperbaharui dan sebanyak 17 RPH beroperasi tanpa lesen;
- c. pegawai pemeriksa daging tidak menyediakan laporan pemeriksaan daging dengan mengisi borang seperti yang dikehendaki oleh *Meat Inspection Rules 2003*;
- d. dua (2) RPH kerajaan disewakan tanpa perjanjian penyewaan manakala perjanjian penyewaan dua (2) RPH telah tamat tempoh dan masih belum diperbaharui; dan
- e. sejumlah RM182,027 yuran pemeriksaan daging tidak dapat dikutip di RPH yang berlesen bagi tempoh tiga (3) tahun disebabkan pemeriksaan daging tidak dibuat.

2.6. PENEMUAN AUDIT TERPERINCI

Perkara yang ditemui dan maklum balas Jabatan Perkhidmatan Veterinar telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 24 September 2018. Penjelasan lanjut mengenainya adalah seperti di perenggan berikut:

2.6.1. Pencapaian Prestasi

Surat Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 2012 (Garis Panduan Pengukuran Pencapaian Program/Projek Pembangunan Melalui Penilaian *Outcome*) mentakrifkan output dan *outcome* projek iaitu kesan/keberhasilan jangka pendek atau sederhana yang diperolehi daripada output pembangunan. Ia merupakan perubahan positif yang seharusnya dicapai melalui program/projek pembangunan terhadap golongan sasar dalam tempoh masa tertentu yang ditetapkan. Lazimnya *outcome* akan berlaku dalam tempoh satu (1) hingga lima (5) tahun selepas program/projek pembangunan dilaksanakan bergantung kepada sifat program/projek itu sendiri.

2.6.1.1. Prestasi Output

- a. *Slaughterhouses Rules 2003*, perenggan 3(1) *Government Slaughterhouse*: menyatakan “*The Director may, by notification in the Gazette, provide places which may be used as Government slaughterhouses*”. Selaras dengan itu, RPH Kerajaan dibina bertujuan untuk menyediakan infrastruktur penyembelihan kepada penternak dan pengusaha kecil yang tidak mampu mendirikan RPH.

b. Prestasi Pembinaan RPH

- i. Semakan terhadap Cadangan Program Pembangunan bagi RMKe-10 mendapati JPV menyasarkan untuk membina enam (6) RPH iaitu tiga (3) RPH Ruminan, satu (1) RPH Unggas dan dua (2) Pusat Penyembelihan Ternakan Babi (PPTB). Selain itu, didapati JPV menyasarkan pembinaan lima (5) RPH yang terdiri daripada satu (1) RPH Ruminan di Daerah Beaufort, satu (1) RPH Unggas di daerah Sandakan dan tiga (3) PPTB masing-masing sebuah di daerah Sandakan, Tawau dan Keningau dalam Cadangan Program Pembangunan bagi RMKe-11 seperti **Jadual 2.4**.

JADUAL 2.4
CADANGAN PEMBINAAN DAN PELAKSANAAN PEMBINAAN RPH

TEMPOH	JENIS HAIWAN DISEMBELIH							
	UNGGAS		RUMINAN		KHINZIR		JUMLAH	
	CADANGAN	PEMBINAAN	CADANGAN	PEMBINAAN	CADANGAN	PEMBINAAN	CADANGAN	PEMBINAAN
RMKe-10	1	1	3	2	2	0	6	3
RMKe-11	1	0	1	0	3	0	5	0

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar

- ii. Berdasarkan **Jadual 2.4**, didapati sasaran pembinaan RPH dalam RMKe-10 dan RMKe11 tidak tercapai. Jabatan Perkhidmatan Veterinar hanya membina tiga (3) RPH yang terdiri daripada satu (1) RPH Unggas di daerah Beaufort dan dua (2) RPH Ruminan masing-masing sebuah di daerah Tawau dan Sandakan dalam RMKe-10 berbanding sasaran enam (6) RPH. Manakala tiada pembinaan baru dilaksanakan dalam RMKe-11 berbanding lima (5) RPH yang disasar.
- iii. Perkara ini berlaku disebabkan JPV hanya menerima sejumlah RM12 juta (52%) peruntukan berbanding RM23.05 juta yang dipohon pada RMKe-10. Manakala pada RMKe-11 hanya RM4.11 juta (23%) peruntukan diterima berbanding RM17.81 juta yang dipohon.

c. Prestasi RPH Yang Beroperasi

- i. Setakat bulan September 2018, terdapat 12 RPH Kerajaan yang terdiri daripada lima (5) RPH diambil alih dari Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pada tahun 2002; empat (4) RPH dibina sebelum RMKe 10 dan tiga (3) dibina dalam RMKe-10. Semakan Audit mendapati sebanyak tujuh (7) RPH Kerajaan beroperasi menjalankan penyembelihan, manakala lima (5) RPH didapati tidak beroperasi. Perkara ini pernah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2012 Siri 2 di mana sebanyak enam (6) daripada 11 RPH kerajaan didapati tidak beroperasi. Berdasarkan maklum balas bertarikh 19 April 2013, Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak (JPHPT) (kini adalah JPV) bercadang untuk menyewakan RPH kepada pihak swasta untuk mencapai objektif program. Status 12 RPH tersebut pada tahun 2012 berbanding tahun 2018 seperti **Jadual 2.5**.

JADUAL 2.5
STATUS RPH KERAJAAN TAHUN 2018 BERBANDING 2012

BIL.	LOKASI RPH	TEMPOH PEMBINAAN	STATUS 2012*	STATUS 2018
1.	PPTB Sandakan	Diambil alih daripada PBT pada tahun 2002	Beroperasi	Beroperasi
2.	RPH Ruminan Kota Belud		Beroperasi	Tidak Beroperasi
3.	RPH Unggas Keningau		Tidak Beroperasi	Beroperasi
4.	RPH Unggas Sipitang		Beroperasi	Tidak Beroperasi
5.	RPH Unggas Tenom		Tidak Beroperasi	Beroperasi
6.	PPTB Kionsom	Sebelum RMKe-10	Beroperasi	Beroperasi
7.	PPBT Kudat		Beroperasi	Beroperasi
8.	RPH Ruminan Lahad Datu		Tidak Beroperasi	Tidak Beroperasi
9.	SMTC, Kinabatangan		Beroperasi	Beroperasi
10.	RPH Ruminan Sandakan	RMKe-10	Tidak Beroperasi	Beroperasi
11.	RPH Ruminan Tawau		Tidak Beroperasi	Tidak Beroperasi
12.	RPH Unggas Beaufort		TB	Tidak Beroperasi

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar

Nota: * Berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara Siri 2 Tahun 2012

d. Antara sebab RPH tidak beroperasi adalah seperti **Jadual 2.6**.

JADUAL 2.6
SEBAB RPH KERAJAAN TIDAK BEROPERASI

BIL.	LOKASI RPH	TAHUN TIDAK BEROPERASI	SEBAB
1.	RPH Ruminan Tawau	2011 – 2013 2015 - sekarang	<ul style="list-style-type: none"> Tiada penyewa yang berminat untuk menyewa dan beroperasi di RPH ini.
2.	RPH Ruminan Lahad Datu	2012 (sejak dibina)	<ul style="list-style-type: none"> Lokasi RPH yang tidak strategik (jauh daripada pusat bandar) menyebabkan penternak tidak berminat menggunakan kerana terpaksa menanggung kos pengangkutan.
3.	RPH Unggas Sipitang	TM	<ul style="list-style-type: none"> RPH sedia ada (swasta) mencukupi untuk menjalankan operasi penyembelihan haiwan dan berada di tempat yang lebih strategik.
4.	RPH Unggas Beaufort	2012 (sejak dibina)	<ul style="list-style-type: none"> Penternak kecil lebih berminat menjual haiwan ternakan hidup berbanding yang telah disembelih kerana faktor harga yang lebih menguntungkan..
5.	Ruminan Kota Belud	Disember 2017	<ul style="list-style-type: none"> Premis musnah akibat bencana banjir pada 18.12.2017. Belum ada peruntukan diluluskan untuk membina semula RPH Kota Belud.

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar

e. RPH yang tidak beroperasi menimbulkan kesan berikut:

- aset di RPH seperti penyaman udara, pam air, peralatan penyembelihan dan peralatan elektrik terdedah kepada risiko kehilangan dan kerosakan;
- kerugian kepada Kerajaan kerana tidak dapat mengutip hasil sewa RPH dan hasil yuran pemeriksaan daging; dan
- pengusaha/penternak menjalankan aktiviti penyembelihan haiwan di presmis/kawasan tidak berlesen.

Maklum Balas JPV yang Diterima pada 24 September 2018

Pembinaan RPH baharu tidak mengikut cadangan pembinaan disebabkan peruntukan yang diterima tidak mencukupi untuk melaksanakan pembinaan RPH baharu. JPV telah berusaha membuka tawaran tender kepada pihak yang berminat untuk menyewa RPH tersebut tetapi tidak mendapat sambutan. Setakat ini, JPV ada menerima surat daripada satu (1) syarikat (nombor pendaftaran 403109-W) yang menyatakan secara umum berminat untuk menyewa RPH Ruminan Tawau. Oleh itu, JPV akan menyusul semula perkara ini dengan pihak tersebut supaya mengemukakan permohonan yang lengkap secara bertulis untuk dipertimbangkan. Selain itu, JPV juga telah menerima permohonan daripada seorang pembida untuk menyewa RPH Unggas Sipitang dan susulan akan dibuat terhadap perkara ini.

Pada pendapat Audit, prestasi output pembinaan dan operasi RPH kurang cekap disebabkan hanya tiga (3) RPH dibina berbanding 11 RPH yang dirancang dan empat (4) RPH yang telah dibina belum beroperasi disebabkan belum ada penyewa yang berminat untuk beroperasi.

2.6.1.2. Prestasi Outcome

- Objektif pengurusan RPH antaranya adalah menentukan produk asal haiwan adalah bebas daripada jangkitan penyakit dan selamat untuk dimakan. Sehubungan itu, JPV perlu melaksanakan pemeriksaan *ante-mortem* dan *post-mortem* terhadap ternakan/daging di RPH pada setiap haiwan yang akan disembelih dan daging sembelihan.
- Berdasarkan rekod JPV sebanyak 68,363,681 ekor haiwan telah disembelih di RPH kerajaan dan swasta yang berlesen. Daripada jumlah tersebut sebanyak 30,087,512 ekor (44%) daging sembelihan telah diperiksa oleh pegawai pemeriksa daging seperti **Jadual 2.7**.

**JADUAL 2.7
BILANGAN PENYEMBELIHAN HAIWAN DAN PEMERIKSAAN DAGING**

DAERAH	BILANGAN PENYEMBELIHAN (Ekor)				BILANGAN PEMERIKSAAN DAGING (Ekor)				(%)
	2015	2016	2017	JUMLAH	2015	2016	2017	JUMLAH	
Keningau	1,070,682	1,020,410	1,055,339	3,146,431	297,420	318,091	291,550	907,061	28.8
Kota Kinabalu	3,867,468	3,964,413	3,643,226	11,475,107	3,805,500	3,890,500	3,611,000	11,307,000	98.5
Kudat	76,722	49,958	2,367	129,047	76,722	49,958	2,367	129,047	100
Lahad Datu	305,253	290,526	377,827	973,606	305,253	290,526	377,827	973,606	100
Papar	310,885	1,891,064	2,510,169	4,712,118	0	0	0	0	0
Penampang	5,233,444	4,465,053	3,543,066	13,241,563	2,614,898	2,978,723	2,970,036	8,563,657	64.7
Putatan	143,612	2,165,272	2,165,272	4,474,156	52,500	818,134	1,168,860	2,039,494	45.6
Ranau	346	383	380	1,109	346	383	380	1,109	100
Sandakan	480,200	467,600	480,950	1,428,750	10,140	10,140	10,140	30,420	2.1
Tawau	7,684,259	8,024,276	8,350,804	24,059,339	443,813	619,800	375,885	1,439,498	6.0
Tenom	25,607	28,245	31,197	85,049	25,602	28,245	31,197	85,044	99.9
Tuaran	2,066,237	1,305,115	1,266,054	4,637,406	2,055,867	1,297,459	1,258,250	4,611,576	99.4
JUMLAH	21,264,715	23,672,315	23,426,651	68,363,681	9,688,061	10,301,959	10,097,492	30,087,512	44.0

Sumber: Unit Kawalan Keselamatan Produk, Jabatan Perkhidmatan Veterinar

Nota: 0 – Tiada Pemeriksaan Daging Dibuat

- Analisis Audit mendapati pemeriksaan terhadap haiwan dan daging sembelihan dilaksanakan antara 98.5% hingga 100% di enam (6) buah daerah iaitu Kota Kinabalu, Tuaran, Kudat, Ranau, Tenom dan Lahad Datu dalam tempoh tiga (3) tahun. Manakala daerah Penampang mencatatkan 64.7% pemeriksaan daging berbanding bilangan penyembelihan dan pemeriksaan daging di daerah Tuaran hanya mencapai 28.8%. Pemeriksaan terhadap haiwan/daging sembelihan di Sandakan dan Tawau pula hanya

mencapai 2.1% hingga 6% sahaja daripada jumlah haiwan yang disembelih. Selain itu, didapati tiada pemeriksaan dilaksanakan terhadap haiwan dan daging sembelihan di Daerah Papar bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017.

- d. Semakan Audit mendapati perkara ini berlaku disebabkan hanya empat (4) pegawai pemeriksa daging yang bertugas di daerah Tawau dan masing-masing tiga (3) pegawai pemeriksa daging yang bertugas di daerah Sandakan dan Papar yang terpaksa memantau empat (4) hingga lapan (8) RPH seperti **Jadual 2.8**.

JADUAL 2.8
BILANGAN RUMAH PENYEMBELIHAN
DAN PEGAWAI PEMERIKSA DAGING MENGIKUT DAERAH

DAERAH	BILANGAN RPH	PEGAWAI PEMERIKSA DAGING (Orang)
Papar	4	3
Sandakan	8	3
Tawau	7*	4

Sumber: Unit Kawalan Keselamatan Produk, Jabatan Perkhidmatan Veterinar

Nota:* Termasuk satu RPH Kerajaan yang Tidak Beroperasi

- e. Pemeriksaan daging tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya disebabkan pegawai pemeriksa daging yang bekerja pada masa penyembelihan (waktu malam) terlibat juga dengan tugas hakiki pada masa berkerja (di sebelah siang). Senarai tugas bagi pegawai pemeriksaan daging bagi daerah Tawau, Sandakan dan Papar adalah seperti **Jadual 2.9**.

JADUAL 2.9
SENARAI TUGAS PEGAWAI PEMERIKSA
DAGING DI DAERAH TAWAU, SANDAKAN DAN PAPAR

DAERAH	GRED JAWATAN PEGAWAI	SENARAI TUGAS
TAWAU	G19	<ul style="list-style-type: none"> i. HHU: Pemantauan, persampelan ii. Pemeriksa daging: Menjalankan pemeriksaan daging di RPH kerajaan dan swasta serta mengambil persampelan bulanan. iii. Pengembangan: Membuat rawatan luaran dan mengambil sampel. iv. Klinik: Tugas-tugas di klinik haiwan
	Pekerja Sambilan Harian	<ul style="list-style-type: none"> i. Pemeriksa daging: Menjalankan pemeriksaan daging di RPH kerajaan dan swasta serta mengambil persampelan bulanan. ii. Klinik: Membantu merawat haiwan peliharaan. iii. Kebersihan pejabat.
	Pekerja Sambilan Harian	<ul style="list-style-type: none"> i. Klinik: Membantu merawat haiwan peliharaan. ii. Penguatkuasaan: iii. Pemeriksa daging: Menjalankan pemeriksaan daging di RPH kerajaan dan swasta serta mengambil persampelan bulanan. iv. Laporan: Menyediakan laporan v. Pengembangan: Membuat rawatan luaran dan mengambil sampel.
	Pekerja Sambilan Harian	<ul style="list-style-type: none"> i. Klinik: Membantu merawat haiwan peliharaan. ii. Penguatkuasaan: iii. Pemeriksa daging: Menjalankan pemeriksaan daging di RPH kerajaan dan swasta serta mengambil persampelan bulanan. iv. Laporan: Menyediakan laporan v. Pengembangan: Membuat rawatan luaran dan mengambil sampel.
SANDAKAN	G22	<ul style="list-style-type: none"> i. Menjalankan penguatkuasaan ii. Melaksanakan arahan Penolong Pengarah Wilayah atau pegawai atasan lain

DAERAH	GRED JAWATAN PEGAWAI	SENARAI TUGAS
PAPAR	Pekerja Sambilan Harian	<ul style="list-style-type: none"> i. Bertugas di bahagian RPH (ayam) ii. Membantu rawatan luar iii. Membantu mengambil sampel darah dari semasa ke semasa iv. Lain-lain tugas yang diarahkan oleh Penolong Pengarah Wilayah Sandakan dari masa ke masa.
	Pekerja Sambilan Harian	<ul style="list-style-type: none"> i. Bertugas di bahagian RPH (ayam) ii. Membantu rawatan luar iii. Membantu mengambil sampel darah dari semasa ke semasa iv. Lain-lain tugas yang diarahkan oleh Penolong Pengarah Wilayah Sandakan dari masa ke masa.
	Pekerja Sambilan Harian	<ul style="list-style-type: none"> i. Bertugas di bahagian RPH (khinzir) ii. Membantu rawatan di Klinik iii. Pengambilan sampel Mikrobiologi dan Drug Residu (RPH Khinzir dan Ayam) iv. Menjalankan penguatkuasaan di premis, pasar, supermarket. v. Lain-lain tugas yang diarahkan oleh Penolong Pengarah Wilayah Sandakan dari masa ke masa.
PAPAR	G19	<ul style="list-style-type: none"> i. Ketua Unit Epidemiologi/HHU, QAP dan Penguatkuasaan dalam daerah Papar; ii. Ketua Unit/Seksyen Projek Ternakan <i>non-halal</i> dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti berikut; <ul style="list-style-type: none"> • Melakukan persampelan kencing babi bagi ujian Beta-Agonist untuk tujuan eksport atau pemantauan dan penghantaran sampel ke makmal MIKAV. • Menerima, memeriksa dan memantau aduan-aduan pencemaran alam sekitar oleh ladang-ladang ternakan babi. iii. Mengumpul dan mengemas kini laporan status penyakit haiwan daerah untuk unit Epidemiologi, QAP dan Penguatkuasaan termasuk membantu pegawai audit memasukkan/mengemas kini data berkaitan dalam sistem DAVETSA. iv. Memantau dan memastikan dari semasa ke semasa keperluan dalam Bilik Gerakan sebagai Pusat Operasi Wabak Wilayah 1 (Beaufort) sentiasa teratur, kemas kini dan berfungsi dengan baik serta dapat digunakan pada bila-bila masa. v. Menyediakan anggaran keperluan yang dipertanggungjawabkan bagi Unit Epidemiologi, Unit Jaminan Kualiti dan Unit Penguatkuasaan daerah. vi. Melaksanakan tugas-tugas yang diarah oleh Pegawai Penguasa Daerah dari semasa ke semasa.
	Pekerja Sambilan Harian	<ul style="list-style-type: none"> i. Membantu Unit Pentadbiran dan Akaun ii. Membantu Unit Epidemiologi dan Penguatkuasaan - Pengambilan sampel untuk program SCEP dan Penguatkuasaan. iii. Membantu Projek Sosio Ekonomi iv. Bertugas sebagai pemeriksa daging di RPH (Ayam) v. Bersedia untuk membantu unit lain yang memerlukan dan membantu dalam aktiviti pameran yang melibatkan JPVS, Papar di peringkat daerah mahupun ibu pejabat. vi. Lain-lain tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.
	Pekerja Sambilan Harian	<ul style="list-style-type: none"> i. Membantu Unit Pentadbiran dan Akaun ii. Membantu Unit Epidemiologi dan Penguatkuasaan - Pengambilan sampel untuk program SCEP dan Penguatkuasaan. iii. Membantu Projek Sosio Ekonomi iv. Bertugas sebagai pemeriksa daging di RPH (Ayam) v. Bersedia untuk membantu unit lain yang memerlukan dan membantu dalam aktiviti pameran yang melibatkan JPVS, Papar di peringkat daerah mahupun ibu pejabat. vi. Lain-lain tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.

Sumber: Senarai Tugas Pegawai Pemeriksa Daging, Jabatan Perkhidmatan Veterinar

- f. Kesannya, tiada jaminan terhadap daging sembelihan yang dikeluarkan daripada RPH kerajaan dan swasta adalah bersih dan selamat untuk dimakan sebagaimana objektif pengurusan RPH.

Maklum Balas JPV yang Diterima pada 24 September 2018

JPV sedang melaksanakan penempatan semula pegawai di peringkat daerah dan ibu pejabat termasuk pertukaran pegawai pemeriksa daging pada tahun 2018. Bagi daerah Papar, pemeriksaan daging telah dijalankan bermula pada bulan April 2018 setelah berlaku pertukaran pegawai. Selain

itu, JPV telah mengeluarkan surat amaran kepada RPH yang beroperasi tanpa lesen tetapi masih tidak diendahkan oleh pemilik premis.

Pada pendapat Audit, objektif pengurusan RPH untuk memastikan produk haiwan yang disembelih bebas daripada jangkitan penyakit dan selamat melalui pemeriksaan daging belum tercapai kerana hanya 44% daripada haiwan sembelihan telah diperiksa dalam tempoh tiga (3) tahun.

2.6.2. Pengurusan RPH

2.6.2.1. Prestasi Kewangan

- a. Peruntukan bagi pengurusan RPH telah disediakan di bawah vot pembangunan. Peruntukan tersebut adalah bagi membina dan menaik taraf RPH kerajaan; penyelenggaraan premis RPH kerajaan, peralatan, jentera dan kenderaan; perolehan kenderaan; naik taraf sistem rawatan sisa cecair RPH kerajaan; pembayaran utiliti; dan pembelian minyak kenderaan.
- b. Semakan Audit mendapati peruntukan yang diluluskan untuk pengurusan RPH bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017 hanya berjumlah RM3.01 juta ataupun 20.5% berbanding permohonan JPV yang berjumlah RM14.65 juta. Purata prestasi perbelanjaan JPV untuk tempoh tiga (3) tahun adalah 92.7%. Maklumat peruntukan dan perbelanjaan bagi tahun 2015 hingga 2017 adalah seperti **Jadual 2.10**.

**JADUAL 2.10
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN
PENGURUSAN RPH BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2017**

TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)			JUMLAH PERUNTUKAN (RM Juta)	PERATUS PERBELANJAAN (%)
	DIMOHON	DILULUS	(%)		
2015	4.61	1.00	21.7	0.95	95.0
2016	3.97	0.81	20.4	0.77	95.1
2017	6.07	1.20	19.8	1.07	89.2
Jumlah	14.65	3.01	20.5	2.79	92.7

Sumber: Unit Akaun, Jabatan Perkhidmatan Veterinar

- c. Analisis Audit terhadap prestasi kewangan bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017 mendapati JPV hanya membelanjakan antara 89.2% hingga 95.1% berbanding peruntukan yang diluluskan. Purata perbelanjaan RPH bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017 adalah 92.7% berbanding peruntukan yang diluluskan.

Maklum Balas JPV yang Diterima pada 24 September 2018

Permohonan bajet adalah termasuk pembinaan baharu RPH sebagai tambahan kepada RPH yang sedia ada dan cadangan penggantian terhadap RPH yang telah usang. Namun, peruntukan yang diterima kurang daripada yang dimohon menyebabkan JPV tidak melaksanakan pembinaan RPH baharu. Oleh yang demikian, peruntukan sedia ada digunakan untuk pengurusan dan penyenggaran RPH.

Pada pendapat Audit, JPV prestasi kewangan pengurusan RPH adalah baik kerana prestasi perbelanjaan bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017 mencapai 92.7%.

2.6.2.2. Penyenggaran RPH Kerajaan

a. Penyenggaraan/Pembaikan RPH Tidak Beroperasi

- i. Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia, PK1 menetapkan semua urusan berkaitan perolehan Kerajaan dilaksanakan berdasarkan amalan tadbir urus yang baik dengan mematuhi prinsip perolehan Kerajaan seperti berikut:
 - Akauntabiliti Awam - Urusan perolehan yang diamanahkan hendaklah dilaksanakan secara bertanggungjawab dengan mengikut dasar dan peraturan yang ditetapkan;
 - Diuruskan Secara Telus - Semua dasar, peraturan dan proses perolehan yang dilaksanakan hendaklah jelas, diketahui dan difahami umum serta mengikut dasar dan peraturan yang ditetapkan; dan
 - Nilai Faedah yang Terbaik - Pengurusan perolehan hendaklah memberi pulangan yang terbaik bagi setiap ringgit yang dibelanjakan.
- ii. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017, JPV melaksanakan kerja penyenggaraan/pembaikan terhadap empat (4) RPH yang tidak beroperasi bernilai RM330,417.07 seperti **Jadual 2.11**.

**JADUAL 2.11
NAIK TARAF/PEMBAIKAN RPH YANG TIDAK BEROPERASI**

BIL.	RPH	TARIKH SIAP BINA	KOS PEMBINAAN (RM Juta)	PERBELANJAAN PENYENGGARAAN/ PEMBAIKAN 2015 - 2017 (RM)	STATUS
1.	Ruminan Kota Belud	TM	TM	TB	Musnah akibat banjir pada bulan Disember 2017.
2.	Ruminan Lahad Datu	15.12.2012	0.50	175,139.07	Tidak pernah beroperasi sejak dibina.

BIL.	RPH	TARIKH SIAP BINA	KOS PEMBINAAN (RM Juta)	PERBELANJAAN PENYENGGARAAN/ PEMBAIKAN 2015 - 2017 (RM)	STATUS
3.	Ruminan Tawau	23.05.2011	1.20	105,241.00	Pernah disewakan kepada 833119-H selama 17 bulan bermula 01.08.2013-
4.	Unggas Beaufort	05.01.2012	0.26	45,537.00	Tidak pernah beroperasi sejak dibina.
5.	Unggas Sipitang	TM	TM	4,500.00	TM
Jumlah			1.96	330,417.07	

Sumber: Unit Akaun, Jabatan Perkhidmatan Veterinar

Nota: TM – Tiada Maklumat

- **RPH Ruminan Tawau**

- RPH Ruminan Tawau telah siap dibina pada 23 Mei 2011 dengan kos pembinaan sebanyak RM1.20 juta bertujuan untuk menyediakan infrastruktur penyembelihan ruminan kerana tiada RPH swasta yang menyembelih haiwan ruminan. RPH ini pernah disewakan kepada syarikat yang bernombor pendaftaran 833119-H selama 17 bulan pada 1 Ogos 2013 hingga 31 Disember 2014 dengan kadar sewa sejumlah RM500 sebulan. Penyewa enggan meneruskan penyewaan disebabkan kurang penyembelihan di RPH tersebut.
- Berdasarkan temu bual dengan pegawai JPV, perkara ini berlaku disebabkan lokasi RPH Ruminan Tawau yang tidak strategik iaitu jauh daripada pusat bandar menyebabkan penternak tidak berminat menggunakan kerana terpaksa menanggung kos pengangkutan.
- Pada tahun 2016, JPV telah membuat perbelanjaan sejumlah RM105,241 untuk kerja-kerja pembaikan RPH Ruminan Tawau. Antara skop kerja adalah *painting work for steel structure, concrete floor and external P.U. wall; gutter; wall mounted air conditioner; pump for water, chemical injection, water transfer and waste water; dan pneumatic hose system.*
- Sehingga kini RPH Ruminan Tawau masih belum beroperasi.

- **RPH Ruminan Lahad Datu**

- RPH Ruminan Lahad Datu merupakan rumah sembelih mudah alih yang dipindahkan dari Sabah Meat Technology Centre (SMT), Kinarut. Kerja penyediaan infrastruktur RPH Lahad Datu dengan kos berjumlah RM0.50 juta telah disiapkan pada

15 Disember 2012. RPH ini tidak pernah beroperasi sejak dipindahkan dan infrastruktur disiapkan. Berdasarkan temu bual dengan pegawai JPV semasa lawatan Audit dijalankan, RPH swasta yang sedia ada mencukupi untuk menjalankan operasi penyembelihan dan penternak kecil lebih berminat untuk menjual haiwan ternakan hidup kerana lebih menguntungkan.

- Semakan Audit mendapati sebanyak lima (5) kerja naik taraf/pembaikan berjumlah RM175,139.07 dibuat sepanjang tahun 2015 hingga 2017 seperti **Jadual 2.12**.

JADUAL 2.12
NAIK TARAF/PEMBAIKAN RPH RUMINAN LAHAD DATU

TAHUN	SPESIFIKASI KERJA	PERBELANJAAN NAIK TARAF (RM)	NOMBOR BAUCAR DAN TARikh BAYARAN
2015	Kerja pembinaan jalan konkrit ke Rumah Penyembelihan Haiwan Lahad Datu.	123,777.87	0231542 – 09.11.2015
	Pembersihan Kolam Saliran Najis di Rumah Sembelih, Lahad Datu.	5,600.20	0231942 – 13.11.2015
	<i>Rebuild/Reconnect Fencing</i> di Rumah Sembelih, Lahad Datu.	7,995.00	714642 – 19.11.2015
2016	Kerja-kerja pembersihan di Rumah Penyembelihan JPHPT, Lahad Datu	9,980.00	013890 – 20.12.2016
2017	Projek membuat/membaiki jalan di Pusat Penyembelihan JPHPT, Lahad Datu.	19,800.00	004458 – 05.06.2017
2018	Projek membuat/membaiki jalan di Pusat Penyembelihan Dan Perusahaan Ternak Batu 3, Lahad Datu.	7,986.00	002804 – 23.4.2018
JUMLAH		175,139.07	

Sumber: Unit Akaun, Jabatan Perkhidmatan Veterinar

• **RPH Unggas Sipitang**

- MRPH Unggas Sipitang telah diambil alih daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pada tahun 2002. Semasa pengauditan dijalankan pada tahun 2012, RPH ini masih beroperasi. Namun begitu, semasa temu bual dengan pegawai JPV dimaklumkan bahawa penyewa enggan meneruskan penyewaan disebabkan bilangan sembelihan yang kurang daripada 50 ekor ayam sehari tidak memberikan keuntungan kepada penyewa. Semakan Audit mendapati pada bulan Julai 2017, JPV telah membuat perbelanjaan untuk kerja membersihkan kawasan, memotong rumput dan pembersihan dalam RPH Sipitang dengan kos berjumlah RM4,500. Bagaimanapun sehingga bulan Disember 2017, RPH ini masih tidak beroperasi.

- **RPH Unggas Beaufort**

- RPH Unggas Beaufort telah siap dibina pada tahun 2012 dengan kos sejumlah RM260,000. Melalui temu bual dengan pegawai JPV dimaklumkan bahawa RPH ini belum pernah beroperasi sejak dibina. Semakan selanjutnya mendapati empat (4) perbelanjaan naik taraf dan pemberian dibuat ke atas RPH ini dengan kos berjumlah RM45,537. Perbelanjaan tersebut adalah untuk kerja-kerja membaik pulih/membuka dan memasang pendawaian elektrik bagi bangunan pusat penyembelihan, kerja-kerja membina lantai konkrit baru di kawasan RPH dan kerja-kerja memasang tangki septik di RPH, kerja-kerja perkhidmatan membersih luar dan dalam RPH serta memotong rumput dan kayu di kawasan RPH.
- iii. Kesannya, bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017 sejumlah RM330,417 kos naik taraf dan pemberian telah diberikan untuk RPH yang tidak beroperasi.

b. Air Kumbahan RPH Kerajaan Tercemar

- i. *Slaughterhouse Rules, 2003* perenggan 11(1) Occurrence of pollution: *The director shall report to the state environmental authority any occurrence of environmental pollution caused by any slaughterhouse activities which shall include but not limited to the following (d) disposal of waste where runoff enters watercourses.* Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, menetapkan standard parameter yang perlu dipatuhi bagi memastikan sisa cecair yang disalirkan ke dalam sistem perparitan atau alur air tidak tercemar seperti *Biochemical Oxygen Demand (BOD)* – 50mg/l, *Chemical Oxygen Demand (COD)* – 200mg/l dan *Total Suspended Solid (TSS)* – 100mg/l.
- ii. Laporan Ketua Audit Negara Siri 2 Tahun 2012 telah melaporkan pelepasan sisa cecair kumbahan di Pusat Penyembelihan Ternakan Babi (PPTB) Kionsom tidak mematuhi standard parameter yang ditetapkan. Berdasarkan maklum balas bertarikh 19 April 2013, pihak JPV akan memantau rapi operasi PPTB Kionsom.
- iii. Bagaimanapun, Laporan Keputusan Analisa Air Kumbahan PPTB Kionsom pada tahun 2015 dan bulan Januari hingga April 2016 menunjukkan pelepasan sisa cecair kumbahan di PPTB masih tidak mematuhi standard parameter yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati hanya pelepasan sisa cecair pada bulan Mac 2015 patuh kepada parameter yang ditetapkan seperti **Jadual 2.13**.

JADUAL 2.13
LAPORAN KEPUTUSAN ANALISA AIR
KUMBAHAN PPTB KIONSOM BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2017

TAHUN	UJIAN	KEPUTUSAN ANALISA AIR KUMBAHAN (mg/l)																			
		JAN	FEB	MAC	APR	MAY	JUN	JUL	Ogos	SEPT	OKT	NOV	DIS								
2015	COD	-	585	56	678	442	350	450	1,100	660	960	860	640								
	BOD	-	181	32	372	378	168	160	730	260	420	340	260								
2016	COD	545	42	485	240	Tiada ujian terhadap sampel air dijalankan															
	BOD	1,455	125	920	575	Tiada ujian terhadap sampel air dijalankan															
2017	COD	Tiada ujian terhadap sampel air dijalankan																			
	BOD	Tiada ujian terhadap sampel air dijalankan																			

Sumber: Unit Kawalan Keselamatan Produk, Jabatan Perkhidmatan Veterinar

Nota : *i. COD - Chemical Oxygen Demand (Std: 200 mg/l)*
ii. BOD - Biochemical Oxygen Demand (Std: 50 mg/l)

iv. Pihak Audit dengan kerja sama Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah mengambil sampel air pada 31 Julai 2018 dan dihantar ke Jabatan Kimia untuk diukur standard parameter sisa cecair yang mengalir ke alur air. Laporan keputusan analisa air dan keadaan takungan kolam PPTB Kionsom mendapati pelepasan sisa cecair tidak mematuhi standard parameter yang ditetapkan. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 2.14** serta **Gambar 2.1** dan **Gambar 2.2**.

JADUAL 2.14
LAPORAN KEPUTUSAN ANALISA AIR KUMBAHAN PPTB KIONSOM

UJIAN	STANDARD YANG DITETAPKAN (mg/l)	KEPUTUSAN ANALISA AIR KUMBAHAN (mg/l)	KETIDAK PATUHAN (mg/l)	PERATUS KETIDAK PATUHAN (%)
COD	200	2,350	2,150	91.5
BOD	50	3,150	3,100	98.4


Sumber: Laporan Analisa Air, Jabatan Kimia

GAMBAR 2.1



Kolam Takungan PPTB Kionsom
- Tiga (3) Buah Kolam Takungan yang Menakungkan Sisa Cecair Daripada PPTB
(31.07.2018)

GAMBAR 2.2



Kolam Takungan PPTB Kionsom
- Lokasi Pengambilan Sampel Air
(31.07.2018)

v. Semakan Audit selanjutnya mendapati sepanjang tahun 2015 hingga 2017, JPV tidak memohon bajet bagi kos penyenggaraan kolam

takungan air kumbahan bagi PPTB Kionsom. Selain itu, Pengarah JPV tidak melaporkan kepada Jabatan Alam Sekitar berkenaan pencemaran kolam takungan PPTB. Jabatan Alam Sekitar pula tidak mengambil sebarang tindakan walaupun perkara ini telah dibangkitkan dalam LKAN Tahun 2012 Siri 2. Ini memberi kesan terhadap pencemaran air di sekitar kawasan Kionsom.

Maklum Balas JPV dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) yang Diterima pada 24 September 2018

JAS telah mengeluarkan Notis Arahan pada 20 September 2018 di bawah Seksyen 31(1), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 di mana JPV diarahkan untuk meningkatkan tahap kecekapan sistem pengolahan efluen perindustrian di premis bagi memastikan kandungan BOD₅ pada 20°C (BOD) dan parameter keperluan oksigen kimia (COD) pada pelepasan efluen yang diolah di takat pelepasan akhir mematuhi had standard yang dibenarkan. Selain itu, JAS mengingatkan bahawa kegagalan mematuhi notis tersebut menyebabkan tindakan mahkamah boleh diambil dan dihukum di bawah Seksyen 31(2) Akta yang sama dan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM25 ribu.

JPV memaklumkan penyenggaraan telah dibuat terhadap RPH yang tidak beroperasi kerana JPV ada menerima permohonan daripada pihak swasta dan PBT yang bercadang untuk menyewa RPH. Penyenggaraan tersebut bertujuan memperbaiki kerosakan yang berlaku dan memastikan kebersihan kawasan RPH bagi menarik minat pihak yang ingin menyewa.

Pada pendapat Audit, penyenggaraan RPH adalah tidak cekap kerana penyenggaraan tidak mengambil kira keperluan menyenggara kolam takungan PPTB Kionsom sehingga berlaku pencemaran kepada sisa cecair kumbahan yang dilepaskan.

2.6.2.3. Pelesenan RPH

Slaughterhouses Rules 2003, perenggan 4(1) Licence: menyatakan “No place shall be used as a slaughterhouse except in accordance with a licence issued by Director. Section 7 Suspension and revocation of licence (1) The Director may at any time suspend or revoke a slaughterhouse licence by giving a written notification to the licence. (2) Service of notice of such suspension or revocation of a licence shall be affected by – (a) affixing a copy thereof at the slaughterhouse, or (b) serving a copy thereof on the person who appears to have the care and management of the slaughterhouse, or (c) serving a copy

thereof on the licensee himself in the case where the licensee and the person referred to in paragraph (b) is not the same person, or (d) any combination thereof".

a. Lesen RPH Tidak Diperbaharui

- i. Lesen operasi yang ditandatangani Pengarah JPV adalah berkuat kuasa mulai 1 Januari dan luput pada 31 Disember setiap tahun. Jabatan Perkhidmatan Veterinar di daerah telah mengarahkan RPH swasta di bawah pemantauan masing-masing mengisi borang permohonan pembaharuan lesen selewat-lewatnya pada bulan November bagi mengelakkan kelewatan pembaharuan lesen.
- ii. Semakan di empat (4) daerah mendapati lesen RPH telah dikeluarkan/diperbaharui setiap tahun kecuali tiga (3) pemilik bagi RPH seperti **Jadual 2.15**.

**JADUAL 2.15
SEBAB LESEN TIDAK DIKELUARKAN/DIPERBAHARUI**

PEMILIK RPH (NOMBOR PENDAFTARAN SYARIKAT/LESEN PERNIAGAAN)	TEMPOH TIDAK DILESENKEN	SEBAB
Lesen Berniaga KGU/2017/12454	2016 - 2017	Arahan untuk penambahbaikan premis.
970856-W	2015 - 2016	Tiada SOP yang jelas yang memberikan panduan sama ada lesen halal atau lesen rumah sembelih yang perlu dikeluarkan dahulu.
833119-H	2016	

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar

- iii. Kesannya, pemeriksaan daging tidak dapat dilaksanakan oleh JPV di RPH yang tidak berlesen sekali gus menyebabkan kebersihan dan keselamatan daging dari RPH tersebut tidak dapat dipantau. Selain itu, perkara ini menyebabkan kehilangan hasil kerajaan iaitu yuran pemeriksaan daging tidak dapat dikutip.

b. RPH Swasta Beroperasi Tanpa Lesen

- i. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017, sebanyak 17 RPH swasta beroperasi tanpa lesen yang terdiri daripada lapan (8) RPH Unggas (6 RPH ayam dan 2 RPH itik) dan sembilan (9) PPTB Khinzir. Sebanyak tiga (3) daripada 17 RPH swasta beroperasi tanpa lesen telah dilaporkan di LKAN Tahun 2012 Siri 2 iaitu RPH di Kg. Kiambalang, Inanam; Kg. Kawakahan Kitobu, Menggatal; dan Penampang yang masih lagi beroperasi semasa tempoh pengauditan. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 2.16**.

JADUAL 2.16
RPH SWASTA BEROPERASI TANPA LESEN BAGI TEMPOH 2015 HINGGA 2017

DAERAH	LOKASI RPH	HAIWAN DISEMBELIH	STATUS PERMOHONAN LESEN
Kota Kinabalu	Sepanggar, Kota Kinabalu	Khinzir	Permohonan lesen ditolak melalui mesyuarat permohonan lesen yang diadakan pada 05.07.2018 (Rujukan Mesyuarat Bil:JPVS(900-27/36. Jld1).
	Kg. Kiambalang, Inanam	Ayam	Permohonan lesen tidak disokong. Surat arahan pemberhentian operasi telah dikeluarkan. Ruj.surat Bil:JPHPT:KAVP/900-35/2/2-3 bertarikh 03.11.2015.
	Kg. Kawakahan Kitobu, Menggatal	Itik	Permohonan tidak disokong. Surat arahan pemberhentian operasi telah dikeluarkan. Minit mesyuarat : Bil.JPHPT(KEP)100-24/6/Jld.2 bertarikh 12.01.2017.
	Menggatal	Itik	Permohonan tidak disokong pada mesyuarat bertarikh 12.01.2017. Belum diberi surat peringatan.
Penampang	Penampang	Ayam	Pernah memohon lesen operasi tetapi ditolak. Masih beroperasi walaupun surat peringatan telah dikeluarkan. Ruj.surat Bil. JPHPT(PPG)100-24/1/1(46) bertarikh 28.02.2018.
Tuaran	Tamparuli, Tuaran.	Puyuh	Permohonan lesen telah dikemukakan. Mesyuarat telah diadakan pada 14.12.2017 (Bil.JPHPT(TRN)100/24/2/17(09)). Namun, JPV masih menunggu komen daripada Majlis Daerah Tuaran berkenaan <i>Building Plan</i> dan <i>Development Plan</i> .
	Kg. Dungang, Tuaran	Khinzir	Belum pernah mengemukakan permohonan lesen. Menyembelih seekor sehari. Telah diberikan arahan penutupan.
	Kg. Mangkaladoi, Tamparuli	Khinzir	Belum pernah mengemukakan permohonan lesen. Menyembelih seekor sehari. Telah diberikan arahan penutupan.
	Tamparuli, Tuaran	Khinzir	Pembaharuan lesen tidak disokong melalui mesyuarat bertarikh 07.05.2015.
Sipitang	Kg. Naparan, Sipitang	Ayam	Telah memohon dan menyembelih ayam sebanyak 70 ekor sehari di tempat sendiri. Surat amaran telah dikeluarkan.
Papar	Kg. Langsat, Papar	Khinzir	Permohonan lesen ditolak. Menyembelih sebanyak 1-2 ekor sehari di tempat sendiri.
Papar	Kg. Kandawaian, Ranau	Khinzir	Permohonan lesen ditolak melalui mesyuarat 29.05.2008. Telah mengemukakan permohonan semula lesen.
Ranau	Kg. Kandawaian, Ranau	Khinzir	Permohonan lesen ditolak melalui mesyuarat 29.05.2008. Telah mengemukakan permohonan semula lesen. Namun begitu, permohonan belum di proses.
Tenom	Kg. Kailang, Tenom	Khinzir	Belum pernah mengemukakan permohonan lesen. Masih menyembelih 1-2 ekor sehari.
Tambunan	Kg. Kepayan Lama, Tambunan	Khinzir	Ada mengemukakan permohonan lesen.
Lahad Datu	Jalan Jeroco, Lahad Datu	Khinzir	Belum pernah mengemukakan permohonan lesen. Surat amaran pemberhentian operasi telah dikeluarkan.
Kunak	Kg. Dasar Baru, Kunak	Ayam	Permohonan lesen telah dikemukakan. Menunggu keputusan mesyuarat permohonan lesen yang diadakan pada 06.06.2018.

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar

- ii. Perkara ini berlaku disebabkan JPV hanya boleh mengeluarkan surat amaran tetapi tiada klausu yang terkandung dalam *Slaughterhouses Rules 2003* yang membolehkan JPV mengenakan denda kepada RPH yang masih beroperasi walaupun telah diberi amaran untuk menghentikan operasi. Sehubungan dengan itu, JPV perlu membawa

perkara ini ke mahkamah melalui Pejabat Peguam Besar Negeri untuk mendapatkan arahan penutupan operasi RPH. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati tindakan belum diambil untuk membawa perkara ini ke Pejabat Peguam Negeri untuk tindakan mahkamah, meskipun telah dilaporkan di dalam LKAN Tahun 2012 Siri 2.

- iii. Selain itu, JPV juga belum mengambil tindatan terhadap syor Audit di LKAN Tahun 2012 Siri 2 untuk menambah klausula mengenakan denda terhadap RPH yang beroperasi tanpa lesen.
- iv. Kesannya, pemantauan dan pemeriksaan tidak dapat dilaksanakan untuk menjamin kebersihan dan keselamatan daging sembelihan daripada premis RPH yang tidak berlesen. Selain itu, kerugian kepada Kerajaan kerana tidak dapat membuat kutipan hasil daripada pembaharuan lesen dianggarkan berjumlah RM1,700 setahun atau RM5,100 dalam tempoh tiga (3) tahun. Kerajaan juga tidak dapat mengutip yuran pemeriksaan terhadap ternakan/daging kerana pemeriksaan tidak dapat dilaksanakan di RPH yang beroperasi tanpa lesen.

Maklum Balas JPV yang Diterima pada 24 September 2018

JPV akan berkerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk menutup premis penyembelihan yang beroperasi tanpa lesen selepas tiga (3) surat amaran dikeluarkan. Ini disebabkan PBT mempunyai kuasa untuk menutup premis yang beroperasi melanggar peraturan di bawah Undang-undang Kecil PBT.

Pada pendapat Audit, premis yang tidak berlesen menjaskannya kecekapan pengurusan RPH kerana memberi kesan terhadap pencapaian objektif RPH dan kerugian hasil kerajaan.

2.6.2.4. Rekod Pemeriksaan Haiwan Sembelihan

- a. Pemeriksaan *Ante-Mortem* dan *Post-Mortem* terhadap haiwan sembelihan hendaklah dilaksanakan oleh Pegawai Pemeriksa Daging seperti yang ditetapkan dalam *Meat Inspection Rules 2003, Third Schedule*. Hasil Pemeriksaan hendaklah direkodkan dalam borang yang dikhaskan seperti di *Form 1, 2 dan 3*.
 - i. *Form 1* merekodkan bilangan pemeriksaan haiwan ternakan yang dikategorikan kepada sihat untuk disembelih; dibenarkan untuk

- penyembelihan tetapi dengan kawalan yang ketat; ditahan dari disembelih untuk satu tempoh; penyembelihan kecemasan; atau tidak dibenarkan untuk disembelih kerana tidak sihat/sesuai untuk dimakan.
- ii. *Form 2* merekodkan secara terperinci maklumat haiwan yang dibenarkan untuk penyembelihan tetapi dengan kawalan yang ketat seperti nama rumah sembelih; spesis ternakan; penemuan klinikal; suhu badan ternakan; dan diagnosis.
 - iii. *Form 3* merekodkan ternakan yang ditahan daripada penyembelihan dan menyatakan sama ada ia perlu dikeluarkan, dilupuskan atau dijual.
- b. Lawatan Audit ke daerah Keningau, Tenom, Lahad Datu dan Tawau mendapati Pegawai Pemeriksa Daging tidak mengisi *Form 1, 2* dan *3* semasa menjalankan pemeriksaan. Semakan Audit mendapati Pegawai Pemeriksa Daging di Keningau, Tenom dan Tawau tidak menyimpan sebarang rekod bertulis. Manakala Pegawai Pemeriksa Daging di daerah Lahad Datu merekodkan pemeriksaan daging dalam satu buku daftar. Walau bagaimanapun, buku daftar tersebut tidak mengandungi maklumat yang diperlukan di *Form 1, 2* dan *3 Meat Inspection Rules 2003* seperti rekod bilangan haiwan yang dibenarkan untuk penyembelihan tetapi dengan kawalan yang ketat, ditahan daripada disembelih untuk satu (1) tempoh, penyembelihan atas faktor kecemasan dan tidak dibenarkan untuk disembelih kerana tidak sihat atau sesuai untuk dimakan.
- c. Perkara ini berlaku disebabkan tiada arahan yang dikeluarkan oleh ibu pejabat untuk menggunakan borang-borang yang terdapat di dalam *Meat Inspection Rules 2003*. Kesannya, ketepatan data pemeriksaan daging diragui kerana tiada rekod sokongan pengiraan kutipan hasil pemeriksaan daging dan risiko kutipan hasil kurang dikutip amat tinggi.

Maklum Balas JPV yang Diterima pada 24 September 2018

JPV ada memberi penerangan mengenai penggunaan borang-borang yang perlu diisi semasa pemeriksaan daging dilakukan semasa sesi latihan dalaman yang diadakan pada bulan Julai 2018 kepada Pegawai Pemeriksa Daging. JPV juga akan mengambil tindakan segera untuk mengeluarkan memo dalaman ke semua pejabat JPV daerah untuk mengarahkan pemeriksa daging menggunakan borang yang telah ditetapkan.

Pada pendapat Audit, kawalan rekod yang lemah menjaskan kecekapan pengurusan RPH. Pemeriksaan yang tidak direkod dengan teratur

menyebabkan pengesanan mengenai data pemeriksaan daging tidak dapat dilaksanakan yang memberikan risiko hasil kurang dikutip.

2.6.2.5. Penyewaan RPH Kerajaan

- a. Berdasarkan perkara 3.3 Pekeliling Kewangan Negeri Sabah Bil. 2/2013 Garis Panduan Bagi Penyewaan Ruang Bangunan Kerajaan Negeri, perjanjian penyewaan perlu ditandatangani di antara Kementerian/Jabatan terlibat dengan penyewa di mana syarat-syarat yang ditetapkan haruslah mengambil kira dan menjaga kepentingan Kerajaan Negeri.
- b. Semakan Audit mendapati lima (5) daripada tujuh (7) RPH yang beroperasi disewakan kepada syarikat swasta yang menjalankan operasi penyembelihan. Sebanyak dua (2) RPH tidak disewakan kerana operasi dijalankan Jabatan Perkhidmatan Veterinar.
- c. Semakan Audit selanjutnya mendapati perjanjian penyewaan bagi sebuah daripada lima (5) RPH yang disewakan iaitu Pusat Penyembelihan Ternakan Babi (PPTB) Kionsom adalah teratur. Bagaimanapun, perjanjian penyewaan RPH Unggas Keningau dan Tenom tidak disediakan serta dua (2) RPH iaitu PPTB Batu 6, Sandakan dan RPH Ruminan Sandakan telah luput/tamat tempoh perjanjian dan masih belum diperbaharui.
- d. Perkara ini berlaku disebabkan tiada pegawai atau unit yang diberi tanggungjawab untuk menyediakan perjanjian penyewaan dan memantau tarikh luput perjanjian. Kesannya, penyewa dan JPV tidak mempunyai panduan dari segi hak dan kepentingan masing-masing terhadap bangunan dan kemudahan RPH, keselamatan dan penyenggaraan. Selain itu, kepentingan kerajaan tidak terpelihara sekiranya berlaku ketidakakururan oleh penyewa. Namun begitu, penyewa bagi RPH yang tidak disediakan perjanjian telah membayar sewa berdasarkan Surat Setuju Terima yang ditandatangani dan dua (2) RPH yang telah luput/tamat perjanjian masih membayar sewa dengan teratur mengikut kadar perjanjian yang telah luput.

Maklum Balas JPV yang Diterima pada 24 September 2018

JPV memaklumkan bahawa perjanjian penyewaan hanya akan dikeluarkan sekiranya nilai sewaan melebihi RM50 ribu setahun. Sehubungan itu, Surat Setuju Terima (SST) adalah memadai untuk penyewaan RPH yang mempunyai nilai sewaan kurang daripada RM50 ribu setahun. Perkara ini berdasarkan kepada Pekeliling Jabatan Bendahari Negeri Sabah Bilangan 09 Tahun 2010 Pembayaran Perolehan Bernilai Melebihi RM 50,000.00

Termasuk Bayaran di Bawah Arahan Perbendaharaan 55, setiap perolehan kerja, perkhidmatan dan bekalan yang bernilai melebihi RM50,000 hendaklah mempunyai dokumen kontrak yang lengkap dengan bon pelaksanaan, insurans dan sebagainya.

Pada pendapat Audit, pengurusan penyewaan RPH tidak dilaksanakan dengan cekap menyebabkan berlakunya perjanjian sewa RPH Kerajaan tidak disediakan dengan teratur. Penyewaan premis Kerajaan tanpa kontrak perjanjian penyewaan adalah tidak mematuhi Perkara 3.3 Pekeliling Kewangan Negeri Sabah Bil 2/2013 Garis Panduan Bagi Penyewaan Ruang Bangunan Kerajaan Negeri. Selain itu, Pekeliling Jabatan Bendahari Negeri Sabah yang dinyatakan dalam maklum balas adalah melibatkan perolehan dan bukannya kontrak sewaan.

2.6.2.6. Kutipan Hasil

a. Hasil Lesen RPH

- i. Selaras dengan *Slaughterhouses Rules 2003*, perenggan 4(2) *Licence*: setiap RPH swasta yang memperbaharui lesen akan dikenakan yuran pembaharuan sejumlah RM100 setahun. Semakan Audit mendapati hasil lesen yang dikutip daripada 12 RPH swasta bagi tempoh tiga (3) tahun adalah berjumlah RM3,600 seperti **Jadual 2.17**.

**JADUAL 2.17
BAYARAN PEMBAHARUAN LESEN BAGI TEMPOH 2015 HINGGA 2017**

DAERAH	NOMBOR PENDAFTARAN SYARIKAT/ LESEN BERNIAGA	BAYARAN PEMBAHARUAN LESEN (RM)			
		2015	2016	2017	JUMLAH
KOTA KINABALU	671699-H	100	100	100	300
KENINGAU	194958-V	100	100	100	300
	639180-K	100	100	100	300
	970856-W	100	100	100	300
	Lesen Berniaga KGU/2017/12454	100	100	100	300
TENOM	Lesen Berniaga TNM/2018/1146	100	100	100	300
LAHAD DATU	833119-H	100	100	100	300
TAWAU	249317-M	100	100	100	300
	970856-w	100	100	100	300
	737784-X	100	100	100	300
	639180-K	100	100	100	300
	Lesen Berniaga 02202	100	100	100	300
JUMLAH		1,200	1,200	1,200	3,600

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar

- ii. Bagaimanapun, analisis Audit mendapati Kerajaan mengalami kerugian kerana tidak dapat mengutip hasil daripada 17 RPH yang beroperasi tanpa lesen dengan anggaran hasil lesen berjumlah RM5,100 untuk tempoh tahun 2015 hingga 2017.

b. Yuran Pemeriksaan Daging

- i. Pemeriksaan yang dijalankan terhadap haiwan sembelihan akan dikenakan yuran pemeriksaan mengikut kadar yang ditetapkan dalam Jadual Keempat, *Meat Inspection Rules 2003*, perenggan 7 *Inspection Fees*.
- ii. Semakan Audit di lima (5) daerah yang dilawat mendapati yuran pemeriksaan daging yang telah dikutip bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017 berjumlah RM721,417. Berdasarkan pengiraan Audit, dianggarkan sejumlah RM182,027.24 yuran pemeriksaan daging tidak dikutip di empat (4) RPH yang berlesen disebabkan pemeriksaan daging tidak dibuat seperti **Jadual 2.18**.

JADUAL 2.18

**ANGGARAN BAYARAN YURAN PEMERIKSAAN DAGING YANG TIDAK DIKUTIP
DISEBABKAN PEMERIKSAAN DAGING TIDAK DIBUAT BAGI TEMPOH 2015 HINGGA 2017**

DAERAH	NOMBOR PENDAFTARAN SYARIKAT/ LESEN BERNIAGA	BAYARAN PEMERIKSAAN DAGING (RM)			
		2015	2016	2017	JUMLAH
Keningau	194958-V	3,090.00	2,950.00	2,145.00	8,185.00
	Lesen Berniaga KGU/2017/12454	264.00	679.20	1,371.20	2314.40
Tawau	249317-M	52,137.52	49,878.32	54,131.90	102,015.84
	Lesen Berniaga 02202	23,528.00	19,168.00	26,816.00	69,512.00
JUMLAH		79,019.52	72,675.52	30,332.20	182,027.24

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar

- iii. Perkara ini berlaku disebabkan pemilik RPH Rastamas Coldstorage Sdn. Bhd. tidak membenarkan pegawai pemeriksa daging membuat pemeriksaan. Selain itu, masa operasi RPH Evergreen Livestock Farm, Tempulan Halal Ent. dan Cf Farms tidak menentu iaitu bergantung kepada masa haiwan tiba di premis.
- iv. Kesannya, Kerajaan kehilangan hasil yuran pemeriksaan daging berjumlah RM182,027.24 untuk tempoh 2015 hingga 2017.

Maklum Balas JPV yang Diterima pada 24 September 2018

Penolong Pengarah Wilayah Tawau telah berhubung dengan pihak Rastamas ColdStorage Sdn. Bhd. untuk berunding bagi mendapatkan kebenaran untuk menjalankan pemeriksaan daging. Bagaimanapun, pihak

Rastamas ColdStorage Sdn. Bhd enggan berkerjasama disebabkan yuran pemeriksaan daging tinggi. JPV akan mengambil tindakan untuk menarik balik lesen RPH tersebut.

Pada pendapat Audit, JPV perlu mengambil tindakan undang-undang terhadap pihak yang tidak membenarkan pemeriksaan terhadap daging dijalankan kerana menghalang pegawai Kerajaan menjalankan tugas di bawah *Meat Inspection Rules, 2003*. Selain itu, kutipan hasil boleh dipertingkatkan sekiranya penguatkuasaan dapat dilaksanakan terhadap RPH yang tidak berlesen dan pemantauan dipertingkatkan terhadap pemeriksaan daging yang dijalankan oleh pegawai.

2.7. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan rumah penyembelihan haiwan dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mencapai objektif yang ditetapkan, pihak JPV hendaklah mengambil tindakan segera terhadap perkara berikut:

- 2.7.1. mengkaji alternatif untuk memastikan semua RPH beroperasi dengan lesen bagi membolehkan pemeriksaan haiwan dibuat untuk menjamin daging sembelihan selamat untuk dimakan;
- 2.7.2. menyusun semula penempatan pegawai pemeriksa daging supaya sumber yang ada digunakan sepenuhnya untuk membolehkan pemeriksaan daging dapat dilaksanakan di semua RPH dan menjamin keselamatan serta kebersihan daging sembelihan;
- 2.7.3. memastikan pemeriksaan daging direkod dengan betul menggunakan borang yang ditetapkan. Pihak pengurusan perlu memastikan arahan disampaikan secara bertulis kepada setiap Pegawai Pemeriksa Daging untuk mematuhi penggunaan borang dalam *Meat Inspection Rules, 2003* agar pemeriksaan lebih teratur dan kutipan hasil dapat dipungut sewajarnya;
- 2.7.4. menyediakan program penyenggaraan RPH mengikut keutamaan dan menyediakan peruntukan yang mencukupi untuk menyenggara kolam takungan kumbahan supaya sisa cecair yang dikeluarkan mematuhi standard parameter yang ditetapkan bagi mengelakkan pencemaran persekitaran;
- 2.7.5. menawarkan insentif kepada pengusaha untuk menggunakan RPH Kerajaan bagi membolehkan aset Kerajaan dimanfaatkan dan memberi pulangan dalam bentuk sewaan kepada Kerajaan;

- 2.7.6. bekerjasama dengan Agensi Kerajaan seperti Pihak Berkuasa Tempatan dan Jabatan Alam Sekitar untuk menghentikan operasi penyembelihan RPH yang beroperasi tanpa lesen selepas surat amaran ketiga dikeluarkan; dan
- 2.7.7. mengambil tindakan tegas terhadap RPH yang tidak membenarkan pemeriksaan daging dilakukan dengan menarik balik lesen operasi dan bekerjasama dengan agensi lain seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) untuk menarik balik pensijilan halal.

JABATAN PERTANIAN NEGERI SABAH

3. PEMBANGUNAN TANAMAN PADI DAERAH KOTA BELUD

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Jabatan Pertanian Negeri Sabah (JPNS) adalah bertanggungjawab untuk memajukan industri pertanian di samping mempergiatkan industri pengeluaran makanan di negeri Sabah. Salah satu fokus JPNS adalah meningkatkan pengeluaran padi yang merupakan makanan utama penduduk negeri Sabah. Pada masa ini negeri Sabah mengimport kira-kira 221,193 tan (56.8%) beras setahun daripada keperluan beras penduduk. Ini disebabkan Tahap Kecukupan Sara Diri (SSL) beras negeri Sabah masih tidak mencukupi untuk menampung keperluan penduduk iaitu hanya mencapai sekitar 24.3%. Dasar Pertanian Negeri Sabah Ketiga (DPNS-3) yang dilancarkan pada tahun 2017 merupakan kesinambungan daripada DPNS Kedua telah mensasarkan 60% pengeluaran beras tempatan untuk keperluan penduduk menjelang tahun 2026 sekali gus mengurangkan jumlah import beras dari luar negara.

3.1.2. Berdasarkan statistik JPNS tahun 2010, penanaman padi di seluruh negeri Sabah adalah melibatkan 20 daerah meliputi keluasan fizikal kawasan tanah sawah padi seluas 35,601 hektar dengan 32,696 pesawah berdaftar. Daerah Kota Belud merupakan kawasan penanaman padi terbesar di negeri Sabah dengan keluasan penanaman fizikal seluas 8,503 hektar dengan 6,930 pesawah berdaftar. Pengeluaran padi di daerah Kota Belud menyumbang lebih kurang 24% daripada keseluruhan pengeluaran beras dalam negeri.

3.1.3. Kerajaan menyalurkan pelbagai subsidi dan bantuan kepada pesawah/pengusaha padi sebagai galakan untuk mereka terus mengusahakan penanaman padi. Objektifnya adalah untuk meningkatkan keluasan bertanam; meningkatkan hasil pengeluaran padi; mengurangkan kos pengeluaran dan meningkatkan pendapatan pesawah/pengusaha tanaman padi. Objektif ini adalah selari dengan DPNS-3 untuk meningkatkan tahap kecukupan keperluan beras di negeri Sabah sehingga 60% menjelang tahun 2026.

3.1.4. Kerajaan Negeri Sabah iaitu Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Sabah (MAFI) menyalurkan peruntukan Subsidi Pembajakan Sawah Padi bernilai RM494 sehektar melalui JPNS. Manakala Kerajaan Persekutuan iaitu Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) menyalurkan peruntukan kepada Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) untuk memberikan bantuan baja dan racun di bawah Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP), Skim Insentif Pengeluaran Padi

(SIPP) dan Insentif Pembajakan Kepada Pesawah (IPKP). Beras Nasional Berhad (BERNAS) pula memberikan Subsidi Harga Padi (SHP) kepada pesawah. Butiran subsidi dan bantuan adalah seperti di **Jadual 3.1**.

JADUAL 3.1
JENIS SUBSIDI DAN BANTUAN OLEH KERAJAAN KEPADA PESAWAH

JENIS SUBSIDI/BANTUAN	KADAR SUBSIDI/BANTUAN
KERAJAAN PERSEKUTUAN	
Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP)	<ul style="list-style-type: none"> Baja Sebatian: 12 beg/hektar @ 20kg/beg (maksimum 10.12 hektar) Baja Urea: 4 beg/hektar @ 20kg/beg (maksimum 10.12 hektar)
Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP)	<ul style="list-style-type: none"> Baja NPK Tambahan: 6 beg/hektar @ 25kg/beg (tiada had keluasan) Racun Mahkluk Perosak dan Rumpai: kupon RM200/hektar (tiada had keluasan) <p>Insentif Pembajakan Kepada Pesawah-pesawah (IPKP)</p> <ul style="list-style-type: none"> Upah membajak: RM100/hektar
Subsidi Harga Padi (SHP)	<ul style="list-style-type: none"> Sebelum 01.01.2016: RM248.10/tan Mulai 01.01.2016: RM300/tan (maksimum 2.42 hektar)
KERAJAAN NEGERI	
Subsidi Pembajakan Sawah Padi	<ul style="list-style-type: none"> RM494/hektar

Sumber: JPNS, LPP dan BERNAS

3.1.5. Pemberian subsidi dan bantuan penting untuk meringankan beban pesawah yang terpaksa menanggung kos pengeluaran padi dianggarkan berjumlah RM4,096 sehektar. Secara purata, setiap pesawah menerima subsidi dan bantuan berjumlah RM1,901 sehektar menjadikan beban kos yang ditanggung berkurangan kepada RM2,195 sehektar selepas menerima subsidi dan bantuan.

3.1.6. Kerajaan Negeri telah membelanjakan sejumlah RM49.83 juta untuk pemberian Subsidi Pembajakan Sawah Padi bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017. Manakala jumlah subsidi dan bantuan yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan bagi tempoh yang sama berjumlah RM193.36 juta seperti di **Jadual 3.2**.

JADUAL 3.2
**PERBELANJAAN SUBSIDI/BANTUAN KERAJAAN NEGERI
DAN KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2017**

TAHUN	PERBELANJAAN SUBSIDI/BANTUAN		JUMLAH PERBELANJAAN (RM Juta)
	KERAJAAN NEGERI (RM Juta)	KERAJAAN PERSEKUTUAN (RM Juta)	
2015	17.24	69.28	86.52
2016	16.73	62.47	79.20
2017	15.86	61.61	77.47
JUMLAH	49.83	193.36	243.19

Sumber : JPNS dan LPP

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan yang dijalankan bertujuan untuk menilai sama ada:

- a. pembangunan tanaman padi di daerah Kota Belud dilaksanakan secara cekap dan berkesan bagi meningkatkan keluasan bertanam; meningkatkan hasil pengeluaran padi; mengurangkan kos pengeluaran dan meningkatkan pendapatan pesawah/pengusaha tanaman padi serta menyumbang kepada tahap kecukupan keperluan beras di negeri Sabah sehingga 60% menjelang tahun 2026; dan
- b. pengurusan pembangunan tanaman padi telah dilaksanakan dengan cekap.

3.3. SKOP PENGAUDITAN

3.3.1. Pengauditan ini meliputi dua (2) bidang Audit utama iaitu prestasi pembangunan tanaman padi dan pengurusan pembangunan tanaman padi. Prestasi pembangunan tanaman padi dinilai berdasarkan dua (2) perkara iaitu prestasi output dan *outcome*. Manakala aspek pengurusan pembangunan tanaman padi meliputi prestasi kewangan; syarat, kaedah, pengesahan dan tuntutan subsidi dan bantuan; jentera pembajak; serta pengairan dan saliran.

3.3.2. Fokus pengauditan adalah pembangunan tanaman padi serta pemberian subsidi dan bantuan tanaman padi di daerah Kota Belud yang disasarkan oleh Kerajaan untuk dijadikan sebagai jelapang padi menjelang tahun 2020. Daerah Kota Belud merupakan kawasan penanaman padi terbesar di negeri Sabah dan menyumbang sebanyak 26.5% daripada keseluruhan pengeluaran padi negeri Sabah bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017.

3.3.3. Pengauditan telah dijalankan di Ibu Pejabat Jabatan Pertanian Negeri Sabah, Pejabat Pertanian daerah Kota Belud, LPP Sabah, Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kota Belud, Pertubuhan Peladang Negeri Bahagian Jentera (PPNJ) Kota Belud, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Sabah, JPS Kota Belud, Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) dan BERNAS. Tempoh pengauditan meliputi pembangunan tanaman padi di daerah Kota Belud bagi tahun 2015 hingga 2017.

3.3.4. Pengauditan ini mempunyai limitasi iaitu keupayaan untuk bertemu dengan pesawah adalah terhad disebabkan oleh perkara berikut:

- i. lokasi kediaman pesawah berjauhan dengan kawasan sawah;
- ii. pesawah sukar dihubungi;
- iii. pesawah memiliki tanah sawah di beberapa kawasan yang berlainan;

- iv. pesawah mempunyai masalah pengangkutan; dan
- v. pesawah hanya berada di kawasan sawah padi pada waktu pagi sahaja.

3.3.5. Sebanyak 103 daripada 1,949 pesawah bagi 10 kampung di daerah Kota Belud telah dipilih secara rawak sebagai sampel untuk Audit. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.3**.

JADUAL 3.3
SAMPEL PESAWAH YANG DIPILIH UNTUK DIAUDIT
DI DAERAH KOTA BELUD BAGI TEMPOH TAHUN TAHUN 2015 HINGGA 2017

BIL.	NAMA KAMPUNG	BIL. PESAWAH (Orang)	KELUASAN BERTANAM (HA)
1.	Kg. Tempasuk 1	18	31.86
2.	Kg. Tempasuk 2		
3.	Kg. Taun Gusi 1	13	25.19
4.	Kg. Piasau	10	16.60
5.	Kg. Tambulion	10	13.81
6.	Kg. Tamau	13	35.28
7.	Kg. Tawadakan	10	20.24
8.	Kg. Nahaba	10	21.21
9.	Kg. Pandasan	7	14.00
10.	Kg. Pintasan	12	24.29
JUMLAH		103	202.48

Sumber: JPNS

3.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan membuat semakan terhadap fail individu pesawah, rekod, laporan, baucar bayaran, minit mesyuarat, fail dan dokumen lain yang berkaitan. Pihak Audit juga menemu bual dan mengadakan perbincangan dengan pegawai yang terlibat untuk mendapatkan penjelasan lisan dan memastikan ketepatan maklumat yang dilaporkan. Lawatan Audit bersama pegawai JPNS dijalankan di kawasan sawah padi bagi 10 buah kampung di daerah Kota Belud. Selain itu, maklum balas pesawah berkaitan tahap kepuasan dan pendapatan diperoleh melalui temu bual dan pengedaran soal selidik.

3.5. RUMUSAN AUDIT

3.5.1. Pengauditan pembangunan tanaman padi di daerah Kota Belud yang dijalankan pada bulan Jun 2018 hingga Ogos 2018 merumuskan perkara seperti berikut:

3.5.1.1. Prestasi Pembangunan Tanaman Padi

- a. Secara keseluruhannya, objektif pembangunan tanaman padi belum tercapai kerana prestasi tanaman padi negeri Sabah masih rendah walaupun

Kerajaan telah memberikan pelbagai subsidi dan bantuan secara berterusan kepada pesawah. Faktor bencana alam memberi impak secara langsung terhadap pencapaian prestasi tanaman padi secara keseluruhan. Manakala pengurangan pemberian subsidi pada tahun 2016 hanya memberi kesan kepada penurunan keluasan bertanam pada tahun tersebut.

- b. Keluasan bertanam, pengeluaran padi dan produktiviti pengeluaran bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017 tidak mencapai sasaran yang ditetapkan. Keluasan bertanam negeri Sabah bagi tahun 2015, 2016 dan 2017 hanya berjaya mencapai masing-masing 31,799 hektar (84.8%), 27,485 hektar (73.2%) dan 30,833 hektar (89.9%) daripada sasaran yang ditetapkan. Manakala bagi daerah Kota Belud keluasan bertanaman bagi tahun 2015, 2016 dan 2017 masing-masing 9,519 hektar (80%), 7,989 hektar (67.2%) dan 10,278 hektar (85.7%).
- c. Pengeluaran padi negeri Sabah bagi tahun 2015, 2016 dan 2017 hanya berjaya mencapai masing-masing 111,297 tan (84.8%), 95,442 tan (68.7%) dan 98,981 tan (71.1%). Manakala sasaran pengeluaran padi di daerah Kota Belud bagi tahun 2015, 2016 dan 2017 hanya mencapai masing-masing 28,625 tan (60.3%), 29,581 tan (58.7%) dan 22,804 tan (45.2%). Manakala pencapaian produktiviti pengeluaran negeri Sabah bagi tahun 2015, 2016 dan 2017 pula hanya mencapai masing-masing 3.49 tan sehektar, 3.47 tan sehektar dan 3.21 tan sehektar berbanding sasaran. Produktiviti pengeluaran bagi daerah Kota Belud bagi tahun 2015, 2016 dan 2017 juga tidak mencapai sasaran iaitu masing-masing mencapai 3 tan sehektar, 3.70 tan sehektar dan 2.21 tan sehektar.
- d. Pemberian subsidi dan bantuan berjumlah RM1,901 sehektar telah mengurangkan kos pengeluaran padi sebanyak 46.4%. Bagaimanapun, objektif bagi meningkatkan pendapatan pesawah belum tercapai sepenuhnya kerana seramai 52.2% pesawah (sampel Audit) masih berpendapatan di bawah PGK iaitu RM1,180 sebulan (isi rumah) pada tahun 2017. Manakala 33.3% pesawah di bawah miskin tegar iaitu mempunyai pendapatan di bawah RM760 sebulan (isi rumah);
- e. Pencapaian tahap kecukupan sara diri (SSL) negeri Sabah bagi tahun 2015, 2016 dan 2017 adalah masing-masing 24.37%, 24.04% dan 24.60% berbanding sasaran SSL masing-masing 31.88%, 34.27% dan 36.84%. Daerah Kota Belud menghasilkan masing-masing 64.7%, 64.4% dan 68.9% daripada keseluruhan pengeluaran padi negeri Sabah pada tahun 2015, 2016 dan 2017 yang turut menyumbang kepada pencapaian SSL negeri Sabah.

- f. Sehubungan itu, sasaran jangka panjang JPNS untuk meningkatkan tahap kecukupan sara diri (SSL) di negeri Sabah sehingga 60% menjelang tahun 2026 memerlukan banyak usaha dan penambahbaikan supaya dapat dicapai dalam tempoh yang ditetapkan.

3.5.1.2. Pengurusan Pembangunan Tanaman Padi

Terdapat kelemahan dalam pengurusan pembangunan tanaman padi dari aspek prestasi kewangan; kaedah pemberian IPKP; jentera pembajak; serta pengairan dan saliran memberi kesan terhadap tahap kecekapan pengurusan pembangunan tanaman padi. Kelemahan utama yang ditemui adalah seperti berikut:

- a. subsidi pembajakan sawah padi pada tahun 2016 telah dikurangkan sebanyak 50% untuk membeli jentera pembajak menyebabkan pesawah terpaksa menanggung kos pembajakan yang lebih tinggi pada tahun tersebut;
- b. kaedah pemberian Insentif Pembajakan Kepada Pesawah-pesawah (IPKP) yang dibayar terus kepada kontraktor pembajak adalah kurang efektif kerana tuntutan hanya diberikan sekiranya kontraktor pembajak membuat tuntutan;
- c. kekurangan jentera pembajak empat roda mengakibatkan pesawah tidak dapat menjalankan penanaman padi secara serentak di sesuatu kawasan; dan
- d. parit buang yang tidak disenggara mengikut norma penyenggaraan yang ditetapkan menyebabkan air bertakung yang menjelaskan penanaman padi.

3.6. PENEMUAN AUDIT

Perkara yang ditemui dan maklum balas auditi telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 25 September 2018. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan yang dinyatakan dalam rumusan Audit adalah seperti berikut:

3.6.1. Prestasi Pembangunan Tanaman Padi

3.6.1.1. Prestasi Output

Dasar Pertanian Negeri Sabah Ketiga (DPNS-3) telah menetapkan sasaran 60% pengeluaran beras negeri Sabah menjelang tahun 2026 iaitu pengeluaran sebanyak 580,447 tan metrik dengan keluasan bertanam seluas 106,241 hektar. Oleh yang demikian bagi mencapai matlamat tersebut, JPNS telah menyediakan unjuran terhadap sasaran keluasan bertanam dan pengeluaran padi untuk

tempoh tahun 2016 hingga 2026. Analisis Audit terhadap pencapaian kawasan bertanam dan pengeluaran padi adalah seperti berikut:

a. Keluasan Kawasan Bertanam

- i. JPNS telah menetapkan sasaran keluasan tanah diusahakan dan bertanam bagi seluruh negeri Sabah termasuk sasaran khusus bagi setiap daerah. Berdasarkan Laporan Pencapaian Fizikal Program Pembangunan Komoditi Tanaman bagi tahun 2015 hingga 2017, sasaran keluasan bertanam tahunan yang ditetapkan bagi negeri Sabah untuk tempoh tahun 2015, 2016 dan 2017 adalah masing-masing 37,500 hektar, 37,572 hektar dan 34,304 hektar.
- ii. Semakan Audit mendapati peratus pencapaian keluasan kawasan bertanam negeri Sabah berbanding sasaran adalah 84.8%, 73.2% dan 89.9% bagi tahun 2015, 2016 dan 2017 seperti di **Jadual 3.4** berikut:

JADUAL 3.4
SASARAN DAN PENCAPAIAN KELUASAN
BERTANAM DI NEGERI SABAH BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2017

TAHUN	KELUASAN BERTANAM		
	SASARAN KELUASAN (HA)	PENCAPAIAN KELUASAN (HA)	PERATUS PENCAPAIAN (%)
2015	37,500.00	31,799.44	84.8
2016	37,572.12	27,485.43	73.2
2017	34,304.00	30,833.04	89.9

Sumber: JPNS

- iii. Pencapaian yang rendah pada tahun 2016 adalah disebabkan berlaku musim kemarau yang panjang menyebabkan tanah sawah kering dan tidak sesuai untuk penanaman. Selain itu, pengurangan Subsidi Pembajakan Sawah Padi sebanyak 50% oleh Kerajaan Negeri menyebabkan keluasan bertanam telah berkurang 13.6% berbanding tahun 2015.
- iv. Khusus bagi daerah Kota Belud pula, sasaran keluasan bertanam tahunan yang ditetapkan untuk tahun 2015, 2016 dan 2017 adalah masing-masing 11,897 hektar, 11,897 hektar dan 12,000 hektar. Semakan Audit mendapati peratus pencapaian keluasan kawasan bertanam berbanding sasaran adalah masing-masing 80%, 67.2% dan 85.7% bagi tahun 2015, 2016 dan 2017 seperti di **Jadual 3.5**.

JADUAL 3.5
SASARAN DAN PENCAPAIAN KELUASAN BERTANAM
DI DAERAH KOTA BELUD BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2017

TAHUN	KELUASAN BERTANAM		
	SASARAN KELUASAN (HA)	PENCAPAIAN KELUASAN (HA)	PERATUS PENCAPAIAN (%)
2015	11,897	9,519.54	80.0
2016	11,897	7,989.36	67.2
2017	12,000	10,278.32	85.7

Sumber: JPNS

- v. Faktor bencana alam iaitu gempa bumi yang berlaku pada tahun 2015, kemarau panjang pada tahun 2016 dan banjir yang kerap berlaku pada tahun 2017 telah merosakkan tanaman padi dan menjelaskan keluasan bertanam. Selain itu, jumlah subsidi pembajakan sawah padi yang dikurangkan sebanyak 50% pada tahun 2016 menyebabkan keluasan kawasan bertanam berkurang sebanyak 16.1%.
- vi. Secara keseluruhannya, sasaran keluasan bertanam bagi daerah Kota Belud yang belum tercapai sepenuhnya memberi kesan kepada pencapaian keluasan bertanam bagi negeri Sabah. Ini disebabkan daerah Kota Belud merupakan kawasan penanaman padi paling luas iaitu 10,278.32 hektar (33.3%) daripada keseluruhan 30,833.04 hektar keluasan bertanam di seluruh negeri Sabah bagi tahun 2017.

Maklum Balas JPNS pada *Exit Conference 25 September 2018* dan Surat Bertarikh 5 Oktober 2018

Pihak JPNS memaklumkan penetapan sasaran bertanam ini adalah berdasarkan jumlah peruntukan kewangan yang diterima serta naik taraf sistem pengairan dan saliran yang telah dilaksanakan oleh pihak JPS dan bukannya berdasarkan sasaran fizikal.

Sasaran penanaman bagi tahun 2015 hingga 2017 tidak tercapai sepenuhnya adalah disebabkan masalah bencana alam seperti banjir dan kemarau, kerosakan pam air JPS, sistem pengairan tersumbat, air tidak mencukupi pada musim kemarau menyebabkan sebahagian pesawah yang telah mendaftar tidak dapat meneruskan penanaman. Keadaan ini menyebabkan tanah sawah seluas 2,306 hektar bagi tahun 2015, 3,908 hektar bagi tahun 2016 dan 1,722 hektar bagi tahun 2017 tidak dapat ditanam.

b. Pengeluaran Padi

- i. Berdasarkan Laporan Keluasan dan Pengeluaran Tanaman Pertanian, bagi tahun 2015 hingga 2017, sasaran pengeluaran padi di seluruh negeri Sabah yang ditetapkan oleh JPNS bagi tahun 2015, 2016 dan 2017 adalah masing-masing 131,250 tan, 138,903 tan dan 139,150 tan. Semakan Audit mendapati bagi tiga (3) tahun tersebut JPNS tidak mencapai sasaran yang ditetapkan. Peratus pencapaian pengeluaran padi negeri Sabah yang dicapai berbanding sasaran bagi tahun 2015, 2016 dan 2017 adalah masing-masing 84.8%, 68.7% dan 71.1%. Selain itu, didapati pencapaian pengeluaran padi bagi tahun 2016 adalah yang terendah iaitu sebanyak 95,442 tan (68.7%) sahaja berbanding sasaran sebanyak 138,903 tan. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.6**.

JADUAL 3.6
PENCAPAIAN PENGETUARAN PADI BERBANDING SASARAN
BAGI NEGERI SABAH UNTUK TEMPOH TAHUN 2015 HINGGA 2017

TAHUN	PENGELUARAN PADI		
	SASARAN (Tan)	PENCAPAIAN (Tan)	PERATUS PENCAPAIAN (%)
2015	131,250	111,297	84.8
2016	138,903	95,442	68.7
2017	139,150	98,981	71.1
JUMLAH	409,303	305,720	74.7

Sumber: JPNS

- ii. Daerah Kota Belud merupakan penyumbang utama pengeluaran padi di negeri Sabah kerana keluasan kawasan bertanam yang lebih luas berbanding daerah lain. Bagi tahun 2015, 2016 dan 2017 daerah Kota Belud menyumbang masing-masing 28,625 tan, 29,581 tan dan 22,804 tan pengeluaran padi daripada 111,297 tan, 95,442 tan dan 98,981 tan pengeluaran padi negeri Sabah. Sasaran pengeluaran padi yang ditetapkan di daerah Kota Belud bagi tahun 2015, 2016 dan 2017 adalah masing-masing 47,500 tan, 50,400 tan dan 50,400 tan. Semakan Audit mendapati JPNS tidak mencapai sasaran yang ditetapkan bagi ketiga-tiga tahun tersebut. Peratus pencapaian pengeluaran padi yang dicapai berbanding sasaran bagi tahun 2015, 2016 dan 2017 adalah masing-masing 60.3%, 58.7% dan 45.2% seperti di **Jadual 3.7**.

JADUAL 3.7
SASARAN DAN PENCAPAIAN PENGETUARAN PADI
DI DAERAH KOTA BELUD BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2017

TAHUN	PENGELUARAN PADI		
	SASARAN (Tan)	PENCAPAIAN (Tan)	PERATUS PENCAPAIAN (%)
2015	47,500	28,625	60.3
2016	50,400	29,581	58.7
2017	50,400	22,804	45.2
JUMLAH	148,300	81,010	54.6

Sumber: JPNS

- iii. Pencapaian pengeluaran padi di daerah Kota Belud pada tahun 2015 hingga 2017 adalah rendah iaitu pada tahap 45.2% hingga 60.3%. Sasaran yang tidak tercapai disebabkan oleh faktor-faktor berikut:
 - pada tahun 2015 berlaku banjir dan gempa bumi di daerah Kota Belud yang menjelaskan pertumbuhan dan penanaman padi. Seluas 238 hektar sawah padi telah rosak sepenuhnya akibat banjir;
 - pada tahun 2016, seluas 317.54 hektar sawah padi terjejas akibat kemarau dan seluas 169 hektar terjejas akibat banjir yang menjelaskan pertumbuhan dan penghasilan padi; dan
 - pada tahun 2017, seluas 701.44 hektar sawah padi rosak sepenuhnya akibat banjir.
- iv. Pengeluaran padi yang tidak mencapai sasaran telah menjelaskan pencapaian tahap kecukupan sara diri (SSL) tahunan yang ditetapkan.

Maklum Balas JPNS pada 5 Oktober 2018

Pihak JPNS bersetuju dan mengambil maklum bahawa faktor cuaca dan bencana alam menjelaskan pengeluaran tanaman padi serta sasaran SSL tidak tercapai.

c. Produktiviti Pengeluaran

- i. Analisis terhadap purata pengeluaran padi berbanding keluasan bertanam sebenar bertujuan untuk mengukur produktiviti pengeluaran padi sehektar. Produktiviti pengeluaran padi negeri Sabah bagi tahun 2015, 2016 dan 2017 masing-masing mencapai 3.49 tan sehektar; 3.47 tan sehektar dan 3.21 tan sehektar. Manakala produktiviti pengeluaran bagi daerah Kota Belud telah mencapai 3 tan sehektar; 3.70 tan sehektar dan 2.21 tan sehektar untuk tempoh tahun yang sama. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 3.8** dan **Jadual 3.9**.

JADUAL 3.8

PRODUKTIVITI PENGELOUARAN PADI NEGERI SABAH BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2017

TAHUN	SASARAN PENGELOUARAN PADI (Tan Sehektar)	PENCAPAIAN PENGELOUARAN PADI (Tan Sehektar)
2015	3.50	3.49
2016	3.69	3.47
2017	4.05	3.21

Sumber: Jabatan Audit Negara

JADUAL 3.9
PRODUKTIVITI PENGELUARAN PADI
DAERAH KOTA BELUD BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2017

TAHUN	SASARAN PENGELUARAN PADI (Tan Sehektar)	PENCAPAIAN PENGELUARAN PADI (Tan Sehektar)
2015	3.99	3.00
2016	4.23	3.70
2017	4.20	2.21

Sumber: Jabatan Audit Negara

- ii. Secara keseluruhannya, produktiviti pengeluaran padi bagi negeri Sabah dan daerah Kota Belud tidak mencapai sasaran tahunan yang ditetapkan bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017. Produktiviti per hektar didapati tidak dipengaruhi secara langsung dengan keluasan bertanam. Sebaliknya, faktor lain seperti pengairan dan saliran, benih padi dan jentera turut mempengaruhi produktiviti pengeluaran padi.

Pada pendapat Audit, prestasi output berdasarkan sasaran keluasan kawasan bertanam, pengeluaran padi dan produktiviti pengeluaran padi bagi negeri Sabah secara amnya dan daerah Kota Belud secara khususnya tidak tercapai. Pengurangan pemberian subsidi pada tahun 2016 telah memberi kesan kepada penurunan keluasan bertanam pada tahun tersebut. Bagaimanapun, faktor bencana alam memberi impak secara langsung terhadap pencapaian prestasi output secara keseluruhan.

3.6.1.2. Prestasi *Outcome*

Untuk mengukur prestasi *outcome* pembangunan tanaman padi di negeri Sabah, pihak Audit telah melaksanakan penilaian terhadap dua (2) perkara iaitu tahap kecukupan sara diri (SSL) dan pendapatan pesawah. Hasil semakan Audit mendapati perkara berikut:

a. Tahap Kecukupan Sara Diri (SSL)

- i. Tahap kecukupan sara diri (SSL) bagi beras merujuk kepada peratus kecukupan beras untuk kegunaan penduduk negeri Sabah. Data keluasan bertanam dan berhasil, pengeluaran padi (sawah dan huma) dan beras, import dan eksport beras negeri serta stok awal dan akhir setiap tahun perlu ada bagi mendapatkan data keperluan dan penggunaan beras negeri. Bagi padi sawah musim utama, ia merujuk kepada keluasan padi yang ditanam pada bulan Ogos tahun semasa hingga bulan Februari tahun berikutnya manakala padi sawah luar musim adalah keluasan padi yang ditanam pada bulan Mac hingga Julai tahun

semasa. Kadar pertukaran padi kepada beras yang digunakan adalah 63%.

- ii. SSL akan ditentukan apabila jumlah pengeluaran beras negeri dibandingkan dengan penggunaan beras yang juga mengambil kira bilangan penduduk negeri Sabah berjumlah 3.87 juta orang pada tahun 2017. Dianggarkan kadar pertumbuhan penduduk adalah sekitar 2.5% setahun. Secara purata kadar konsumsi beras per kapita di negeri Sabah ialah 85kg seorang bagi setahun. Pertambahan penduduk dan corak pemakanan akan mempengaruhi kadar konsumsi per kapita beras. Selain itu, jumlah pelancong dan warga asing sah/pendatang tanpa izin yang tinggal di negeri Sabah juga mempengaruhi kadar konsumsi beras per kapita.
- iii. Berdasarkan Dasar Pertanian Negeri Sabah Ketiga (DPNS-3), SSL yang ditetapkan bagi negeri Sabah adalah 60% menjelang tahun 2026. Bagi mencapai matlamat tersebut, JPNS telah menyediakan unjuran sasaran SSL yang perlu dicapai setiap tahun sehingga menjelang tahun 2026. SSL yang perlu dicapai bagi tahun 2015, 2016 dan 2017 adalah masing-masing 31.88%, 34.27% dan 36.84%. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati SSL yang dicapai bagi tahun 2015, 2016 dan 2017 adalah masing-masing 24.37%, 24.04% dan 24.60% iaitu lebih rendah berbanding yang disasarkan. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.10**.

JADUAL 3.10
SASARAN DAN PENCAPAIAN SSL NEGERI SABAH BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2017

TAHUN	TAHAP KECUKUPAN SARA DIRI (SSL)	
	SASARAN (%)	PENCAPAIAN (%)
2015	31.88	24.37
2016	34.27	24.04
2017	36.84	24.60*

Sumber: JPNS

Nota: *Angka ini dijangka berubah setelah data import dan eksport beras negeri dimuktamadkan oleh Jabatan Statistik Malaysia

- iv. Berdasarkan rekod BERNAS, daerah Kota Belud menghasilkan 64.7%; 64.4% dan 68.9% daripada keseluruhan pengeluaran padi negeri Sabah masing-masing pada tahun 2015, 2016 dan 2017 seperti di **Jadual 3.11**.

JADUAL 3.11
PERATUS PENGELOUARAN PADI DI DAERAH KOTA BELUD
BERBANDING KESELURUHAN PENGELOUARAN PADI DI NEGERI SABAH

TAHUN	PENGELUARAN PADI KOTA BELUD (Tan Metrik)	PENGELUARAN PADI NEGERI SABAH (Tan Metrik)	PERATUS (%)
2015	25,549.68	39,462.86	64.7
2016	20,407.52	31,674.20	64.4
2017	22,579.77	32,760.13	68.9

Sumber : BERNAS

- v. Bagaimanapun, rekod tersebut tidak menggambarkan keseluruhan pengeluaran padi di daerah Kota Belud dan negeri Sabah kerana terdapat pesawah yang tidak menjual hasil padi kepada pihak BERNAS. Maklum balas daripada pesawah yang ditemu bual menyatakan mereka lebih cenderung untuk menyimpan padi bagi kegunaan sendiri atau menjual di pasar tamu daerah Kota Belud.

Maklum Balas JPNS pada *Exit Conference 25 September 2018* dan Surat Bertarikh 5 Oktober 2018

Pencapaian SSL negeri Sabah hanya sekitar 30% sahaja. Mengikut pengiraan JPNS, peratus SSL yang boleh dicapai di negeri Sabah adalah maksimum 40% berdasarkan keluasan tanah sawah yang sedia ada. Pencapaian SSL 60% hanya boleh dicapai sekiranya faktor-faktor berikut dipenuhi:

- **bekalan air, jentera pembajak dan jentuai yang efisien dan mencukupi;**
- **sistem pengairan dan saliran dinaiktaraf;**
- **pemilik tanah/pengusaha bersedia menggunakan pakai teknologi bersetujuan dan pengurusan tanaman padi yang disyorkan;**
- **penggunaan benih padi *High Yielding Variety (HYV)*;**
- **tanah sawah sedia ada diusahakan untuk tanaman padi sahaja dan bukan untuk kegunaan lain;**
- **kemudahan pemprosesan pascatuai mencukupi (kilang pengeringan dan pemprosesan padi);**
- **tiada bencana alam dan serangan perosak yang serius;**
- **Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) membangunkan 11,000 hektar kawasan tanaman sawit kepada padi sawah di kawasan**

FELDA Tungku, Lahad Datu (Pelan Pembangunan Wilayah Selatan); dan

- setiap estet sawit menyumbangkan 10% daripada tanah mereka untuk tanaman padi.**

Pada pendapat Audit, peratus pencapaian SSL negeri Sabah bagi tahun 2015, 2016 dan 2017 adalah tidak tercapai berbanding sasaran yang ditetapkan.

b. Pendapatan Pesawah

- Kos pengeluaran padi dianggarkan berjumlah RM4,096 sehektar. Secara purata, setiap pesawah menerima subsidi dan bantuan berjumlah RM1,901 sehektar menjadikan bebanan kos yang ditanggung berkurangan kepada RM2,195 sehektar selepas menerima subsidi dan bantuan seperti di **Jadual 3.12**.

**JADUAL 3.12
KOS PENGETUARAN PADI SEHEKTAR SELEPAS PEMBERIAN SUBSIDI**

BUTIRAN	RM/HA
ANGGARAN KOS PENGETUARAN PADI (A)	4,096
SUBSIDI DAN BANTUAN	
i. Subsidi Pembajakan Sawah Padi	494
ii. Subsidi Baja (SBPKP dan SIPP)	1,107
iii. Subsidi Racun (SIPP)	200
iv. Insentif Pembajakan Kepada Pesawah (IPKP)	100
JUMLAH SUBSIDI DAN BANTUAN DITERIMA (B)	1,901
KOS DITANGGUNG OLEH PESAWAH [(C)=(A) - (B)]	2,195

Sumber: JPNS dan LPP

- Pihak Audit telah membuat analisis pendapatan per hektar berdasarkan produktiviti pengeluaran padi. Pengiraan Audit mendapati bagi satu (1) tan padi yang dijual kepada kilang yang berdaftar dengan BERNAS, pesawah memperoleh pendapatan berjumlah RM2,873 hingga RM4,810 bagi tahun 2015 hingga 2017. Jumlah pendapatan ini dikira berdasarkan produktiviti pengeluaran sehektar setelah mengambil kira kos pengeluaran padi dan pemberian subsidi dan bantuan. Oleh itu, pendapatan bersih pesawah adalah di antara RM678 hingga RM2,368 bagi setiap tan padi yang dijual. Maklumat lanjut seperti di **Jadual 3.13**.

JADUAL 3.13
HASIL JUALAN PADI BERDASARKAN PRODUKTIVITI
PENGELUARAN DI DAERAH KOTA BELUD BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2017

TAHUN	PRODUKTIVITI PENGELUARAN PADI (TAN SEHEKTAR) (A)*	HARGA JUALAN PER/TAN (RM) (B)**	SUBSIDI HARGA PADI PER/TAN (RM) (C)	JUMLAH HASIL JUALAN PADI (RM) D= A X (B+C)	KOS PENGELUARAN SELEPAS PEMBERIAN SUBSIDI PER/HEKTAR (RM) (E)	PENDAPATAN PESAWAH PER/TAN (RM) (F) = (D) – (E)
2015	3.00	1,000.00	248.10	3,744.30	2,195.00	1,549.30
2016	3.70	1,000.00	300.00	4,810.00	2,442.00***	2,368.00
2017	2.21	1,000.00	300.00	2,873.00	2,195.00	678.00

Sumber: JPNS

Nota : * Berdasarkan Pengiraan Audit di Jadual 3.9

** Harga Jualan di Kilang Beras Berdasarkan Anggaran Harga Padi RM1 Sekilo

*** Peningkatan Kos Pengeluaran Kerana Pengurangan 50% Subsidi Pembajakan Tahun 2016

- iii. Analisis Audit selanjutnya dibuat untuk menilai pendapatan isi rumah berbanding Paras Garis Kemiskinan (PGK) pesawah di daerah Kota Belud. PGK ialah pendapatan isi rumah yang ditetapkan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU, JPM) sebagai pengukuran kepada status kemiskinan bagi sesuatu isi rumah. Pengukuran PGK Tahun 2014 yang diguna pakai mulai 1 September 2015 adalah seperti di **Jadual 3.14**.

JADUAL 3.14
PARAS GARIS KEMISKINAN BAGI NEGERI SABAH

WILAYAH	PGK TAHUN 2014 (RM Bulanan)			
	MISKIN		MISKIN TEGAR	
	ISI RUMAH	PER KAPITA	ISI RUMAH	PER KAPITA
Sabah & W.P. Labuan	1,170	250	710	150
Bandar	1,160	260	690	150
Luar Bandar	1,180	250	760	160

Sumber: Laman Web Jabatan Statistik Malaysia

- iv. Semakan Audit terhadap 103 sampel pesawah di daerah Kota Belud mendapati seramai 69 pesawah berdaftar dengan BERNAS dan aktif menjual padi kepada BERNAS. Bagaimanapun, 69 pesawah berkenaan kadang kala tidak menjual padi dalam tempoh tahun 2015 hingga 2017. Manakala 34 orang pesawah tidak menjual padi kepada BERNAS bagi tahun 2015 hingga 2017 kerana 24 pesawah tidak berdaftar dengan BERNAS dan 10 pesawah tidak aktif/tiada jualan. Maklumat jualan padi bagi 69 orang pesawah tersebut adalah seperti di **Jadual 3.15** dan di **Jadual 3.16**.

JADUAL 3.15
JUALAN PADI SEBULAN BAGI 69 PESAWAH
DI DAERAH KOTA BELUD BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2017

BIL.	KAWASAN	BILANGAN PESAWAH (Orang)	2015		2016		2017	
			HASIL PADI SETAHUN (Tan) (a)	PURATA JUALAN PADI SEBULAN* (RM) (b)	HASIL PADI SETAHUN (Tan) (a)	PURATA JUALAN PADI SEBULAN* (RM) (b)	HASIL PADI SETAHUN (Tan) (a)	PURATA JUALAN PADI SEBULAN* (RM) (b)
1.	Kg. Piasau	6	2.26 - 17.25	188 - 1,438	2.06 - 19.79	172 - 1,649	2.32 - 15.95	193 - 1,329
2.	Kg. Taun Gusi 1	13	1.78 - 76.18	148 - 6,348	3.31 - 79.96	276 - 6,663	0.93 - 56.99	78 - 4,749
3.	Kg. Tempasuk	8	1.45 - 40.29	121 - 3,358	0.90 - 16.69	75 - 1,391	2.17 - 20.48	181 - 1,707
4.	Kg. Tambulion	6	4.63 - 22.22	386 - 1,852	1.59 - 19.82	133 - 1,652	1.52 - 19.82	127 - 1,652
5.	Kg. Tawadakan	7	2.94 - 13.89	245 - 1,158	3.53 - 16.38	294 - 1,365	9.43 - 31.40	786 - 2,617
6.	Kg. Pandasan	3	12.09	1,008	5.26 - 6.66	438 - 555	6.50 - 7.15	542 - 596
7.	Kg. Tamau	8	4.87 - 50.94	406 - 4,245	6.86 - 42.70	572 - 3,558	10.03 - 45.35	836 - 3,780
8.	Kg. Nahaba	8	6.99 - 20.71	583 - 1,726	4.12 - 14.78	343 - 1,232	1.19 - 15.08	99 - 1,257
9.	Kg. Pintasan	10	10.70 - 51.97	892 - 4,331	0.12 - 45.16	10 - 3,763	13.51 - 43.44	1,126 - 3,620
JUMLAH		69	1.45 - 76.18	121 - 6,348	0.12 - 79.96	10 - 6,663	0.93 - 56.99	78 - 4,749

Sumber: BERNAS

Nota: * Harga Jualan Berdasarkan Anggaran Harga Padi RM1 Sekilo

Formula Purata Jualan Padi Sebulan: (b) = (a) X RM1,000 / 12 bulan

JADUAL 3.16
ANALISIS JUALAN PADI SEBULAN BAGI 69 PESAWAH
DI DAERAH KOTA BELUD BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2017

TAHUN	BILANGAN PESAWAH (Orang)				
	JUALAN PADI <RM760 SEBULAN	JUALAN PADI RM760 - RM1,180 SEBULAN	JUALAN PADI >RM1,180 SEBULAN	TIADA JUALAN PADI	JUMLAH
2015	22	15	23	9	69
2016	28	13	19	9	69
2017	23	13	27	6	69

Sumber: BERNAS

Nota: Harga Jualan Berdasarkan Anggaran Harga Padi RM1 Sekilo

- v. Bagi tahun 2015, 2016 dan 2017, hasil padi yang dikeluarkan oleh pesawah adalah antara 0.12 tan hingga 79.96 tan setahun dengan anggaran jualan padi RM120 hingga RM79,960 setahun. Oleh itu, purata jualan padi bulanan pesawah adalah antara RM10 hingga RM6,663. Bagaimanapun, hasil julan ini belum mengambil kira kos pengeluaran padi yang ditanggung oleh pesawah. Berdasarkan **Jadual 3.15** dan **Jadual 3.16**, analisis Audit mendapatkan perkara berikut:
- bagi tahun 2015, seramai 22 orang (31.9%) daripada 69 pesawah mempunyai pendapatan kurang daripada RM760 sebulan dan 15 orang (21.7%) mempunyai pendapatan antara RM760 hingga RM1,180 sebulan;

- bagi tahun 2016, seramai 28 orang (40.6%) pesawah berpendapatan kurang daripada RM760 sebulan dan 13 orang (18.8%) mempunyai pendapatan antara RM760 hingga RM1,180 sebulan;
 - bagi tahun 2017 pula, seramai 23 orang (33.3%) pesawah mempunyai pendapatan kurang daripada RM760 sebulan dan 13 orang (18.8%) berpendapatan antara RM760 hingga RM1,180 sebulan; dan
 - pendapatan pesawah juga dipengaruhi oleh kategori kawasan sawah yang diusahakan dan jenis padi yang ditanam iaitu TR8, MR220 (padi kebal), padi wangi dan padi Vietnam.
- vi. Secara keseluruhannya, berdasarkan 69 pesawah di daerah Kota Belud pihak Audit mendapati seramai 52.2% pesawah masih berpendapatan miskin di bawah PGK manakala 33.3% pesawah di bawah miskin tegar pada tahun 2017. Oleh itu, *outcome* penanaman padi bagi daerah Kota Belud masih belum tercapai kerana pendapatan pesawah masih di bawah PGK walaupun Kerajaan memberi subsidi dan bantuan sejumlah RM1,901 atau 46.4% daripada RM4,096 kos pengeluaran padi sehektar.
- vii. Semakan Audit mendapati pengukuran *outcome* untuk menilai pendapatan pesawah dan pengusaha padi yang berjaya ditingkatkan melalui pemberian subsidi dan bantuan belum pernah dilaksanakan oleh pihak JPNS.

Maklum Balas JPNS pada *Exit Conference 25 September 2018* dan Surat Bertarikh 5 Oktober 2018

Purata pemilikan keluasan sawah pesawah adalah sekitar 1.2 hektar seorang di daerah Kota Belud. Berdasarkan keluasan ini, pendapatan pesawah tidak dapat mengeluarkan mereka daripada PGK kecuali keluasan sawah tersebut dapat mengeluarkan hasil padi purata sebanyak lapan (8) tan sehektar semusim yang akan menjana pendapatan isi keluarga sebanyak RM1,184 sebulan.

JPNS hanya mensasarkan penambahan pendapatan pesawah melalui peningkatan pengeluaran hasil dalam membantu keperluan kehidupan seharian selain keperluan beras untuk kegunaan sendiri dan negeri Sabah.

Selain itu, pihak JPNS memaklumkan sekiranya Kerajaan Persekutuan/MOA ingin membantu pesawah di negeri Sabah, pihak BERNAS seharusnya tidak memberikan had maksimum tuntutan Subsidi

Harga Padi kerana secara tidak langsung mengurangkan usaha pesawah untuk menanam.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi *outcome* bagi meningkatkan pendapatan pesawah belum tercapai kerana seramai 52.2% pesawah [36 daripada 69 pesawah (sampel Audit)] masih berpendapatan di bawah PGK pada tahun 2017.

3.6.2. Pengurusan Pembangunan Tanaman Padi

3.6.2.1. Pencapaian Prestasi Kewangan

Pembangunan tanaman padi antaranya dipengaruhi oleh faktor pembajakan, pembajaan, kawalan makhluk perosak, subsidi harga padi serta pengairan dan saliran. Peruntukan kewangan bagi perkara tersebut di daerah Kota Belud disalurkan oleh Kerajaan Negeri dan Persekutuan melalui JPNS, LPP dan BERNAS. Maklumat lanjut mengenai peruntukan dan perbelanjaan yang terlibat seperti berikut:

a. Peruntukan Pembajakan Sawah Padi

- i. Kerajaan Negeri Sabah melalui JPNS telah memberikan peruntukan pembajakan sawah padi di bawah Subsidi Pembajakan Sawah Padi sejak tahun 1982. Mengikut Polisi dan Prosedur Pelaksanaan Subsidi Tanaman Padi (Semakan Januari 2014 dan Semakan 2017), setiap pesawah yang mendaftarkan sawah mereka layak mendapat Subsidi Pembajakan Sawah Padi sejumlah RM494 sehektar pada setiap musim penanaman (maksimum 2 kali setahun). Subsidi tersebut boleh dituntut melalui Pegawai Pertanian Daerah selepas penanaman selesai.
- ii. Peruntukan dan perbelanjaan Subsidi Pembajakan Sawah Padi di daerah Kota Belud bagi tahun 2015 hingga 2017 adalah seperti di **Jadual 3.17**.

JADUAL 3.17
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN SUBSIDI PEMBAJAKAN
SAWAH PADI DI DAERAH KOTA BELUD BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2017

TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	BAKI PERUNTUKAN (RM Juta)	PERATUS PERBELANJAAN (%)
2015	5.00	3.75	1.25	75.0
2016	2.40	1.97	0.43	82.1
2017	5.08	5.08	0.00	100.0

Sumber: JPNS

- iii. Analisis Audit terhadap prestasi perbelanjaan Subsidi Pembajakan Sawah Padi pada tahun 2015, 2016 dan 2017 adalah masing-masing 75.0%, 82.1% dan 100%.
- iv. Pada tahun 2015 daerah Kota Belud hanya membelanjakan sejumlah RM3.75 juta daripada jumlah peruntukan yang diluluskan iaitu sejumlah RM5 juta. Berdasarkan temuan bual dengan Pegawai Pertanian Kota Belud mendapati berlaku masalah pembayaran pada tahun 2015 disebabkan perubahan dalam sistem bayaran. Ini menyebabkan banyak pembayaran subsbsidi pembajakan tidak dapat diselesaikan pada tahun 2015 dan bayaran terpaksa diproses pada tahun 2016.
- v. Analisis Audit selanjutnya mendapati Subsidi Pembajakan Sawah Padi di daerah Kota Belud bagi tahun 2016 telah berkurang sebanyak RM2.60 juta (52%) menjadi RM2.40 juta berbanding peruntukan tahun 2015 yang berjumlah RM5 juta. Pengurangan peruntukan pada tahun 2016 ini adalah disebabkan RM8.40 juta (49.4%) daripada peruntukan asal RM17 juta di negeri Sabah telah digunakan untuk pembelian jentera pembajak.
- vi. Semakan lanjut Audit terhadap surat daripada MAFI: MAFI(R) 100-52/4/180 bertarikh 18 Januari 2016 mendapati Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 6 Januari 2016 telah bersetuju dan meluluskan cadangan MAFI untuk mengurangkan pembayaran Subsidi Pembajakan Sawah Padi daripada RM494 kepada RM247 sehektar semusim pada tahun 2016 bagi menampung kekurangan jentera pembajak di negeri Sabah. Sejumlah RM8.40 juta daripada RM17 juta yang telah diperuntukkan untuk pembayaran Subsidi Pembajakan Sawah Padi telah digunakan untuk membeli 52 buah jentera pembajak yang mana perolehan tersebut dilaksanakan oleh pihak JPNS.
- vii. Satu Memorandum Persefahaman (MoU) antara JPNS dengan LPP telah ditandatangani pada 9 Mac 2017. Melalui MoU ini sebanyak 49 daripada 52 jentera yang dibeli telah dipinjamkan kepada LPP tanpa dikenakan sebarang bayaran bagi tempoh lima (5) tahun dari tarikh MoU tersebut. Pihak LPP adalah berperanan sebagai pengendali perkhidmatan pembajakan di mana kadar bayaran perkhidmatan pembajakan ditentukan oleh LPP. Kos operasi, penyenggaraan/pembaikan jentera termasuk kos alat ganti dan kehilangan komponen adalah di bawah tanggungjawab LPP.
- viii. Daripada 49 buah jentera pembajak tersebut, sebanyak 10 buah jentera telah ditempatkan di daerah Kota Belud. Pengurangan Subsidi Pembajakan Sawah Padi pada tahun 2016 daripada RM494 kepada

RM247 sehektar menyebabkan pesawah terpaksa menanggung kos pembajakan yang lebih tinggi iaitu RM420 sehektar berbanding dengan RM173 sehektar sebelum pengurangan subsidi. Pengurangan subsidi ini secara tidak langsung menjelaskan keluasan bertanam.

- ix. Pihak Audit mendapati MoU antara JPNS dan LPP meningkatkan kos pembajakan pesawah kerana pesawah yang menggunakan khidmat pembajakan jentera tersebut dikenakan bayaran mengikut kadar semasa harga pasaran iaitu RM667 sehektar oleh pihak LPP sedangkan subsidi mereka telah dikurangkan daripada RM494 kepada RM247 sehektar. Peningkatan kos yang perlu ditanggung oleh pesawah menyebabkan objektif JPNS untuk mengurangkan kos pengeluaran padi dan meningkatkan pendapatan pesawah tidak tercapai.

Maklum Balas Pejabat Pertanian Kota Belud pada *Exit Conference 25 September 2018*

Bagi tahun 2016, peruntukan dikurangkan kepada RM2.40 juta disebabkan kadar subsidi diturunkan daripada RM494 kepada RM247 sehektar semusim dengan persetujuan MOA dan separuh dari peruntukan asal digunakan untuk pembelian jentera pembajak.

Bagi tahun 2017, peruntukan telah dibelanjakan sepenuhnya kerana setiap tuntutan yang diterima daripada pesawah dibayar secepat mungkin walaupun ada pesawah yang menuntut pada saat akhir tahun tersebut.

Maklum Balas JPNS pada 5 Oktober 2018

Peruntukan yang dipohon oleh daerah Kota Belud adalah berdasarkan pendaftaran subsidi yang diterima pada bulan Januari hingga Februari setiap tahun. Bagaimanapun, berlakunya pengurangan penanaman adalah disebabkan faktor-faktor berikut:

- i. kejadian gempa bumi yang berlaku pada 5 Jun 2015 mengakibatkan Sungai Kedamaian menjadi cetek dan menyebabkan kerap berlaku banjir melibatkan kawasan sawah;
- ii. kesan daripada gempa bumi dan banjir tersebut mengakibatkan pam air JPS rosak dan sistem tali air tersumbat oleh pasir;
- iii. pada tahun 2016, berlaku kemarau panjang (El Nino) bermula dari bulan Mac hingga Mei di negeri Sabah termasuk daerah Kota Belud; dan

iv. Pada tahun 2017, atas arahan YB Menteri Pertanian dan Industri Makanan Sabah, JPNS menggunakan peruntukan Subsidi Pembajakan Sawah Padi untuk membuat perolehan sebanyak 52 buah jentera pembajak yang bernilai RM8.4 juta. Oleh yang demikian, bantuan subsidi pembajakan tersebut telah dikurangkan daripada RM494 kepada RM247 sehektar semusim. Keadaan ini menyebabkan sesetengah pesawah tidak dapat menanam padi disebabkan tidak mampu menanggung kos pembajakan.

Pihak JPNS memaklumkan bahawa pembelian jentera pembajak telah mengambil kira maklum balas daripada para pesawah mengenai masalah kekurangan jentera pembajak. Oleh itu pada tahun 2016 pihak JPNS telah mengambil langkah untuk mengurangkan Subsidi Pembajakan Sawah Padi bagi tujuan pembelian jentera pembajak sejumlah RM8.40 juta dan perkara ini telah dipersetujui oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

Pihak JPNS juga memaklumkan bahawa ramai pihak swasta tidak berminat lagi dalam menyediakan perkhidmatan pembajakan ini disebabkan kos operasi yang ditanggung adalah tinggi berbanding bayaran yang diterima.

Pada pandangan JPNS, program peminjaman jentera pembajak daripada JPNS kepada LPP sebanyak 49 buah telah memberi faedah secara langsung dan tidak langsung dalam mengurangkan masalah ketidakcukupan jentera pembajak di seluruh negeri Sabah. Melalui program ini juga persaingan yang sihat dapat diwujudkan kepada pihak swasta untuk tidak mengenakan kadar sewa yang tinggi kepada pesawah.

Walaupun pesawah masih dikenakan bayaran perkhidmatan pembajakan mengikut kadar semasa sebanyak RM667 sehektar oleh LPP yang telah menerima jentera tersebut, namun pengurangan bantuan subsidi daripada RM494 kepada RM247 sehektar semusim adalah bersifat sementara (*one off*) dan telah dinaikkan kembali kepada kadar RM494 sehektar semusim pada tahun berikutnya iaitu pada tahun 2017. Keadaan ini meningkatkan kembali keluasan bertanam pada tahun 2017 selain mengurangkan masalah ketidakcukupan jentera pembajak di negeri Sabah.

Maklum Balas LPP pada *Exit Conference 25 September 2018*

Pihak LPP menyatakan bahawa sungguhpun pembelian jentera pembajak itu tidak melibatkan kos PPNJ, kos operasi jentera seperti kos penyenggaraan dan kos upah operator jentera yang ditampung oleh pihak PPNJ adalah tinggi. Oleh itu, kadar perkhidmatan pembajakan kepada

pesawah tidak dapat dikurangkan dan ianya adalah sama dengan kadar perkhidmatan pembajakan yang dikenakan oleh pihak swasta.

Pada pendapat Audit, prestasi perbelanjaan peruntukan pembajakan sawah padi di daerah Kota Belud bagi tahun 2015 hingga 2017 adalah baik. Bagaimanapun, pengurangan Subsidi Pembajakan Sawah Padi pada tahun 2016 untuk tujuan pembelian jentera meningkatkan kos pembajakan yang ditanggung pesawah.

b. Peruntukan Pembajakan, Pembajaan, Kawalan Makhluk Perosak dan Subsidi Harga Padi

- i. Kerajaan Persekutuan menyediakan Insentif Pembajakan Kepada Pesawah (IPKP) berjumlah RM100 sehektar dan Subsidi Harga Padi (SHP) bernilai RM300/tan serta bantuan baja dan racun. Subsidi dan bantuan tersebut dibayar oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) berdasarkan permohonan sebenar daripada LPP yang diterima daripada Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK). Manakala bagi Subsidi Harga Padi (SHP), bayaran adalah berdasarkan jualan padi pesawah ke kilang yang berdaftar dengan BERNAS. Bayaran Subsidi dan bantuan dilaksanakan dua (2) kali setiap tahun (berdasarkan musim penanaman padi).
- ii. Peruntukan dan perbelanjaan pembajakan, pembajaan, kawalan makhluk perosak dan Subsidi Harga Padi di daerah Kota Belud bagi tahun 2015, 2016 dan 2017 adalah seperti di **Jadual 3.18**.

JADUAL 3.18

PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PEMBAJAKAN, PEMBAJAAN, KAWALAN MAKHLUK PEROSAK DAN SUBSIDI HARGA PADI DI DAERAH KOTA BELUD BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2017

BUTIRAN SUBSIDI/BANTUAN	2015			2016			2017			JUMLAH (RM Juta)
	PR (RM Juta)	PB (RM Juta)	%	PR (RM Juta)	PB (RM Juta)	%	PR (RM Juta)	PB (RM Juta)	%	
A. Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP)	9.09	9.09	100	6.82	6.82	100	8.32	8.32	100	24.23
B. Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP)										
i. Baja	4.01	4.01	100	4.38	4.38	100	3.91	3.91	100	12.30
ii. Racun	2.75	2.75	100	2.39	2.39	100	2.39	2.39	100	7.53
iii. Insentif Pembajakan Kepada Pesawah (IPKP)	0.44	0.44	100	0.44	0.44	100	0.39	0.39	100	1.27
C. Subsidi Harga Padi (SHP)	6.34	6.34	100	6.12	6.12	100	6.77	6.77	100	19.23
JUMLAH	22.63	22.63	100	20.15	20.15	100	21.78	21.78	100	64.56

Sumber: JPNS, LPP dan BERNAS

Nota: PR - Peruntukan PB - Perbelanjaan

- iii. Jumlah keseluruhan peruntukan yang disalurkan di bawah subsidi dan bantuan oleh MOA kepada LPP dan BERNAS untuk tempoh tahun 2015 hingga 2017 berjumlah RM64.56 juta. Semua peruntukan tersebut telah dibelanjakan sepenuhnya kerana bayaran dibuat berdasarkan permohonan sebenar oleh PPK dan BERNAS mengikut jumlah pesawah yang mendaftar.
- iv. Bantuan baja yang diberikan kepada pesawah di daerah Kota Belud bagi tahun 2015 hingga 2017 adalah berjumlah RM36.53 juta di mana RM24.23 juta di bawah SBPKP dan RM12.30 juta di bawah SIPP. Analisis Audit mendapati perbelanjaan baja bagi tahun 2016 di bawah SBPKP berkurang sejumlah RM2.27 juta atau 25% menjadi RM6.82 juta berbanding tahun 2015 yang berjumlah RM9.09 juta. Bagaimanapun, pada tahun 2017 perbelanjaan tersebut telah meningkat sebanyak 22% atau RM1.50 juta dari tahun 2016 dan menjadi RM8.32 juta.

Maklum Balas PPK Kota Belud pada *Exit Conference* 25 September 2018

Pihak PPK Kota Belud menjelaskan pada tahun 2016 terdapat penurunan dari segi pemberian subsidi di daerah Kota Belud disebabkan kemarau yang panjang pada musim utama tahun tersebut. Pada tahun 2017, pihak MOA telah mengeluarkan arahan baru berkaitan dengan penggunaan surat Aku Janji Baja Bersubsidi Kerajaan yang menjelaskan bahawa hanya pesawah berdaftar sahaja yang dibenarkan menuntut baja. Oleh itu, pengusaha dan penyewa yang tidak berdaftar atau tidak ada surat sewaan yang didaftarkan tidak boleh menuntut baja.

Maklum Balas LPP pada *Exit Conference* 25 September 2018 dan Surat Bertarikh 5 Oktober 2018

Pihak LPP menerangkan bahawa keperluan baja adalah diperakukan oleh Jawatankuasa Penapis di daerah Kota Belud yang berdasarkan keperluan yang dipohon oleh pesawah. Oleh itu, peningkatan atau penurunan keperluan baja adalah bergantung kepada permintaan para pesawah pada setiap musim penanaman.

Penurunan nilai bantuan baja di bawah program SBPKP pada tahun 2016 adalah disebabkan oleh fenomena El Nino yang melanda daerah Kota Belud dan negeri Sabah secara keseluruhannya pada musim penanaman pertama tahun tersebut. Ini menyebabkan banyak kawasan sawah padi di daerah Kota Belud tidak dapat diusahakan disebabkan bekalan air terjejas.

Selain itu, jumlah pendaftaran pesawah dan keluasan sawah berdaftar adalah semakin menurun. Ini disebabkan oleh usaha-usaha penguatkuasaan LPP termasuk Pemurnian Pelaksanaan Pembekalan Baja dan Input di bawah Industri Padi dan Beras pada tahun 2016 dan pemakaian Surat Aku Janji Baja Bersubsidi Kerajaan kepada pesawah yang dikuatkuasakan pada tahun 2017.

Pada pendapat Audit, prestasi perbelanjaan bagi peruntukan pembajakan, pembajaan, kawalan makhluk perosak dan Subsidi Harga Padi adalah baik kerana perbelanjaan adalah berdasarkan permohonan sebenar.

3.6.2.2. Kaedah Pengesahan Tuntutan Subsidi Pembajakan

- a. Mengikut Polisi dan Prosedur Pelaksanaan Subsidi Tanaman Padi (Semakan Januari 2014 dan Semakan 2017), pesawah hendaklah mengemukakan tuntutan subsidi padi kepada Pegawai Pertanian Kanan Daerah setelah kerja pembajakan dan penanaman selesai dilaksanakan dengan menggunakan Borang Tuntutan Subsidi Pembajakan Sawah Padi [PP13.6]. Pegawai Pertanian Kanan Daerah atau wakilnya akan menentukan luas sebenar sawah padi yang layak dibayar subsidi berdasarkan pemeriksaan Juruteknik Pertanian bersama pemohon atau wakilnya selaras dengan syarat kelulusan Subsidi Pembajakan Sawah Padi.
- b. Semakan Audit telah dijalankan terhadap 103 sampel fail pesawah mendapati Borang Tuntutan Subsidi Pembajakan Sawah Padi [PP13.6] ada dikemukakan oleh pesawah yang memohon tuntutan subsidi pembajakan. Borang tuntutan tersebut telah diperakukan oleh Juruteknik Pertanian.
- c. Berdasarkan lawatan fizikal Audit dan temu bual dengan Juruteknik Pertanian pada 18 Julai 2018, didapati Juruteknik Pertanian Kota Belud membuat perakuan berdasarkan lawatan dan pengesahan Ketua Blok selaras dengan prosedur yang ditetapkan. Mengikut amalan, pengesahan kawasan bertanam oleh Juruteknik Pertanian dibuat berdasarkan pemeriksaan seperti berikut:
 - i. bagi kawasan bertanam yang luas dalam satu-satu lokasi, pemeriksaan hanya memfokuskan kepada kawasan yang tidak bertanam untuk dikenalpasti pengusahanya;
 - ii. bagi kawasan yang sebahagian besarnya tidak bertanam, pemeriksaan hanya memfokuskan kepada kawasan yang bertanam sahaja; dan

- iii. bagi kawasan yang tidak luas dalam satu-satu lokasi, pemeriksaan dilaksanakan di setiap lot.
- d. Bagaimanapun, kaedah pengesahan tersebut tidak dinyatakan dengan jelas dalam Polisi dan Prosedur Pelaksanaan Subsidi Tanaman Padi.

Maklum Balas Pejabat Pertanian Kota Belud pada *Exit Conference* 25 September 2018

Juruteknik Pertanian yang bertugas akan mengirim pesanan ringkas (sms) atau *whatsapp* bergambar kepada Pegawai Pertanian Kota Belud menunjukkan lawatan tapak sawah yang dijalankan untuk tujuan pengesahan tuntutan subsidi.

Maklum Balas JPNS pada 5 Oktober 2018

Kaedah JPNS untuk menentukan kedudukan tanah sawah yang sebenarnya adalah dengan meminta kerjasama Ketua Blok/Ketua Kumpulan Pengguna Air (IADA) untuk mengenal pasti kawasan berkenaan sekiranya pemilik tanah/pengusaha tidak hadir bersama semasa pemeriksaan siap tanam dilakukan. Bagaimanapun, ini hanya melibatkan kes-kes terpencil seperti pertukaran pemilik tanah/pengusaha.

Kerja-kerja membuat pemeriksaan, pengesahan dan pemantauan hanya dilaksanakan oleh satu (1) orang Juruteknik Pertanian yang merangkumi keluasan hampir 3,000 hektar sawah padi bertanam.

Maklum Balas IADA Kota Belud pada *Exit Conference* 25 September 2018

Bagi tujuan penambahbaikan kaedah pengesahan tuntutan subsidi, pihak IADA Kota Belud sedang bekerjasama dengan Agensi Remote Sensing Malaysia untuk membangunkan sistem “*Geo Partial*” di daerah Kota Belud. Sistem ini boleh membantu Jabatan/Agensi untuk mengenal pasti keadaan tanah sawah di setiap lokasi bagi tujuan pemantauan kelak. Pada masa kini, hanya kawasan Tempasuk Utara dan kawasan Jawi-Jawi sahaja yang baru siap dikemaskini maklumat dan sistem ini dijangka akan siap sepenuhnya pada tahun 2019 setelah semua maklumat kawasan di daerah Kota Belud selesai dikemaskini.

Pada pendapat Audit, Polisi dan Prosedur Pelaksanaan Subsidi Tanaman Padi tidak disediakan dengan lengkap bagi tujuan pengesahan tuntutan subsidi pembajakan.

3.6.2.3. Kaedah Pemberian Insentif Pembajakan Kepada Pesawah-pesawah (IPKP)

- a. Di bawah Rancangan Malaysia Ke Sembilan, (RMKe9) (Tahun 2006 - 2010), Kerajaan telah menetapkan sasaran pengeluaran padi negara untuk mencapai 90% tahap kecukupan sara diri (SSL) beras dan meningkatkan pendapatan pesawah melalui aktiviti pesawahan mereka. Bagaimanapun, kenaikan kos pengeluaran di antara 37% hingga 46% semusim akibat kenaikan harga baja, racun perosak, diesel, peralatan dan sebagainya telah menyebabkan pendapatan pesawah merosot sebanyak 20% hingga 40% dan ini dijangka akan memberi impak kepada pencapaian matlamat Kerajaan. Bagi mengurangkan bebanan kos pesawah ini, Insentif Pembajakan Kepada Pesawah (IPKP) diperkenalkan pada 1 Mac 2007.
- b. Manual Pelaksanaan Insentif Pembajakan Kepada Pesawah menjelaskan perkara-perkara berikut:
 - i. kaedah pemberian insentif pembajakan ini akan diberi kepada pesawah dalam bentuk bantuan upah membajak bernilai maksimum RM100 sehektar semusim. Walau bagaimanapun, bayaran ini dibuat kepada pemilik jentera. [Manual Pelaksanaan Insentif Pembajakan Kepada Pesawah Perenggan 5.2];
 - ii. pesawah perlu mendaftar dengan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) menggunakan Borang SBPKP/IPKP/IPP(1) bagi melayakkan mereka mendapat manfaat dari insentif ini. [Manual Pelaksanaan Insentif Pembajakan Kepada Pesawah Perenggan 4 (D) (i)]; dan
 - iii. pesawah perlu mengesahkan perkhidmatan yang telah dilakukan oleh pemilik jentera bagi membolehkan pemilik jentera pembajak membuat tuntutan bayaran tersebut. [Manual Pelaksanaan Insentif Pembajakan Kepada Pesawah Perenggan 4 (D) (iv)].
- c. Pesawah mesti mendapatkan khidmat pembajakan daripada pemilik-pemilik jentera yang berdaftar dengan LPP. Selepas itu, pemilik-pemilik jentera membuat tuntutan IPKP melalui PPK pada kadar RM100 sehektar dan membuat tuntutan baki bayaran upah pembajakan RM567 sehektar (setelah ditolak bantuan insentif RM100 sehektar) daripada pesawah-pesawah.
- d. Analisis Audit berdasarkan jumlah pesawah yang diluluskan berbanding jumlah pesawah yang menuntut skim IPKP di daerah Kota Belud mendapati peratus tuntutan hanya sekitar 28% sahaja bagi tempoh tiga (3) tahun. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 3.19**.

JADUAL 3.19
BAYARAN IPKP DI DAERAH KOTA BELUD BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2017

TAHUN	BIL. PESAWAH MENUNTUT IPKP (Orang)			JUMLAH KELUASAN SAWAH DIBAYAR IPKP (HA)	JUMLAH BAYARAN IPKP (RM)
	BIL. LAYAK MENUNTUT	BIL. YANG MENUNTUT	(%)		
2015	11,261	4,251	37.7	4,429.92	442,992
2016	8,307	1,524	18.3	4,431.03	443,103
2017	7,539	1,832	24.3	3,942.11	394,211
JUMLAH	27,107	7,607	28.1	12,803.06	1,280,306

Sumber: LPP

- e. Bilangan pesawah yang paling ramai menuntut IPKP di daerah Kota Belud adalah pada tahun 2015 iaitu seramai 4,251 orang (37.7%). Manakala jumlah tersebut telah berkurangan bagi dua (2) tahun berikutnya iaitu masing-masing seramai 1,524 orang (18.3%) pada tahun 2016 dan seramai 1,832 orang (24.3%) sahaja pada tahun 2017.
- f. Selain itu, semak silang yang dibuat oleh pihak Audit berdasarkan Borang Permohonan dan Pengesahan Kerja IPKP (IPKP-3) didapati hanya seramai empat (4) orang atau 3.9% pesawah sahaja daripada 103 sampel fail pesawah yang menuntut IPKP. Temu bual yang telah dijalankan pada 16 hingga 20 Julai 2018 bersama 22 orang pesawah mendapati 17 orang (77.3%) pesawah tidak maklum mengenai insentif tersebut. Manakala selebihnya iaitu lima (5) orang (22.7%) ada membuat tuntutan IPKP. Bagaimanapun, dua (2) orang pesawah yang menuntut insentif tersebut mengadu bahawa kontraktor pembajak mengenakan caj pengurusan RM25 hingga RM37 sehektar atas urusan tuntutan insentif dengan pihak PPK dengan membuat potongan daripada insentif berkenaan.
- g. Antara faktor IPKP kurang mendapat sambutan dari para pesawah adalah disebabkan kaedah tuntutan bayaran insentif tersebut hanya boleh dibuat oleh pemilik jentera pembajak yang berdaftar dengan LPP sahaja dan bukannya dibayar terus kepada pesawah. Selain itu, pemilik jentera pembajak enggan membuat tuntutan IPKP kerana boleh mendapat bayaran penuh daripada pesawah.
- h. Perkara ini menyebabkan bayaran kos pembajakan pesawah tidak dapat dikurangkan dan secara tidak langsung matlamat IPKP untuk mengurangkan bebanan kos pesawah tidak tercapai kerana insentif tersebut tidak dibayar kepada pesawah dan bergantung kepada tuntutan oleh pemilik jentera.

Maklum Balas PPK Kota Belud pada *Exit Conference* 25 September 2018

Pihak PPK Kota Belud menjelaskan bahawa proses tuntutan IPKP daripada PPK adalah berbeza dengan proses pembayaran subsidi pihak JPNS di mana Subsidi Pembajakan Sawah Padi dibayar terus oleh JPNS kepada pesawah manakala bagi tuntutan IPKP dibayar terus kepada pihak kontraktor pembajak. Oleh itu, perkara ini bergantung dengan pihak kontraktor sama ada mahu menuntut atau tidak menuntut pada setiap musim penanaman. Pihak PPK Kota Belud bersetuju sekiranya IPKP dibayar terus kepada pesawah.

Maklum Balas LPP pada *Exit Conference* 25 September 2018 dan Surat Bertarikh 5 Oktober 2018

Pihak LPP memaklumkan bahawa cadangan pembayaran IPKP terus kepada pesawah telah dibawa untuk dibincangkan di peringkat atasan. Selain itu, terdapat cadangan untuk menggabungkan pembayaran IPKP dengan Subsidi Pembajakan Sawah Padi yang diberi oleh pihak JPNS agar bantuan ini dibayar sekaligus kepada pesawah.

Pelaksanaan program IPKP di PPK Kota Belud agak rendah kerana kontraktor pembajak kurang berminat melaksanakan IPKP disebabkan proses kerja dalam menguruskan tuntutan agak rumit dan mengambil masa yang panjang. Ini termasuk kesukaran mendapatkan pengesahan daripada pesawah (tandatangan pengesahan kerja di Borang IPKP-3) yang merupakan salah satu keperluan untuk kontraktor mengemukakan tuntutan kepada LPP.

Pihak LPP berpendapat isu pesawah tidak maklum tentang adanya bantuan subsidi pembajakan di bawah program IPKP sepatutnya tidak timbul. Ini kerana pada setiap awal musim penanaman, pesawah diwajibkan untuk membuat pendaftaran bagi mendapatkan semua bantuan-bantuan Kerajaan kepada penanaman padi. Pendaftaran dibuat dengan menggunakan satu (1) borang khas [Borang SBPKP/SIPP/IPKP/IPB (1)] di mana borang tersebut jelas menyatakan program-program bantuan yang dilaksanakan.

Pihak LPP mencadangkan penambahbaikan untuk membayar insentif pembajakan IPKP terus kepada pesawah dan pesawah perlu mengemukakan Borang Permohonan dan Pengesahan Kerja Insentif Pembajakan Kepada Pesawah Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP) [Borang IPKP-3] serta Borang Pengesahan Penanaman Padi [Borang SBPKP4(A) / SIPP4(A)] yang disahkan oleh JPNS.

Pada pendapat Audit, kaedah pemberian IPKP adalah tidak cekap kerana insentif tersebut hanya dapat diterima oleh pesawah apabila kontraktor pembajakan membuat tuntutan daripada LPP.

3.6.2.4. Jentera Pembajak


- a. Jentera pembajak merupakan satu komponen yang diperlukan untuk membajak tanah sawah padi di mana mesin ini digunakan bagi menggantikan penggunaan haiwan iaitu kerbau. Jadual Penanaman Padi yang disediakan oleh Jawatankuasa Penanaman Padi Daerah Kota Belud menetapkan tempoh untuk melaksanakan pembajakan sawah padi adalah 14 hari bagi memastikan Jadual Penanaman dipatuhi.
- b. Berdasarkan Kertas Kabinet Bagi Cadangan Penangguhan Pembayaran Subsidi Pembajakan Sawah Padi Bagi Tujuan Pembelian Jentera Pembajakan Jabatan Pertanian Negeri Sabah (Semakan 17 November 2015), bilangan jentera pembajak yang aktif beroperasi di negeri Sabah adalah 174 buah. Sebanyak 24 buah daripadanya dimiliki oleh LPP, manakala 150 buah adalah milik pihak swasta. Menurut JPNS, keperluan sebenar jentera pembajak empat roda bagi memenuhi keperluan pembajakan tanah sawah di negeri Sabah adalah sebanyak 353 buah. Sebuah jentera pembajak empat roda dianggarkan boleh menyempurnakan pembajakan sawah seluas 2.66 hektar sehari.
- c. Lawatan fizikal Audit telah dijalankan di Kampung Tempasuk 2 pada 16 hingga 19 September 2018. Hasil lawatan mendapati Kampung Tempasuk 2 mempunyai jumlah keluasan tanah sawah seluas 383 hektar dan dikategorikan sebagai kawasan K1. Berdasarkan pengiraan Audit, keluasan ini memerlukan 11 buah jentera pembajak bagi membolehkan Jadual Penanaman Padi dipatuhi seperti di **Jadual 3.20**. Bagaimanapun, hasil lawatan dan temu bual pihak Audit bersama Ketua Blok Kampung Tempasuk 2 mendapati hanya dua (2) buah atau 18.2% jentera pembajak sahaja yang beroperasi di kampung berkenaan.

**JADUAL 3.20
KEPERLUAN JENTERA PEMBAJAK BERDASARKAN PENGIRAAN AUDIT**

JENTERA PEMBAJAK	BIL. JENTERA PEMBAJAK (A)	NORMA PEMBAJAKAN SEHARI (HA) (B)	TEMPOH PEMBAJAKAN BERDASARKAN JADUAL PENANAMAN PADI (Hari) (C)	KELUASAN TANAH SAWAH DIBAJAK (HA) (D) = (A) X (B) X (C)
Lawatan Audit	2	2.66	14	74.48
Bilangan Keperluan	11	2.66	14	409.64

Sumber: Jadual Penanaman JPNS

- d. Kekurangan jentera pembajak empat roda menyebabkan pesawah terpaksa menunggu giliran untuk membajak sawah mereka dan penanaman padi tidak dapat dilaksanakan serentak untuk kawasan yang sama.
- e. **Gambar 3.1** menunjukkan keadaan penanaman sawah padi yang tidak sekata di Kampung Tempasuk 2, Kota Belud.



GAMBAR 3.1

Kampung Tempasuk 2, Kota Belud
 - Kawasan Penanaman Sawah Tidak Sekata Di Mana Terdapat Tanah Sawah Yang Telah Bertanam Empat Minggu, Yang Baru Bertanam Dan Yang Baru Membajak

Maklum Balas PPNJ Kota Belud pada *Exit Conference 25 September 2018*

Pihak PPNJ Kota Belud memaklumkan pihaknya mempunyai 15 buah jentera pembajak sahaja dan memandangkan permintaan perkhidmatan pembajakan yang tinggi pihaknya hanya menempatkan dua (2) buah jentera pembajak bagi setiap kawasan operasinya.

Maklum Balas JPNS pada *Exit Conference 25 September 2018* dan Surat Bertarikh 5 Oktober 2018

Pihak JPNS memaklumkan bahawa keperluan jentera pembajak empat roda di daerah Kota Belud adalah sebanyak 260 buah. Pada masa kini, hanya terdapat 140 buah jentera pembajak dan daripada jumlah itu hanya sekitar 98 buah (70%) sahaja yang beroperasi. Kebanyakan pihak swasta yang menawarkan khidmat pembajakan tidak beroperasi kerana mengalami kerugian dan pada masa kini hanya pihak swasta yang mempunyai kilang beras saja yang beroperasi.

Bilangan jentera pembajak sebanyak 10 buah bagi merangkumi kawasan seluas 383 hektar di Kampung Tempasuk 2 adalah bersesuaian dalam tempoh satu (1) bulan dengan andaian kecekapan jentera pembajak adalah 100%. Kawasan Kampung Tempasuk 2 telah diperuntukkan kepada dua (2) kontraktor iaitu Sri Dusun dan Misah Enterprise dengan jumlah jentera pembajak sebanyak 10 buah. Namun demikian, kemungkinan pada masa lawatan Audit berlaku kerosakan/penyenggaraan/masih beroperasi di kawasan yang lain. Ini menyebabkan hanya dua (2) buah jentera pembajak sahaja yang beroperasi pada masa tersebut.

Pada pendapat Audit, bilangan jentera pembajak yang tidak mencukupi telah menjaskan jadual penanaman padi.

3.6.2.5. Pengairan dan Saliran

- a. Mengikut Perkara 4.1 Pelan Tindakan Pengeluaran Padi Negeri Sabah (2004 hingga 2010), tanah sawah sedia ada di Sabah dibahagikan kepada tiga (3) kategori sawah berdasarkan kemudahan infrastruktur dan bekalan air yang disediakan oleh JPS. Kawasan sawah K1 mempunyai pengairan yang baik iaitu dapat mengalirkan air berlebihan keluar dari petak sawah ke saliran parit buang yang mempunyai paras air lebih rendah pada masa tertentu. Bagi memastikan pengairan dan saliran yang baik, JPS menetapkan norma penyenggaraan terhadap parit buang adalah empat (4) kali setahun. Berdasarkan panduan penanaman padi yang dikeluarkan oleh Jabatan Pertanian Malaysia tahun 2008, paras air sawah perlu dikawal untuk tumbesaran padi.
- b. Lawatan fizikal Audit ke tanah sawah kategori K1 di Kampung Tempasuk 2 pada 16 Julai 2018 mendapati paras air parit buang adalah sama dengan paras air kawasan sawah seperti di **Gambar 3.2** menyebabkan air dari petak sawah tidak dapat mengalir keluar dan bertakung seperti di **Gambar 3.3**. Air yang sentiasa bertakung dalam petak sawah menyebabkan penanaman padi terjejas kerana paras air tidak dapat dikawal.

GAMBAR 3.2



Kampung Tempasuk 2, Kota Belud
- Paras Air Parit Buang Sama Dengan Paras Air
Kawasan Sawah
(16.07.2018)

GAMBAR 3.3



Kampung Tempasuk 2, Kota Belud
- Air Bertakung di Kawasan Sawah
(16.07.2018)

- c. Selain itu, lawatan fizikal Audit ke tanah sawah kategori K1 di Kampung Tamau pula mendapati parit buang tidak dibersihkan yang boleh menyebabkan pengairan air tidak lancar seperti di **Gambar 3.4**.



GAMBAR 3.4

Kampung Tamau, Kota Belud
- Parit Buang Tidak Disenggara
(17.07.2018)

- d. Temu bual Audit dengan pihak JPS Kota Belud mendapati purata pelaksanaan penyenggaraan parit buang adalah sekali setiap tahun bergantung kepada keutamaan kawasan dan peruntukan yang diluluskan. Pihak JPS Kota Belud memaklumkan bahawa penyenggaraan tidak dilaksanakan disebabkan peruntukan tidak mencukupi kerana jumlah peruntukan yang diluluskan bagi tahun 2015 hingga 2017 adalah antara 16.1% hingga 64.9% daripada jumlah peruntukan yang dipohon.
- e. Parit buang yang tidak disenggara mengikut norma penyenggaraan yang ditetapkan boleh menjelaskan kelancaran sistem pengairan di kawasan sawah.

Maklum Balas JPS pada *Exit Conference* 25 September 2018

Pihak JPS daerah Kota Belud menjelaskan bahawa kawasan Kampung Tempasuk 2 merupakan kawasan yang rendah. Pihak JPS sedang menjalankan projek pembinaan rumah pam saliran di kawasan berkenaan dan projek ini dilaksanakan dengan beberapa fasa yang mana setelah fasa pembinaan rumah pam saliran siap dibina maka fasa seterusnya adalah pembinaan paip pam air tersebut. Apabila projek ini siap kelak, masalah yang dihadapi di kawasan berkenaan akan diselesaikan.

Manakala bagi kawasan Kampung Tamau, keadaan parit buang ada disenggara namun kitaran penyenggaraan dibuat adalah sekali atau dua (2) kali setahun sahaja. Ini disebabkan keadaan parit buang di kawasan berkenaan adalah jenis “*Earth Drain*” maka tumbuhan seperti keladi bunting cepat tumbuh.

Selain itu, kitaran penyenggaraan saliran parit buang ini hanya dapat dijalankan sekali atau dua (2) kali setahun sahaja disebabkan peruntukan yang diterima sama ada di peringkat Kerajaan Persekutuan atau Negeri adalah kecil maka penyenggaraan akan dibuat mengikut keutamaan kawasan saliran sahaja.

Pada pendapat Audit, kerja penyenggaraan parit buang yang tidak mengikut jadual menjaskan penanaman padi dan merugikan pesawah.

3.7. SYOR AUDIT

Bagi memastikan isu yang dibangkitkan dapat ditangani dengan cekap dan berkesan, pihak JPNS, LPP dan JPS hendaklah mengambil tindakan segera terhadap perkara berikut:

- 3.7.1. mengkaji alternatif penanaman padi secara komersial bagi meningkatkan produktiviti pengeluaran padi dan seterusnya mencapai SSL sehingga 60% menjelang tahun 2026;
- 3.7.2. mempertingkatkan penyelidikan dan melabur dalam teknologi penanaman padi yang bersesuaian bagi memudahkan pembajakan, pemberihan, pembajaan, pengairan sehingga kepada penuaian serta kawalan makhluk perosak;
- 3.7.3. mengkaji semula kaedah penyaluran subsidi/bantuan daripada pelbagai agensi Kerajaan Persekutuan untuk diuruskan/diselaraskan oleh Kerajaan Negeri melalui JPNS yang seterusnya bertanggungjawab menyalurkan subsidi/bantuan tersebut terus kepada pesawah;
- 3.7.4. mempertimbangkan penggunaan teknologi seperti *drone* atau GPS untuk memudahkan pemantauan kaedah pengesahan tuntutan Subsidi Pembajakan Sawah Padi yang lebih efektif; dan
- 3.7.5. pembayaran IPKP terus kepada pesawah dan bukannya melalui kontraktor pembajakan bagi membolehkan manfaat ini sampai kepada pesawah.

KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH

4. PROGRESSIVE INSURANCE BHD.

4.1. LATAR BELAKANG

4.1.1. Progressive Insurance Bhd. adalah sebuah syarikat insurans am yang pada mulanya dikenali sebagai Sri Bumi Insurance Sdn. Bhd. ketika ditubuhkan pada 8 Jun 1974 dan berpangkalan di Sarawak. Pada 3 Disember 1974, Sri Bumi Insurance Sdn. Bhd. menukar nama kepada Berjaya Insurance Sdn. Bhd. Pada 7 Disember 1975, dijenamakan semula sebagai Progressive Insurance Sdn. Bhd. dan memperluaskan operasi perniagaan di seluruh negara termasuk Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Pada tahun 1982, Progressive Insurance Sdn.Bhd. memindahkan ibu pejabat ke Kuala Lumpur untuk memberi perkhidmatan kepada pelanggan dengan lebih berkesan. Pada 30 Mei 1997, Progressive Insurance Sdn. Bhd. ditukar menjadi syarikat awam dan dinamakan sebagai Progressive Insurance Bhd. (PIB). Sehingga bulan Disember 2017, PIB mempunyai saham dibenarkan dan berbayar penuh sejumlah RM100 juta dengan Kementerian Kewangan Negeri Sabah dan Permodalan Bumiputera Sabah Bhd. menjadi pemegang saham utama.

4.1.2. Objektif utama penubuhan syarikat yang termaktub dalam Memorandum dan Artikel Penubuhan Syarikat adalah untuk menjalankan perniagaan insurans am di Malaysia dan di mana-mana tempat di dunia berkaitan semua jenis perniagaan insurans dan insurans semula, khususnya motor, kemalangan, kebakaran, hospital dan pembedahan, kejuruteraan, bon dan marin dan pelaburan lain serta terlibat dalam sebarang perniagaan atau transaksi yang berkaitan dengan pencapaian objektif syarikat. Manakala aktiviti utama syarikat pula adalah *underwriting* semua kelas perniagaan insurans am.

4.1.3. Ahli Lembaga Pengarah PIB terdiri daripada seorang pengurus dan dibantu oleh enam (6) orang pengarah yang terdiri daripada wakil Kementerian Kewangan Negeri Sabah, wakil Sabah Development Bank, ahli bebas dan seorang Pengarah Eksekutif. PIB diurus oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan dibantu oleh 206 orang kakitangan merangkumi Ibu Pejabat PIB dan tujuh (7) pejabat cawangan iaitu Kuala Lumpur Operations, Kota Kinabalu, Sandakan, Kuching, Butterworth, Johor Bahru dan Melaka.

4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai kedudukan kewangan PIB adalah kukuh dan amalan tadbir urusnya adalah baik serta pengurusan aktivitinya telah dilaksanakan secara cekap dan berkesan selaras dengan objektif yang ditetapkan.

4.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek kedudukan kewangan bagi tahun 2015, 2016 dan 2017 serta amalan tadbir urus dan pengurusan aktiviti bagi tahun 2015 hingga bulan Jun 2018. Bagi pengurusan aktiviti, aktiviti penjualan insurans dan pengurusan pelaburan dipilih kerana kedua-dua aktiviti tersebut merupakan penyumbang utama pendapatan syarikat. Pengauditan ini telah dijalankan di pejabat cawangan PIB, Kota Kinabalu dan Ibu Pejabat PIB di Kuala Lumpur.

4.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Penilaian kedudukan kewangan dilaksanakan berdasarkan penyata kewangan PIB bagi tahun 2015, 2016 dan 2017 yang telah diaudit dan diberi laporan Tanpa Teguran oleh Tetuan Ernst & Young. Penilaian ini melibatkan empat (4) analisis iaitu analisis trend pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi, analisis trend aset dan liabiliti, analisis nisbah kewangan dan analisis aliran tunai. Bagi amalan tadbir urus dan pengurusan aktiviti, kaedah pengauditan adalah melalui semakan terhadap rekod, fail, minit mesyuarat dan dokumen yang dikemukakan oleh pengurusan PIB. Selain itu, pihak Audit juga menjalankan analisis terhadap data syarikat, menemu bual pegawai berkaitan, menjalankan semakan dokumen di Ibu Pejabat PIB dan pemeriksaan fizikal aset di pejabat Cawangan PIB, Kota Kinabalu.

4.5. RUMUSAN AUDIT

4.5.1. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mac hingga Jun 2018 merumuskan perkara berikut:

4.5.1.1. Kedudukan Kewangan

Kedudukan kewangan PIB adalah stabil dengan janaan pendapatan daripada premium, terimaan komisen dan pelaburan dengan mencatatkan peningkatan keuntungan sebelum cukai bagi tiga (3) tahun berturut-turut pada tahun 2015, 2016 dan 2017 berjumlah RM16.74 juta, RM28.84 juta dan RM33.89 juta masing-masing. Tahap kecairan aset semasa berbanding liabiliti semasa pada kadar 1.79:1 menunjukkan kedudukan kewangan syarikat yang tidak kukuh walaupun syarikat berupaya memenuhi obligasi jangka pendek menggunakan

sumber dalaman. Selain itu, PIB juga mempunyai baki tunai dan kesetaraan tunai berjumlah RM6.58 juta pada akhir tahun 2017.

4.5.1.2. Pengurusan Aktiviti

a. Prestasi Pendapatan *Underwriting* Berbanding Sasaran

Secara keseluruhan, pendapatan premium kasar melalui perkhidmatan *underwriting* yang diperolehi pada tahun 2015 hingga 2017 kurang dari sasaran yang ditetapkan berjumlah antara RM28.79 juta (16%) hingga RM32.20 juta (19%). Namun begitu, PIB menjana keuntungan sebelum cukai melebihi sasaran yang ditetapkan bagi tahun 2015, 2016 dan 2017 masing-masing berjumlah RM14.74 juta (melebihi sasaran berjumlah RM1.74 juta atau 13.4%), RM28.84 (melebihi sasaran berjumlah RM16.14 juta atau 127.1%) dan RM33.89 juta (melebihi sasaran berjumlah RM11.94 juta atau 54.4%).

b. Prestasi Pendapatan *Underwriting* Mengikut Kelas Insurans

Secara keseluruhan, prestasi pendapatan premium melalui perkhidmatan *underwriting* mengikut kelas insurans adalah kurang cekap. Ini disebabkan bagi tahun 2015 dan 2017, masing-masing hanya tiga (3) dan dua (2) daripada tujuh (7) kelas insurans menjana keuntungan berbanding lima (5) kelas insurans pada tahun 2016. Bagi tahun 2015 dan 2017, kerugian *underwriting* tertinggi dicatatkan oleh Insurans Motor berjumlah RM8.69 juta dan RM3.61 juta masing-masing manakala kerugian *underwriting* tertinggi tahun 2016 dicatatkan oleh Insurans Hospital & Pembedahan berjumlah RM1.01 juta.

c. Prestasi Pendapatan *Underwriting* Mengikut Bahagian/Cawangan

Secara keseluruhan, prestasi pendapatan melalui perkhidmatan *underwriting* mengikut Bahagian/Cawangan adalah kurang cekap kerana bagi tahun 2015 dan 2017 masing-masing, hanya tiga (3) dan empat (4) daripada sembilan (9) Bahagian/Cawangan menjana keuntungan. Cawangan Kuala Lumpur mencatatkan kerugian *underwriting* tertinggi berjumlah RM7.52 juta dalam tempoh tersebut. Manakala Cawangan Melaka dan Johor Bahru mengalami kerugian *underwriting* tiga (3) tahun berturut-turut dalam tempoh yang sama.

d. Pengurusan *Underwriting*

Semakan terhadap tuntutan tertunggak mendapati tiga (3) *Performance Bond* yang telah dijelaskan oleh PIB pada tahun 2009, 2010 dan 2011 berjumlah RM787,558 masih belum dapat dituntut semula daripada penjamin. Selain itu, tidak ada sebarang bukti *claims review* ada dijalankan

dan kes sejak tahun 2008, 2009 dan 2011 serta melebihi tempoh had masa enam (6) tahun masih belum diselesaikan.

4.5.1.3. Amalan Tadbir Urus

Secara keseluruhannya amalan tadbir urus PIB adalah baik. Namun begitu, masih perlu penambahbaikan dalam aspek penyediaan KPI bagi mengukur pencapaian dan prestasi syarikat. Selain itu, SOP berkaitan aset dan *Internal Service Standard* juga perlu dilengkapkan serta dikemas kini dari semasa ke semasa.

4.5.1.4. Penemuan Audit utama yang perlu diberi perhatian dan tindakan oleh PIB adalah seperti berikut:

- i. prestasi pendapatan yang diperoleh pada tahun 2015 hingga 2017 kurang berbanding sasaran yang ditetapkan;
- ii. prestasi pendapatan *underwriting* mengikut kelas insurans untuk insurans motor yang mengalami kerugian tertinggi bagi tempoh 2015 hingga 2017;
- iii. prestasi pendapatan *underwriting* mengikut bahagian/cawangan hanya tiga (3) daripada sembilan cawangan mencatatkan keuntungan; dan
- iv. kelemahan pengurusan *underwriting* dari segi pengeluaran polisi, pembayaran tuntutan insurans, insurans tertunggak dan lain-lain yang perlu dibuat penambahbaikan.

4.6. PENEMUAN AUDIT TERPERINCI

Perkara yang ditemui dan maklum balas PIB telah dibincangkan dalam *exit conference* pada 30 Julai 2018. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan yang dinyatakan dalam rumusan Audit adalah seperti perenggan berikut:

4.6.1. Kedudukan Kewangan

4.6.1.1. Analisis terhadap kedudukan kewangan PIB bagi tahun 2015, 2016 dan 2017 telah dilaksanakan berdasarkan penyata kewangan syarikat yang merangkumi pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi, aset dan liabiliti, serta tunai dan kesetaraan tunai seperti **Jadual 4.1**.

JADUAL 4.1
KEDUDUKAN KEWANGAN BAGI TAHUN 2015, 2016 DAN 2017

BUTIRAN	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)
Premium Bersih Diperolehi	86.84	84.51	74.46
Pendapatan Lain	38.83	34.82	55.05
Jumlah Pendapatan	125.67	119.32	129.51
Tuntutan Ditanggung Bersih	60.91	40.02	40.01
Perbelanjaan Lain	48.02	50.47	55.60
Jumlah Perbelanjaan	108.93	90.49	95.61
Keuntungan Sebelum Cukai	16.74	28.84	33.89
Cukai	1.30	5.67	6.46
Keuntungan Selepas Cukai	15.44	23.17	27.43
KEUNTUNGAN TERKUMPUL	113.78	129.23	145.08
JUMLAH ASET	568.93	558.16	553.28
JUMLAH LIABILITI	351.53	321.69	300.46
JUMLAH EKUITI	217.40	236.48	252.83
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	11.88	11.49	6.58


Sumber: Penyata Kewangan Beraudit PIB Bagi Tahun 2015 Hingga 2017

4.6.1.2. Pendapatan PIB terdiri daripada premium, terimaan komisen dan pelaburan. Pendapatan PIB pada tahun 2015, 2016 dan 2017 adalah masing-masing berjumlah RM125.67 juta, RM119.32 juta dan RM129.51 juta. Penurunan pendapatan tahun 2016 berjumlah RM6.34 juta berbanding tahun 2015 antaranya disebabkan oleh penurunan nilai pelaburan dan *sundry income*. Bagaimanapun, pendapatan tahun 2017 meningkat sejumrah RM10.18 juta berbanding tahun 2016 di mana sebahagian besarnya dijana daripada keuntungan pelaburan.

4.6.1.3. Perbelanjaan PIB meliputi premium diserah kepada penanggung insurans semula (*reinsurers*), tuntutan, bayaran komisen dan perbelanjaan pentadbiran. Perbelanjaan PIB bagi tahun 2015, 2016 dan 2017 masing-masing berjumlah RM108.93 juta, RM90.49 juta dan RM95.61 juta. Perbelanjaan tinggi yang ketara tahun 2015 adalah daripada tuntutan disebabkan banjir di Kelantan dan gempa bumi di Ranau, Sabah. Kejadian banjir di Kelantan melibatkan tuntutan berjumlah RM979,114 yang dibayar dalam tahun 2015 manakala kejadian gempa bumi di Ranau melibatkan tuntutan berjumlah RM7.54 juta di mana sejumrah RM2.27 juta telah dibayar pada tahun 2015. Manakala peningkatan perbelanjaan tahun 2017 berjumlah RM5.12 juta berbanding tahun 2016 sebahagian besarnya meliputi perbelanjaan pengurusan dan kemalangan helikopter yang melibatkan tuntutan berjumlah RM13.08 juta di mana sejumrah RM12.83 juta telah dibayar pada tahun 2017.

4.6.1.4. Trend pendapatan dan perbelanjaan bagi tahun 2015 hingga 2017 telah memberi kesan positif terhadap keuntungan terkumpul PIB seperti ditunjukkan di **Carta 4.1**. Pada tahun 2015, 2016 dan 2017, PIB telah

mencatatkan keuntungan sebelum cukai masing-masing berjumlah RM16.74 juta, RM28.84 juta dan RM33.89 juta. Pada 31 Disember 2017, keuntungan terkumpul PIB adalah berjumlah RM145.08 juta. Butiran lanjut seperti **Carta 4.1** dan **Carta 4.2**.



Sumber: Penyata Kewangan Beraudit PIB

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit PIB

4.6.1.5. Analisis Audit juga mendapati PIB mempunyai sumber yang mencukupi bagi memenuhi obligasi kerana kedudukan aset melebihi liabiliti bagi tempoh tiga (3) tahun ini. PIB merekodkan aset syarikat berjumlah RM568.93 juta, RM558.16 juta dan RM553.28 juta masing-masing bagi tahun 2015, 2016 dan 2017. Bagi nisbah pulangan atas aset pula, syarikat mencatat keuntungan pada kadar 3 sen, 4 sen dan 5 sen bagi setiap ringgit yang dilaburkan pada tahun 2015, 2016 dan 2017.

4.6.1.6. Analisis Audit telah dijalankan terhadap aliran tunai PIB bagi menilai keupayaan syarikat menjana aliran tunai daripada operasi, pelaburan dan pembiayaan untuk menampung perbelanjaan syarikat. Didapati PIB telah mengalami aliran tunai defisit pada tahun 2016 dan 2017. Aliran tunai defisit yang berterusan ini mengakibatkan tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun 2017 berjumlah RM6.58 juta berbanding RM11.49 juta pada tahun 2016. Ini adalah disebabkan peningkatan pembayaran dividen kepada pemegang saham dan pembelian peralatan dan harta tanah.

Pada pendapat Audit, berdasarkan analisis kewangan yang dijalankan, secara keseluruhannya kedudukan kewangan PIB adalah stabil.

4.6.2. Pengurusan Aktiviti

- a. Pengurusan aktiviti yang cekap akan memastikan kelancaran perjalanan syarikat dan seterusnya menjamin pencapaian objektif. Objektif utama penubuhan PIB adalah untuk mencapai misi menjadi syarikat insurans yang paling produktif dan cekap. PIB menyediakan plan insurans untuk perseorangan dan juga perniagaan. Antara plan insurans yang disediakan untuk perseorangan adalah Insurans Isi Rumah, Insurans Pemilik Rumah, Insurans Hospital & Pembedahan, Insurans Motor, Insurans Kemalangan Keluarga dan Insurans Kemalangan Diri. Manakala plan insurans untuk perniagaan adalah Insurans Penerbangan, Insurans Bon, Insurans Marin, Insurans Pelbagai, Insurans Liabiliti, Insurans Kejuruteraan, Insurans Kebakaran & Harta, Insurans Pekerja Asing dan Insurans Hospital & Pembedahan.
- b. Berdasarkan maklumat seperti yang dinyatakan di dalam *Supervisory Letter* daripada pihak Bank Negara Malaysia (BNM) bertarikh 22 Mac 2016, *market share* yang dimiliki oleh PIB di dalam industri insurans Malaysia adalah yang paling kecil iaitu kurang daripada 1% daripada jumlah premium yang dijana oleh industri tersebut pada tahun 2015.
- c. PIB juga melabur di dua (2) syarikat subsidiari yang menjalankan aktiviti sebagai *wholesale unit trust fund* iaitu:
 - i. Affin Hwang Institutional Bond Fund (RM72.72 juta atau 96.7%) – *Unit trust fund holding investments in fixed income securities/sukuk*; dan
 - ii. United Institutional Income Fund (RM57.37 juta atau 98.0%) – *Unit trust fund holding investments in fixed income securities*.

4.6.2.1. Prestasi Pencapaian Output

- a. Berdasarkan bajet tahunan bagi tahun 2015 hingga 2017, PIB menasarkan pendapatan premium kasar di antara RM169.75 juta hingga RM190.06 juta. Manakala keuntungan sebelum cukai disasarkan berjumlah RM12.70 juta hingga RM21.95 juta bagi ketiga-tiga tahun tersebut.
- b. Semakan Audit mendapati pendapatan premium kasar melalui perkhidmatan *underwriting* yang diperoleh pada tahun 2015 hingga 2017 kurang dari sasaran yang ditetapkan berjumlah antara RM28.79 juta (16%) hingga RM32.20 juta (19%). Mesyuarat Lembaga Pengarah pada 14 Disember 2016 menyatakan antara penyebabnya adalah persaingan terutamanya di *northern region* di mana pesaing membayar tambahan bagi jumlah kelas motor tertentu, premium pembaharuan berkurangan disebabkan oleh kelembapan pasaran terutamanya insurans penerbangan, perniagaan tidak

diperbaharui terutamanya insurans hospital dan pembedahan, penurunan dalam premium motor di *Malaysian Motor Insurance Pool* (MMIP) dan penurunan jualan kenderaan bermotor. Namun begitu, PIB menjana keuntungan sebelum cukai melebihi sasaran yang ditetapkan bagi tahun 2015, 2016 dan 2017 masing-masing berjumlah RM14.75 juta (melebihi sasaran berjumlah RM1.74 juta atau 13.4%), RM28.84 (melebihi sasaran berjumlah RM16.14 juta atau 127.1%) dan RM33.89 juta (melebihi sasaran berjumlah RM11.94 juta atau 54.4%). Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 4.2.**

JADUAL 4.2
PENCAPAIAN PENDAPATAN BERBANDING SASARAN BAGI TAHUN 2015 SEHINGGA 2017

BUTIRAN	2015			2016			2017		
	SASARAN (RM Juta)	SEBENAR (RM Juta)	BEZA (RM Juta)	SASARAN (RM Juta)	SEBENAR (RM Juta)	BEZA (RM Juta)	SASARAN (RM Juta)	SEBENAR (RM Juta)	BEZA (RM Juta)
Premium Kasar	190.06	159.09	(30.97)	180.44	151.65	(28.79)	169.75	137.55	(32.20)
Premium Bersih Diperolehi	101.35	86.84	(14.51)	93.34	84.51	(8.83)	92.55	74.46	(18.09)
Komisen Bersih	(4.36)	(3.75)	0.61	(3.56)	(3.79)	(0.23)	(3.69)	(3.65)	0.04
Tuntutan Ditanggung Bersih	(71.99)	(60.90)	11.09	(63.18)	(40.02)	23.16	(46.92)	(40.01)	6.91
Keuntungan/ (Kerugian) <i>Underwriting</i> Sebelum Perbelanjaan Pengurusan	25.00	22.19	(2.81)	26.60	40.70	14.10	41.94	30.80	(11.14)
Caj Perkhidmatan	0.30	-	(0.30)	0.50	-	(0.50)	-	-	-
Perbelanjaan Pengurusan	(30.75)	(29.04)	1.71	(33.24)	(29.72)	3.54	(39.37)	(35.60)	3.77
Keuntungan/ (Kerugian) <i>Underwriting</i>	(5.45)	(6.85)	(1.40)	(6.14)	10.98	17.12	2.57	(4.80)	(7.37)
Peruntukan Hutang Lapuk	(0.80)	(0.35)	0.45	(0.50)	(0.07)	0.43	(0.85)	-	0.85
Pelaburan	18.16	15.84	(2.32)	17.34	13.24	(4.10)	17.93	13.46	(4.47)
Pendapatan Lain	1.10	6.11	5.01	2.00	4.69	2.69	2.30	25.23	22.93
Keuntungan/ (Kerugian) Sebelum Cukai	13.01	14.75	1.74	12.70	28.84	16.14	21.95	33.89	11.94

Sumber: Rekod PIB

- c. Analisis Audit mendapati faktor yang menyumbang kepada pencapaian keuntungan sebelum cukai tersebut adalah berkaitan dengan penurunan pembayaran tuntutan ditanggung bersih dan peningkatan pendapatan lain yang antaranya merupakan keuntungan sekuriti dan Bon Korporat.

Maklum Balas PIB yang Diterima pada 28 Ogos 2018

PIB telah memberi penjelasan mengenai prestasi *underwriting* yang berubah-ubah untuk tahun 2015 hingga 2017 di mana pihak PIB menetapkan sasaran yang tinggi supaya PIB akan lebih bermotivasi demi mencapai matlamatnya. Malangnya pada tiga (3) tahun kebelakangan ini

ekonomi tidak memberangsangkan. Pada tahun 2014 dan 2015, PIB telah mengurangkan perniagaan yang tidak mendatangkan keuntungan. Pihak PIB juga mengambil perhatian cadangan pihak Audit supaya mempertimbangkan semula sasaran tahunan yang lebih realistik.

Pada pendapat Audit, prestasi pendapatan PIB adalah cekap kerana menjana keuntungan sebelum cukai melebihi sasaran yang ditetapkan bagi tiga (3) tahun yang diaudit iaitu tahun 2015, 2016 dan 2017. Bagaimanapun, sebagai sebuah syarikat insurans, prestasi pendapatan bagi aktiviti utama iaitu *underwriting* kurang cekap kerana mencatatkan kerugian pada tahun 2015 dan 2017.

4.6.2.2. Prestasi Pendapatan *Underwriting* Mengikut Kelas Insurans

- a. Analisis Audit terhadap pendapatan premium *underwriting* mengikut kelas bagi tahun 2015 hingga 2017 mendapati perniagaan insurans PIB tertumpu kepada Insurans Motor yang meliputi 58.2% daripada jumlah pendapatan bagi tempoh tersebut. Ini diikuti oleh Insurans Kemalangan dan Insurans Kebakaran yang meliputi 15% dan 13.1% masing-masing.
- b. Perbandingan antara jumlah pendapatan premium *underwriting* mengikut kelas dengan keuntungan atau kerugian yang dicatatkan mendapati walaupun Insurans Motor merupakan sumber utama pendapatan *underwriting*, kelas insurans tersebut mencatatkan jumlah kerugian yang tertinggi bagi tahun 2015 hingga 2017 berjumlah RM5.42 juta dengan kadar kerugian sebanyak 3.8% bagi setiap ringgit pendapatan premium *underwriting* Insurans Motor. Kelas insurans yang mencatatkan margin keuntungan tertinggi dicatatkan oleh Insurans Bon yang memberikan pulangan pada kadar 33.7 % bagi setiap ringgit pendapatan premium *underwriting* Insurans Bon. Kelas insurans yang mencatatkan margin kerugian tertinggi adalah Insurans Marin pada kadar 75.1% kerugian bagi setiap ringgit pendapatan premium *underwriting* Insurans Marin.
- c. Analisis Audit mendapati pada tahun 2015, hanya tiga (3) daripada tujuh (7) kelas insurans yang dilaksanakan oleh PIB iaitu Insurans Kebakaran, Insurans Kemalangan dan Insurans Bon menjana keuntungan *underwriting* manakala empat (4) kelas insurans lagi mengalami kerugian *underwriting* iaitu Insurans Marin, Insurans Kejuruteraan, Insurans Hospital & Pembedahan dan Insurans Motor. Semakan lanjut mendapati keuntungan *underwriting* tertinggi diperoleh daripada Insurans Kebakaran berjumlah RM4.81 juta dan kerugian *underwriting* tertinggi adalah daripada Insurans Motor berjumlah RM8.69 juta.


- d. Pada tahun 2016, lima (5) kelas insurans iaitu Insurans Kebakaran, Insurans Kemalangan, Insurans Bon, Insurans Kejuruteraan dan Insurans Motor menjana keuntungan *underwriting* manakala dua (2) kelas insurans iaitu Insurans Marin dan Insurans Hospital & Pembedahan mengalami kerugian *underwriting*. Keuntungan *underwriting* tertinggi dijana oleh Insurans Motor berjumlah RM6.88 juta di mana sebahagiannya disebabkan oleh pelepasan rizab daripada *Malaysian Motor Insurance Pool* (MMIP) manakala kerugian *underwriting* tertinggi adalah daripada Insurans Hospital & Pembedahan berjumlah RM1.01 juta.
- e. Pada tahun 2017, hanya dua (2) kelas insurans iaitu Insurans Kebakaran dan Insurans Kemalangan menjana keuntungan *underwriting* manakala lima (5) kelas lagi iaitu Insurans Bon, Insurans Marin, Insurans Kejuruteraan, Insurans Hospital & Pembedahan dan Insurans Motor mengalami kerugian *underwriting*. Keuntungan *underwriting* tertinggi diperoleh daripada Insurans Kebakaran berjumlah RM2.40 juta manakala kerugian *underwriting* tertinggi adalah daripada Insurans Motor berjumlah RM3.61 juta.
- f. Pada keseluruhannya, PIB mengalami kerugian *underwriting* berjumlah RM6.85 juta pada tahun 2015 manakala menjana keuntungan *underwriting* berjumlah RM10.98 juta pada tahun 2016. Bagaimanapun, pada tahun 2017, PIB mengalami semula kerugian *underwriting* berjumlah RM4.80 juta. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 4.3, Carta 4.3, Jadual 4.4, Carta 4.4** dan **Jadual 4.5**.

**JADUAL 4.3
PREMIUM BERSIH DIPEROLEHI MENGIKUT
KELAS INSURANS BAGI TAHUN 2015, 2016 DAN 2017**

BIL.	KELAS INSURANS	PREMIUM BERSIH DIPEROLEHI BAGI TAHUN			JUMLAH (RM Juta)	(%)
		2015	2016	2017		
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)		
1.	Motor	52.99	47.61	42.36	142.96	58.2
2.	Kemalangan	12.44	13.38	11.03	36.85	15.0
3.	Kebakaran	11.17	10.48	10.67	32.32	13.1
4.	Hospital & Pembedahan	5.65	5.24	5.32	16.21	6.6
5.	Kejuruteraan	1.96	5.42	3.38	10.76	4.4
6.	Bon	2.27	1.13	1.02	4.42	1.8
7.	Marin	0.36	1.25	0.68	2.29	0.9
	Jumlah	86.84	84.51	74.46	245.81	100

Sumber: Rekod PIB

CARTA 4.3
JUMLAH PREMIUM BERSIH DIPEROLEHI
MENGIKUT KELAS INSURANS BAGI TEMPOH 2015 HINGGA 2017



Sumber: Rekod PIB

JADUAL 4.4
KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) UNDERWRITING
MENGIKUT KELAS INSURANS BAGI TAHUN 2015, 2016 DAN 2017


BIL.	KELAS INSURANS	KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) UNDERWRITING BAGI TAHUN									JUMLAH KESELURUHAN (RM Juta)	MARGIN UNTUNG/RUGI		
		2015			2016			2017						
		(RM Juta)	IBNR# (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)	(RM Juta)	IBNR# (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)	(RM Juta)	IBNR# (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)				
1.	Kebakaran	4.62	0.19	4.81	2.12	(0.85)	1.27	2.64	(0.24)	2.40	8.48	26.2		
2.	Kemalangan	0.78	(0.76)	0.02	1.95	0.15	2.10	0.82	(0.10)	0.72	2.84	7.7		
3.	Bon	0.97	0.18	1.15	0.85	(0.07)	0.78	(0.39)	(0.05)	(0.44)	1.49	33.7		
4.	Marin	(0.88)	0.14	(0.74)	(0.13)	0.02	(0.11)	(0.88)	0.01	(0.87)	(1.72)	-75.1		
5.	Kejuruteraan	(2.06)	0.34	(1.72)	1.02	0.05	1.07	(1.13)	(0.31)	(1.44)	(2.09)	-19.4		
6.	Hospital & Pembedahan	(1.50)	(0.18)	(1.68)	(1.10)	0.09	(1.01)	(1.53)	(0.03)	(1.56)	(4.25)	-26.2		
7.	Motor	(3.70)	(4.99)	(8.69)	(4.95)	11.83	6.88	(5.21)	1.60	(3.61)	(5.42)	-3.8		
	JUMLAH	(1.77)	(5.08)	(6.85)	(0.24)	11.22	10.98	(5.68)	0.88	(4.80)	(0.67)			

Sumber: Rekod PIB

Nota: (#) IBNR – *Losses Incurred But Not Reported*

IBNR bermaksud Jumlah yang diperuntukkan untuk tuntutan insurans yang belum dilaporkan (Jumlah peruntukan dikira oleh Aktuari Berlesen). Data 10 tahun lalu menjadi perbandingan dengan jumlah premium semasa dengan jumlah tuntutan semasa.

CARTA 4.4
KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) UNDERWRITING
MENGIKUT KELAS INSURANS BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2017



Sumber: Rekod PIB

JADUAL 4.5
RINGKASAN KEUNTUNGAN/(KERUGIAN)
UNDERWRITING MENGIKUT KELAS INSURANS BAGI TAHUN 2015, 2016 DAN 2017

TAHUN	BILANGAN KELAS	
	KEUNTUNGAN UNDERWRITING	KERUGIAN UNDERWRITING
2015	3	4
2016	5	2
2017	2	5

Sumber: Rekod PIB

Maklum Balas PIB yang Diterima pada 28 Ogos 2018

PIB mengambil perhatian terhadap cadangan pihak Audit untuk menjalankan kajian portfolio bagi menggambarkan strategi perniagaan masa depan dan memberi tumpuan kepada kelas insurans yang menghasilkan keuntungan serta mengambil tindakan pembetulan bagi menangani kelas insurans yang mengalami kerugian berterusan.

Pada pendapat Audit, prestasi keuntungan *underwriting* mengikut kelas insurans adalah kurang cekap. Ini disebabkan oleh bagi tahun 2015 dan 2017, masing-masing hanya tiga (3) dan dua (2) daripada tujuh (7) kelas insurans menjana keuntungan berbanding lima (5) kelas insurans pada tahun 2016. Secara keseluruhannya, prestasi keuntungan *underwriting* adalah semakin menurun pada tahun 2017 berbanding tahun sebelumnya. Hala tuju perlu ditentukan bagi kelas insurans yang tidak pernah menjana keuntungan seperti Hospital dan Pembedahan bagi memastikan aktiviti tersebut tidak terus menyumbang kepada kerugian kepada syarikat.

4.6.2.3. Prestasi Pendapatan *Underwriting* Mengikut Bahagian/Cawangan

- a. Analisis Audit mendapati daripada sembilan (9) Bahagian/Cawangan PIB, hanya tiga (3) daripadanya mendapat keuntungan *underwriting* pada tahun 2015 iaitu Kota Kinabalu, Sandakan dan Butterworth. Manakala enam (6) Bahagian/Cawangan mengalami kerugian *underwriting* iaitu Kuching, Reinsurance, Melaka, Ibu Pejabat, Johor Bahru dan Kuala Lumpur. Semakan lanjut mendapati keuntungan *underwriting* tertinggi dicatatkan oleh Cawangan Kota Kinabalu berjumlah RM5.45 juta manakala kerugian *underwriting* tertinggi dialami oleh Cawangan Kuala Lumpur berjumlah RM3.18 juta.
- b. Pada tahun 2016 pula, menunjukkan peningkatan lima (5) Cawangan iaitu Kota Kinabalu, Sandakan, Butterworth, Kuching dan Kuala Lumpur telah menjana keuntungan *underwriting* dan keuntungan tertinggi dicatat oleh Cawangan Sandakan berjumlah RM718,474. Manakala kerugian *underwriting* dialami oleh empat (4) Bahagian/Cawangan iaitu Reinsurance, Melaka, Ibu Pejabat dan Johor Bahru dengan kerugian tertinggi oleh Ibu Pejabat berjumlah RM1.47 juta.
- c. Seterusnya pada tahun 2017, empat (4) Bahagian/Cawangan menjana keuntungan *underwriting* iaitu Kota Kinabalu, Sandakan, Reinsurance dan Ibu Pejabat dengan keuntungan tertinggi dicatat oleh Cawangan Kota Kinabalu berjumlah RM2.29 juta. Manakala lima (5) Cawangan iaitu Butterworth, Kuching, Melaka, Johor Bahru dan Kuala Lumpur mengalami kerugian *underwriting* dengan kerugian tertinggi dicatat oleh Cawangan Kuala Lumpur berjumlah RM4.52 juta.
- d. Pada keseluruhannya, bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017, Cawangan Kota Kinabalu mencatatkan keuntungan *underwriting* tertinggi berjumlah RM8.34 juta manakala Cawangan Kuala Lumpur mencatatkan kerugian *underwriting* tertinggi berjumlah RM7.52 juta pada tempoh yang sama. Selain itu, Cawangan Melaka dan Johor Bahru mengalami kerugian *underwriting* tiga (3) tahun berturut-turut dalam tempoh tersebut. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 4.6** dan **Jadual 4.7**.

**JADUAL 4.6
KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) *UNDERWRITING* MENGIKUT
BAHAGIAN/CAWANGAN BAGI TAHUN 2015, 2016 DAN 2017**

BIL.	BAHAGIAN/ CAWANGAN	KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) <i>UNDERWRITING</i>			JUMLAH (RM Juta)
		2015	2016	2017	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	
1.	Kota Kinabalu	5.45	0.60	2.29	8.34
2.	Sandakan	0.34	0.72	0.23	1.30

BIL.	BAHAGIAN/ CAWANGAN	KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) UNDERWRITING			JUMLAH (RM Juta)
		2015	2016	2017	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	
3.	Butterworth	0.51	0.11	(0.74)	(0.12)
4.	Kuching	(0.47)	0.03	(0.12)	(0.56)
5.	Reinsurance	(1.11)	(0.07)	0.33	(0.85)
6.	Melaka	(0.36)	(0.17)	(0.90)	(1.43)
7.	Ibu Pejabat	(2.09)	(1.47)	0.20	(3.36)
8.	Johor Bahru	(0.86)	(0.17)	(2.45)	(3.49)
9.	Kuala Lumpur	(3.18)	0.18	(4.52)	(7.52)
JUMLAH		(1.77)	(0.24)	(5.68)	(7.69)
IBNR#		(5.08)	11.22	0.88	7.02
JUMLAH KESELURUHAN		(6.85)	10.98	(4.80)	(0.67)

Sumber: Rekod PIB

Nota: (#) IBNR – *Losses Incurred But Not Reported*

JADUAL 4.7
RINGKASAN KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) UNDERWRITING
MENGIKUT BAHAGIAN/CAWANGAN BAGI TAHUN 2015, 2016 DAN 2017

TAHUN	BAHAGIAN/CAWANGAN	
	KEUNTUNGAN UNDERWRITING	KERUGIAN UNDERWRITING
2015	3	6
2016	5	4
2017	4	5

Sumber: Rekod PIB

Pada pendapat Audit, prestasi keuntungan *underwriting* mengikut Bahagian/Cawangan adalah kurang cekap kerana bagi tahun 2015 dan 2017 masing-masing, hanya tiga (3) dan empat (4) daripada sembilan (9) Bahagian/Cawangan menjana keuntungan. Pemantauan dan kawalan yang lebih teratur perlu dibuat terhadap cawangan yang mengalami kerugian dan memastikan elemen penilaian risiko ditekankan bagi meningkatkan pendapatan dan mengurangkan jumlah tuntutan insurans daripada pemegang polisi.

4.6.2.4. Pengurusan *Underwriting*

a. Pengeluaran Polisi

- i. *Compliance Checklist* yang dikeluarkan oleh Bahagian Teknikal PIB menetapkan piawaian tempoh pengeluaran polisi daripada tarikh terima adalah seperti **Jadual 4.8**.

JADUAL 4.8
PIAWAIAN MASA YANG DITETAPKAN

SERVICE STANDARD	JENIS KELAS	PIAWAIAN MASA YANG DITETAPKAN (Hari)
<i>Processing of Policies and Issuance of Tax Invoices (Provided all relevant details and information are all in order)</i>	Fire	5
	Engineering	5
	Miscellaneous	5
	Motor	7
	Personel Accident, Public Liability, Workmen Compensation (PA, PL, WC)	5
	Jeweller's Block	5
	Marine Cargo	2
	Bond	3
<i>Foreign Worker Compensation Scheme, Foreign Worker Insurance Guarantee, Foreign Maid Insurance Scheme, Foreign Worker Hospital & Surgical (FWCS, FWIG, FMIS, FWHS)</i>		2

Sumber: Rekod PIB

- ii. Bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017, PIB telah mengeluarkan 322,287 polisi insurans yang berjumlah RM448.29 juta. Daripada jumlah tersebut, Cawangan Kuala Lumpur telah mengeluarkan polisi insurans terbanyak iaitu 97,642 polisi insurans (30.3%) berjumlah RM184.60 juta (41.2%) diikuti oleh pejabat Bahagian/Cawangan Kota Kinabalu, Butterworth, Johor Bahru, Ibu Pejabat, Kuching, Reinsurance, Melaka dan Sandakan. Butiran terperinci adalah seperti **Jadual 4.9**.

JADUAL 4.9
BILANGAN DAN JUMLAH TERLIBAT BAGI AKTIVITI PENGELOUARAN POLISI INSURANS PADA TAHUN 2015, 2016 DAN 2017

BAHAGIAN/CAWANGAN	PENGELUARAN POLISI INSURANS					JUMLAH KESELURUHAN POLISI INSURANS	
	2015	2016	2017	BIL.	JUMLAH (RM)		
Kuala Lumpur	32,525	64,174,681	30,745	62,799,556	34,372	57,621,395	97,642 184,595,632
Kota Kinabalu	25,819	43,192,559	23,134	42,919,872	21,168	39,138,671	70,121 125,251,102
Butterworth	25,927	15,425,947	19,923	13,434,114	18,591	11,985,474	64,441 40,845,535
Johor Bahru	8,800	10,268,004	8,054	9,736,510	6,882	8,137,100	23,736 28,141,614
Ibu Pejabat	101	8,711,273	139	5,921,185	101	4,154,647	341 18,787,105
Kuching	13,684	5,992,522	13,680	6,080,681	13,331	5,503,480	40,695 17,576,683
Reinsurance	1,170	4,727,141	1,311	4,401,476	1,321	4,355,227	3,802 13,483,844
Melaka	5,987	4,531,949	4,728	4,207,554	4,059	4,019,195	14,774 12,758,698
Sandakan	2,294	2,070,409	2,165	2,145,236	2,276	2,638,035	6,735 6,853,680
Jumlah	116,307	159,094,485	103,879	151,646,184	102,101	137,553,224	322,287 448,293,893

Sumber: Rekod PIB

- iii. Semakan Audit terhadap 100 sampel fail di Cawangan Kota Kinabalu mendapati 96 (96%) kes diselesaikan mengikut tempoh manakala hanya

dua (2%) kes lewat sehari diselesaikan berbanding tempoh masa yang ditetapkan seperti **Jadual 4.10**.

JADUAL 4.10
TEMPOH MASA PENGETAHUAN POLISI TIDAK PATUH PIWAIAN MASA

BIL.	POLICY NO.	INSURED	POLICY TYPE	TARIKH TERIMA (a)	TARIKH INVOIS (b)	PIWAIAN MASA DITETAPKAN (Hari)	TEMPOH PROSES SEBENAR Hari (b-a)
1.	DCCAKK0176731700	Sabah Air Aviation Sdn. Bhd.	Air Cargo/Air Parcels	04.04.2018 (Rabu)	09.04.2018 (Isnin)	2	3
2.	DCCDKK0176701700	Lembaga Industri Getah Sabah	Cargo - others	04.04.2018 (Rabu)	09.04.2018 (Isnin)	2	3

Sumber: Rekod PIB

b. Pembayaran Tuntutan Insurans

- i. Berdasarkan *Internal Service Standard* PIB, piawaian masa bagi proses kerja pembayaran tuntutan insurans adalah seperti **Jadual 4.11**.

JADUAL 4.11
PIWAIAN MASA YANG DITETAPKAN

RUJUKAN	PROSES KERJA	PIWAIAN MASA
CL/SS/6.01	Claims notification and registration	Within 3 working days from date of notification
CL/SS/6.02	Non-issuance of policy	Within 1 working day upon receipt of notification of claim
CL/SS/6.03	Follow-up	Within 1 working day
CL/SS/6.04	Adjuster report	Within 7 working days from date of Assignment Letter to Adjuster
CL/SS/6.05	Approval	Within 5 working days upon receipt of information from the Adjuster
CL/SS/6.06	Delays	Within 5 working days from receipt of information from the Adjuster
		Within 5 working days from receipt of letter of rejection or supplementary estimate
CL/SS/6.07	Payment	Within 2 working days from receipt of letter of acceptance/discharge voucher
		Within 14 days from receipt of final bill and discharge voucher (Repairer)

Sumber: Rekod PIB

- ii. Bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017, nilai tuntutan insurans yang dikendalikan oleh PIB adalah berjumlah RM153.10 juta dengan kes tuntutan sebanyak 24,202 kes. Pejabat Cawangan Kuala Lumpur mengendalikan nilai tuntutan tertinggi berjumlah RM40.98 juta (26.8%) iaitu 11,422 kes tuntutan (47.2%) diikuti oleh Ibu Pejabat, Cawangan Butterworth, Kota Kinabalu, Johor Bharu, Kuching, Melaka, Bahagian Reinsurance dan Sandakan. Butiran terperinci adalah seperti **Jadual 4.12**.

JADUAL 4.12
BILANGAN DAN JUMLAH PEMBAYARAN
TUNTUTAN INSURANS PADA TAHUN 2015, 2016 DAN 2017

BAHAGIAN/ CAWANGAN	PEMBAYARAN TUNTUTAN INSURANS						JUMLAH KESELURUHAN TUNTUTAN INSURANS	
	2015		2016		2017			
	BIL.	JUMLAH (RM)	BIL.	JUMLAH (RM)	BIL.	JUMLAH (RM)	BIL.	JUMLAH (RM)
Kuala Lumpur	3,741	13,292,341	3,750	13,817,520	3,931	13,874,843	11,422	40,984,704
Ibu Pejabat	44	8,610,618	134	11,659,410	73	9,461,010	251	29,731,038
Butterworth	1,084	8,748,040	1,142	8,180,229	1,064	8,913,035	3,290	25,841,304
Kota Kinabalu	710	6,387,499	786	7,216,902	767	5,385,093	2,263	18,989,494
Johor Bahru	1,097	5,789,382	1,135	6,492,118	1,045	5,833,958	3,277	18,115,458
Kuching	317	2,754,879	305	2,707,407	302	2,094,706	924	7,556,992
Melaka	430	2,662,268	459	2,717,884	490	2,477,819	1,379	7,857,971
Reinsurance	428	1,456,908	435	1,305,619	423	343,814	1,286	3,106,341
Sandakan	41	387,538	38	289,637	31	237,814	110	914,989
JUMLAH	7,892	50,089,473	8,184	54,386,726	8,126	48,622,092	24,202	153,098,291

Sumber: Rekod PIB

- iii. Semakan Audit terhadap 35 sampel fail tuntutan bagi bulan April hingga Jun 2018 di Cawangan Kota Kinabalu mendapati hanya dua (2) kes (5.7%) bagi proses *Adjuster Report* dan 10 kes (28.6%) bagi proses *Approval* telah lewat diproses antara tujuh (7) hingga 25 hari seperti **Jadual 4.13**.

JADUAL 4.13
PEMATUHAN PIAWAIAN MASA PEMBAYARAN
TUNTUTAN INSURANS BAGI BULAN APRIL HINGGA JUN 2018

RUJUKAN	BIL. TUNTUTAN YANG LEWAT DIPROSES	PIAWAIAN MASA DALAM SOP	TEMPOH PROSES SEBENAR (Hari)	TEMPOH KELEWATAN (Hari)
CL/SS/6.01	-	3	-	-
CL/SS/6.02	TB	1	-	-
CL/SS/6.03	TB	1	-	-
CL/SS/6.04	2	7	12 – 13	5 – 6
CL/SS/6.05	10	5	7 – 25	2 – 20
CL/SS/6.06	TB	5	-	-
CL/SS/6.07	-	14	-	-

Sumber: Rekod PIB

c. Tuntutan Insurans Tertunggak

- i. Perenggan 1.54 mengenai *Claims Review* yang terkandung dalam *Claim Guidelines* menyatakan:
- *Outstanding claims file are to be reviewed at least once a year; dan*
 - *Claims Executive may close and zeroised reserve if and when:*

- *Claims have been fully paid/settled.*
 - *Claims are withdrawn.*
 - *Adjusters' confirmation that insured not pursuing claim or fail to submit supporting claim documents despite numerous reminders.*
 - *Claims repudiated or liability declined and insured has not appealed after one year.*
 - *Claims are time barred i.e 6 years from date of loss/accident for West Malaysia or 3 years for Sabah and Sarawak for Motor Third Party Bodily Injury (TPBI) reserve claims.*
 - *No movement of claims after lapse of time for example for Motor Others, precautionary reserve provided and no claims submitted after 2 years from date of loss/notification i.e 2016 loss years and earlier.*
- ii. Setakat tahun 2017, PIB mempunyai 8,498 kes tuntutan tertunggak berjumlah RM67.28 juta. Daripada jumlah tersebut, Ibu Pejabat mencatatkan tuntutan insurans tertunggak tertinggi berjumlah RM22.09 juta (32.8%) diikuti oleh Bahagian/Cawangan Kuala Lumpur, Butterworth, Johor Bahru, Kota Kinabalu, Melaka, Reinsurance, Kuching dan Sandakan. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 4.14**.

JADUAL 4.14
BILANGAN DAN JUMLAH TUNTUTAN
INSURANS TERTUNGGAK PADA TAHUN 2015, 2016 DAN 2017

BAHAGIAN/ CAWANGAN	TUNTUTAN INSURANS TERTUNGGAK					
	2015		2016		2017	
	BIL.	JUMLAH (RM)	BIL.	JUMLAH (RM)	BIL.	JUMLAH (RM)
Ibu Pejabat	27	32,001,251	17	27,782,018	19	22,094,256
Kuala Lumpur	2,745	14,962,950	2,754	13,800,951	2,543	11,843,701
Butterworth	1,121	12,939,034	1,180	12,375,081	1,100	10,287,104
Johor Bahru	847	6,791,340	907	6,850,789	866	8,042,057
Kota Kinabalu	705	3,634,160	785	7,094,743	780	7,453,926
Melaka	364	2,705,294	369	2,505,374	343	2,889,908
Reinsurance	1,563	2,672,328	1,873	2,469,480	2,443	2,415,354
Kuching	393	2,002,178	343	1,873,206	349	1,910,528
Sandakan	93	431,133	62	246,695	55	345,506
JUMLAH	7,858	78,139,668	8,290	74,998,337	8,498	67,282,340

Sumber: Rekod PIB

- iii. Pihak Audit telah memilih sembilan (9) sampel tuntutan insurans tertunggak di Ibu Pejabat PIB, Kuala Lumpur seperti **Jadual 4.15**.

JADUAL 4.15
SAMPEL FAIL TUNTUTAN TERTUNGGAK

BIL.	NAMA	NO. POLISI	TEMPOH POLISI	AMAUN (RM)	BUTIRAN
1.	LSTP Enterprise	DMCIBW0889641401	29.11.14 – 28.11.15	97,500.00	<i>Collided into third party vehicle – 19.11.2015</i>
Semakan Audit: Writ saman dikeluarkan dan tarikh pendengaran mahkamah pada 19 Julai 2018.					
2.	Asian Setters Sdn. Bhd.	DBBGBW017710500	15.04.05 – 30.06.09	314,999.95	<i>Bank Guarantee Claim – 29.05.2009</i>
Semakan Audit: Tuntutan untuk <i>Performance Bond</i> berjumlah RM220,125.15 telah dibayar oleh PIB kepada Uda Land pada 2 Julai 2009. Setakat 12 Disember 2017, kes masih dalam tindakan peguam untuk menuntut kepada penjamin pemegang polisi.					
3.	Rentas Jaya Sdn.Bhd.	DBCPJB0005150900	10.11.09 – 09.07.11	474,970.34	<i>Failure to complete project – 11.04.2011</i>
Semakan Audit: Tuntutan untuk <i>Performance Bond</i> berjumlah RM474,970.34 telah dibayar kepada Glomac Sutera Sdn.Bhd. pada 5 Ogos 2011. Setakat 7 Disember 2015, PIB mengarahkan peguam untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap penjamin pemegang polisi. Semakan lanjut terhadap fail <i>Underwriting</i> mengenai penyata kewangan Rentas Jaya Sdn. Bhd. bagi tempoh berakhir 30 September 2009 mendapat syarikat ini mengalami kerugian terkumpul berjumlah RM5.96 juta dan defisit ekuiti berjumlah RM3.22 juta. Tunai dan kesetaraan tunai pada 30 September 2009 mengalami defisit berjumlah RM2.08 juta.					
4.	Jasin Construction Development (M) Sdn. Bhd.	DECRJB0010221300	25.03.13 – 09.12.14	4,068,370	<i>Damage to third party underground cable during excavation works – 03.10.2013</i>
Semakan Audit: Setakat 6 Ogos 2014, PIB masih menunggu prinsipal untuk membuat tuntutan.					
5.	DTE Construction Sdn. Bhd.	DBCPBW0070831300	20.03.13 – 30.07.16	229,469.44	<i>Failure to complete project – 24.03.2015</i>
Semakan Audit: Prinsipal tidak memberi maklumat pada <i>Adjuster</i> . Setakat bulan November 2017, PIB masih menunggu prinsipal untuk membuat tuntutan.					
6.	Fajar Construction Sdn. Bhd.	DECRBW0051191100	20.01.11 – 19.09.12	20,226,666	<i>Theft – 03.07.2012</i>
Semakan Audit: Setakat 30 November 2017, Kes masih dalam tindakan mahkamah.					
7.	Zairaz Construction Sdn. Bhd.	DBCABW0059181200	05.03.12 – 30.12.12	547,500	<i>Failure to complete project – 19.11.2012</i>
Semakan Audit: Setakat 25 September 2017, kes masih dalam tindakan mahkamah.					
8.	Naluri Cita Enterprise	DBCABW0032560800	12.02.08 – 18.11.08	92,462.50	<i>Failure to complete project – 20.07.2008</i>
Semakan Audit: Tuntutan <i>Performance Bond</i> berjumlah RM92,462.50 telah dibayar kepada JKR pada 13 April 2010. Setakat 12 Disember 2017, PIB telah mengarahkan peguam untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap penjamin pemegang polisi.					
9.	Gula Padang Terap Sdn.Bhd.	CCCCBW009941100	01.03.11 – 29.02.12	1,212	<i>Water damage – 27.08.2011</i>
Semakan Audit: Akaun telah ditutup pada 28 Disember 2011.					

Sumber: Rekod PIB

- iv. Pihak Audit mendapati tiga (3) tuntutan pembayaran balik *Performance Bond* berjumlah RM787,558 yang telah didahulukan oleh PIB dari tahun 2009, 2010 dan 2011 masih belum dapat dituntut daripada penjamin.
- v. Semakan terhadap kesemua sembilan (9) sampel Fail Tuntutan Tertunggak yang telah dipilih mendapati tidak ada sebarang bukti *claims review* ada dijalankan setiap tahun. Selain itu, tiga (3) daripada sembilan (9) kes yang berlaku sejak tahun 2008, 2009 dan 2011 serta telah melebihi tempoh had masa enam (6) tahun masih belum diselesaikan sehingga bulan Jun 2018.

d. Kawalan Kredit/Credit Control

- i. Objektif utama Kawalan Kredit/Credit Control (CC) adalah untuk memastikan kos untuk menawarkan kredit tidak melebihi manfaatnya, melindungi aset syarikat, memaksimumkan keuntungan dan meminimumkan keperluan peruntukan kemerosotan dan kebarangkalian penghapusan hutang lapuk.
- ii. Semakan Audit mendapati tunggakan premium PIB di Cawangan Kota Kinabalu setakat 31 Mei 2018 adalah berjumlah RM16.34 juta. Bahagian Kewangan mengadakan mesyuarat bulanan bagi memantau tunggakan tersebut. Butiran tunggakan premium adalah seperti **Jadual 4.16**.

JADUAL 4.16
TUNGGAKAN PREMIUM CAWANGAN KOTA KINABALU SETAKAT 31 MEI 2018

KUMPULAN	TUNGGAKAN PREMIUM					JUMLAH (RM)
	SEMASA – 1 BULAN (RM)	1 BULAN (RM)	3 – 5 BULAN (RM)	6 – 11 BULAN (RM)	12 BULAN KE ATAS (RM)	
Agents	488,157.14	58,428.11	2,382,245.79	122,458.92	364,334.69	3,415,624.65
Brokers	5,794,379.03	305,101.84	3,317,799.86	239,906.30	595,594.38	10,252,781.41
Corporate	206,877.39	22,785.81	903,043.38	78,866.42	1,458,290.55	2,669,863.55
JUMLAH	6,489,413.56	386,315.76	6,603,089.03	441,231.64	2,418,219.62	16,338,269.61

Sumber: Rekod PIB

e. Aduan

- i. Semakan terhadap Daftar Aduan mendapati bagi tahun 2015 hingga 2017, pihak PIB telah menerima 32 aduan. Butiran aduan adalah seperti **Jadual 4.17**.

JADUAL 4.17
ADUAN PADA TAHUN 2015, 2016 DAN 2017

BUTIRAN ADUAN	2015		2016		2017	
	BIL.	TINDAKAN / TEMPOH	BIL.	TINDAKAN / TEMPOH	BIL.	TINDAKAN/ TEMPOH
<i>Delay in processing claim</i>	2	Selesai / 1 – 3 hari	-	-	3	Selesai/ 1 – 17 hari
<i>Unsatisfactory amount of offer</i>	3	Selesai / 1 – 13 hari	3	Selesai / 2 – 7 hari	4	3 Selesai/ 1 – 10 hari 1 Pending – Menunggu maklum balas penuntut.
<i>Repudiation of liability</i>	1	Selesai / 6 hari	1	Selesai / 11 hari	2	Selesai/ 1 – 6 hari
<i>Theft Claim</i>	1	Pending – Menunggu maklum balas penuntut.	1	Pending – Kes tahun 2015 dan menunggu maklum balas penuntut.	-	-
<i>Dispute over liability</i>	1	Pending – Kes tahun 2014 dan ditangani oleh peguam PIB.	1	Pending – Kes tahun 2014 dan ditangani oleh peguam PIB.	-	-
<i>Delay in payment of court award</i>	-	-	2	Selesai / 3 hari	-	-

BUTIRAN ADUAN	2015		2016		2017	
	BIL.	TINDAKAN / TEMPOH	BIL.	TINDAKAN / TEMPOH	BIL.	TINDAKAN/ TEMPOH
<i>Claimant unhappy with repair of his car and alleges that workshop used 2nd hand parts</i>	-	-	1	Selesai / 1 hari	-	-
<i>Dissatisfaction over late delivery of replacement LED TV set</i>	-	-	-	-	1	Selesai/ 4 hari
<i>Dissatisfaction with poor service of panel workshop</i>	-	-	-	-	1	Selesai/ 4 hari
<i>The insured was not involved with Anti Money Laundering Case</i>	-	-	-	-	1	Selesai/ 3 hari
<i>Unsatisfactory of repair</i>	-	-	-	-	1	Selesai/ 14 hari
<i>Legal action initiated against a guarantor for recovery for performance bond</i>	-	-	-	-	1	Pending – Kes ditangani oleh Peguam PIB.
<i>Insured not notified of TP Claim</i>	-	-	-	-	1	Selesai/ 3 hari
JUMLAH	8		9		15	

Sumber: Rekod PIB

- ii. Semakan lanjut mendapati pihak pengurusan mengambil masa antara satu (1) hingga 17 hari untuk menyelesaikan aduan yang diterima kecuali kes-kes yang ditangani oleh peguam PIB.

4.6.2.5. Pemantauan Bank Negara Malaysia

- a. PIB dipantau oleh Jabatan Penyeliaan Insurans & Takaful, Bank Negara Malaysia (BNM) dan pada tahun 2017 hingga 2018, pihak BNM telah mengadakan pemeriksaan secara berkala terhadap aktiviti PIB. Semakan terhadap *Supervisory Letter* yang dikeluarkan oleh BNM mendapati antara perkara yang dibangkitkan dan tindakan PIB adalah seperti **Jadual 4.18**.

JADUAL 4.18
PEMANTAUAN BNM DAN TINDAKAN PIB
BAGI TAHUN 2017 HINGGA 2018 (SETAKAT JULAI 2018)

TARIKH SUPERVISORY LETTER	BUTIRAN ISU YANG DIBANGKITKAN	TINDAKAN PIB
07.03.2017 <i>(Composite Risk Rating of Progressive Insurance Berhad)</i>	<ul style="list-style-type: none"> i. Hala tuju strategik dan daya maju jangka panjang: <ul style="list-style-type: none"> • <i>Financial Condition Report (FCR)</i> untuk tahun 2016. • Jumlah asas premium yang kecil dan pada <i>trend</i> menurun pada tahun 2016. ii. Keperluan persediaan untuk <i>de-tarification</i>. iii. Penambahbaikan dan pemantauan ke atas proses penilaian aktuarial. iv. <i>Succession planning</i> bagi jawatan CEO. v. Pemantauan ke atas agen insurans. vi. Tindakan yang kurang memuaskan ke atas isu yang dibangkitkan sebelum ini. 	<ul style="list-style-type: none"> • Laporan FCR telah dikemukakan pada 15.03.2017. • <i>Individual Target Capital Level (ITCL)</i> akan disemak semula dan <i>stress test</i> akan dijalankan. <i>Capital Management Plan (CMP)</i> akan dikemas kini selepas ITCL ditetapkan. • Pihak pengurusan telah mendapat kelulusan menggunakan pakai polisi daripada Lembaga Pengarah bagi <i>Motor Pricing Policy, Motor Underwriting Policy and Guideliness, Details of methodology and assumptions used and Communication Policy</i>. • Tindakan bagi (iii) - (vi) seperti di butiran isu

TARIKH SUPERVISORY LETTER	BUTIRAN ISU YANG DIBANGKITKAN	TINDAKAN PIB
10.10.2017 <i>(Interim Supervisory Letter)</i>	<ul style="list-style-type: none"> i. Pengurusan perniagaan insurans motor yang lemah. ii. Pendedahan kepada risiko operasi yang tinggi. iii. Fungsi kawalan yang tidak berkesan dan pemantauan yang tidak mencukupi. 	<p>yang dibangkitkan telah diambil seperti dicadangkan oleh BNM.</p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Detailed profitability analysis</i> ke atas portfolio motor dibuat dalam 3 peringkat yang dijangka selesai sepenuhnya pada 30 Ogos 2018. • Sistem <i>Front-end</i> yang baru dijangka akan dilancarkan pada 1 September 2018. • Tindakan telah diambil bagi semua sub-isu yang telah dibangkitkan dan telah dilaporkan secara berkala kepada pihak BNM.

Sumber: Rekod PIB

Pada pendapat Audit, pengurusan *underwriting* adalah kurang berkesan kerana semakan semula tidak dijalankan ke atas fail tuntutan tertunggak. Selain itu, hasil daripada pemantauan yang dijalankan oleh pihak BNM melalui *Supervisory Letter* membangkitkan isu mengenai kelemahan pengurusan *underwriting* yang perlu diambil tindakan segera oleh PIB.

4.6.2.6. Prestasi Pelaburan PIB

- a. Bagi meningkatkan kawalan dan pemantauan terhadap aktiviti pelaburan, PIB telah menubuhkan Jawatankuasa Pelaburan (JP) yang dianggotai oleh empat (4) ahli termasuk wakil daripada Kementerian Kewangan. JP mengkaji dan mengesyorkan strategi pelaburan untuk kelulusan Lembaga Pengarah serta bermesyuarat setiap suku tahun atau mengikut keperluan. JP memantau prestasi pelaburan PIB sebagaimana pelan strategik, memastikan pelaburan adalah selaras dengan polisi dalaman, risiko pelaburan ada disediakan dan melaporkan kepada Lembaga Pengarah mengenai apa-apa transaksi khusus yang memerlukan kelulusan pihak Lembaga.
- b. Aktiviti pelaburan PIB merangkumi pelaburan jangka pendek [*Financial Assets at Fair Value Through Profit or Loss (FVTPL)*] yang terdiri daripada *Unit Trust Funds* dan *Equity Securities*. Manakala pelaburan jangka panjang [*Available-for-sale (AFS) Financial Assets*] terdiri daripada *Corporate Debt Securities* dan *Wholesale Unit Trust Funds*. Sehingga 31 Disember 2017, pelaburan terkumpul PIB berjumlah RM301.53 juta. Jumlah ini telah meningkat sejumrah RM29.22 juta (10.7%) berbanding RM272.31 juta pada tahun 2016. Berbanding dengan tahun 2015, terdapat peningkatan sejumrah RM16.65 juta (6.5%) dengan nilai pelaburan berjumlah RM255.66 juta pada tahun tersebut. Butiran pelaburan PIB adalah seperti **Jadual 4.19**.

JADUAL 4.19
NILAI PASARAN BERBANDING KOS UNTUK PELABURAN PIB BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2017

JENIS PELABURAN/ EKUITI	2015			2016			2017		
	NILAI KOS/ BELIAN (RM Juta) (a)	NILAI PASARAN (RM Juta) (b)	UNTUNG / (RUGI) (RM Juta)/ (%)	NILAI KOS/ BELIAN (RM Juta) (a)	NILAI PASARAN (RM Juta) (b)	UNTUNG/ (RUGI) (RM Juta)/ (%)	NILAI KOS/ BELIAN (RM Juta) (a)	NILAI PASARAN (RM Juta) (b)	UNTUNG / (RUGI) (RM Juta)/ (%)
JANGKA PENDEK									
<i>PIB Own's Invesment</i>	8.08	8.93	0.85/ 10.5%	9.57	10.63	1.06/ 11.1%	9.58	10.78	1.20/ 12.5%
<i>Transfer From Kumpulan Sentiasa Cemerlang Sdn Bhd</i>	3.60	2.97	(0.63)/ (17.5%)	3.30	2.61	(0.69)/ (20.9%)	-	-	-
<i>Transfer From Am Investment Management Sdn Bhd</i>	0.93	0.77	(0.16)/ (17.2%)	0.93	0.81	(0.12)/ (12.9%)	-	-	-
<i>Affin Hwang Asset Management Bhd.</i>	22.38	22.52	0.14/ 0.6%	22.95	22.93	(0.02)/ (0.1%)	25.95	29.19	3.24/ 12.5%
<i>UOB Asset Management Berhad</i>	-	-	-	11.11	12.06	0.95/ 8.6%	22.18	29.25	7.07/ 31.9%
<i>Pheim Asset Management Berhad</i>	15.96	15.91	(0.05)/ (0.3%)	21.61	19.79	(1.82)/ (8.4%)	20.77	19.79	(0.98)/ (4.7%)
<i>RHB Asset Management Sdn Bhd</i>	9.90	10.87	0.97/ 9.8%	7.66	7.51	(0.15)/ (2.0%)	7.40	7.78	0.38/ 5.1%
<i>Unit Trusts & Reits</i>	5.19	5.53	0.34/ 6.6%	6.66	6.70	0.04/ 0.6%	3.52	3.78	0.26/ 7.4%
JUMLAH	66.04	67.50	2.2	83.79	83.04	(0.75)/ (0.9%)	89.40	100.57	11.17/ 12.5%
JANGKA PANJANG									
<i>Corporate Bond</i>	25.30	20.16	(5.14)/ (20.3%)	20.30	15.11	(5.19)/ (25.6%)	10.00	5.01	(4.90)/ (49.9%)
<i>Malaysian Government Papers</i>	0.99	0.96	(0.03)/ (3.0%)	0.99	0.98	(0.01)/ (1.0%)	-	-	-
<i>Malaysian Government Guaranteed Loan</i>	2.00	1.98	(0.02)/ (1.0%)	3.00	3.04	0.04/ 1.3%	-	-	-
<i>Corporate Bond – Unquoted</i>	45.32	44.95	(0.37)/ (0.8%)	44.38	45.00	0.62/ 1.4%	-	-	-
<i>Affin Hwang Institutional Bond Fund</i>	66.57	67.04	0.47/ 0.7%	69.55	70.04	0.49/ 0.7%	72.72	73.63	0.91/ 1.3%
<i>United Institutional Income Fund</i>	52.89	53.07	0.18/ 0.3%	55.00	55.10	0.1%/ 0.2	57.37	57.91	0.54/ 0.9%
<i>Opus Institutional Income Fund</i>	-	-	-	-	-	-	64.53	64.42	(0.11)/ (0.2%)
JUMLAH	193.07	188.16	(4.91)/ (2.5%)	193.22	189.27	(3.98)/ (2.0%)	204.62	200.97	(3.65)/ (1.8%)
JUMLAH KESELURUHAN	259.11	255.66	(3.45)/ (1.3%)	277.01	272.31	(4.70)/ (1.7%)	293.66	301.54	7.88/ 2.7%

Sumber:Rekod PIB

- c. Selain daripada menguruskan sendiri pelaburannya, PIB telah melantik *Fund Manager* untuk mengendalikan pelaburan PIB. Bagi tahun berakhir 31 Disember 2017, pelaburan jangka pendek yang tertinggi dengan kos bernilai RM25.95 juta diuruskan oleh Affin Hwang Asset Management Berhad manakala pelaburan jangka panjang tertinggi dengan kos bernilai RM73.63 juta diuruskan oleh Affin Hwang Institutional Bond Fund. Analisis Audit mendapati pada tahun 2017, nilai pasaran (*market value*) pelaburan jangka pendek lebih tinggi berbanding nilai kos dengan keuntungan RM11.17 juta (12.5%) berbanding penurunan nilai pasaran pada tahun 2016 dengan kerugian RM750,094 (0.9%). Manakala berlaku penurunan nilai pasaran pelaburan jangka panjang bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017

dengan kerugian antara 1.8% hingga 2.5%. Keuntungan pelaburan jangka pendek tertinggi diperoleh daripada UOB Asset Management Berhad berjumlah RM7.07 juta (31.9%) manakala keuntungan pelaburan jangka panjang tertinggi diperoleh daripada Affin Hwang Institutional Bond Fund berjumlah RM913,479 juta (1.3%).

- d. Analisis lanjut terhadap nisbah pulangan atas pelaburan bagi kedua-dua jenis pelaburan PIB iaitu Pelaburan Jangka Pendek (FVTPL) dan Jangka Panjang (AFS) mendapat purata keuntungan yang tertinggi dicatatkan oleh Pelaburan Jangka Pendek. Bagaimanapun, kadar tersebut tidak konsisten dan perbezaan terbesar dicatatkan pada tahun 2017 di mana nisbah tersebut adalah pada kadar keuntungan 26.3% bagi setiap ringgit yang dilaburkan berbanding 4.3% bagi tahun sebelumnya. Ini disumbangkan oleh keadaan pasaran yang meningkat dan membolehkan pelaburan tersebut mencatatkan *Fair Value Gains* yang tertinggi dalam tempoh tahun 2015 hingga 2017 berjumlah RM11.94 juta. Pelaburan Jangka Panjang turut menyumbangkan keuntungan pada kadar yang lebih tetap iaitu pada kadar purata 6% keuntungan bagi setiap ringgit pelaburan.
- e. Rekod pelaburan PIB menunjukkan pecahan pelaburan pada tahun 2015 pada kadar 25.5% bagi Pelaburan Jangka Pendek manakala 74.5% bagi Pelaburan Jangka Panjang. Bagaimanapun, nisbah tersebut berubah pada tahun 2016 di mana peratus Pelaburan Jangka Pendek telah meningkat kepada 30.2% manakala 69.8% bagi Pelaburan Jangka Panjang. Ini menunjukkan kecenderungan syarikat untuk mendapatkan keuntungan pelaburan secara lebih agresif dengan meningkatkan jumlah Pelaburan Jangka Pendek. Bagaimanapun, strategi ini agak kurang berjaya pada tahun 2016 kerana menyebabkan nisbah keuntungan atas pelaburan menurun kepada 4.3% sebelum melonjak naik kepada 26.3% pada tahun 2017. Ini disebabkan oleh sifat Pelaburan Jangka Pendek yang lebih berisiko kerana bergantung kepada trend pasaran yang tidak menentu berbanding Pelaburan Jangka Panjang. Butiran lanjut seperti **Jadual 4.20**.

JADUAL 4.20
PENDAPATAN PELABURAN PIB BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2017

PENDAPATAN PELABURAN	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)
Pendapatan Pelaburan (sebelum Perbelanjaan Pelaburan):			
Jangka Pendek (FVTPL)	2.25	2.65	3.04
Jangka Panjang (AFS)	11.00	11.28	11.10
JUMLAH	13.25	13.93	14.14
Realized Gains/(Losses):			
FVTPL	2.26	3.15	8.56
AFS	0.02	0.22	0.72
JUMLAH	2.28	3.37	9.28

PENDAPATAN PELABURAN	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)
Fair Value Gains / (Losses) – FVTPL	0.78	(2.21)	11.94
JUMLAH PENDAPATAN PELABURAN:			
FVTPL	5.29	3.59	23.54
AFS	11.02	11.50	11.82
Nisbah Pulangan Atas Pelaburan:			
FVTPL	8.0%	4.3%	26.3%
AFS	5.7%	6.0%	5.8%

Sumber:Rekod PIB

Pada pendapat Audit, pengurusan aktiviti PIB adalah kurang cekap dan berkesan. PIB perlu mengambil tindakan memastikan syarikat yang memerlukan kelulusan polisi bagi *Performance Bond* adalah kukuh dari segi kewangan untuk mengelakkan penjamin gagal untuk menjelaskan tuntutan bayaran balik. Selain itu, bagi memastikan *zeroised reserved*, PIB perlu mengkaji semula kes-kes tertunggak yang melebihi tempoh enam (6) tahun sebagaimana yang digariskan oleh *Claim Guidelines* PIB dan juga Seksyen 6, Limitation Act 1953.

4.6.3. Tadbir Urus

4.6.3.1 Tadbir urus merujuk kepada proses yang digunakan untuk mentadbir, mengurus dan mengawal syarikat. Tadbir urus yang baik dapat membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya serta membolehkan syarikat diurus dengan lebih sempurna, telus dan bertanggungjawab. Pihak Audit telah menilai amalan tadbir urus syarikat berdasarkan *Malaysian Code on Corporate Governance* (MCCG) 2017, *The Green Book-Enhancing Board Effectiveness* April 2006, Garis Panduan ahli Lembaga Pengarah Lantikan Menteri Kewangan (Diperbadankan) Disember 2014 [*Handbook MKD*], Akta Syarikat Amalan Terbaik/Bahagian A3 Kod Tadbir Urus Korporat untuk Badan Berkanun Negeri Sabah dan syarikat-syarikat subsidiari yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 yang diluluskan oleh Jemaah Kabinet Negeri pada 26 Januari 2010, 1PP – WP (Pelantikan Lembaga Pengarah Badan Berkanun Persekutuan (BBP) Sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah Dalam Syarikat Subsidiari) dan panduan tadbir urus daripada *Chartered Institute of Internal Auditors*.

4.6.3.2. Berdasarkan semakan Audit mendapati PIB telah mengamalkan tujuh (7) daripada sembilan (9) amalan terbaik dari aspek pelantikan dan peranan Pengerusi dan ahli Lembaga Pengarah, pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif, Jawatankuasa Audit, pelaksanaan Audit Dalaman, Jawatankuasa Imbuhan dan Jawatankuasa Pencalonan.

4.6.3.3. Bagaimanapun, dua (2) daripada aspek amalan terbaik tadbir urus yang lain iaitu Perancangan Korporat dan Indeks Petunjuk Prestasi dan juga *Standard Operating Procedures* tidak diamalkan sepenuhnya.

4.6.3.4. Secara keseluruhannya amalan tadbir urus PIB adalah baik. Manakala perkara yang tidak diamalkan oleh PIB adalah seperti berikut:

a. Rancangan Korporat dan Indeks Petunjuk Prestasi

- i. Berdasarkan amalan terbaik MCCG 2017 (Prinsipal 1, saranan 1.1), antara tugas Lembaga Pengarah adalah meneliti dan meluluskan pelan strategik yang dicadangkan oleh pengurusan syarikat serta memantau pelaksanaannya. Manakala perenggan 3.2 Bahagian 1 & *Handbook* perenggan 3.33 hingga 3.35 dalam *Green Book* menyarankan peranan Lembaga Pengarah adalah memantau prestasi dan pencapaian syarikat serta memastikan syarikat diuruskan dengan baik dan berkesan.
- ii. Semakan Audit mendapati PIB tidak menyediakan KPI bagi mengukur pencapaian dan prestasi syarikat. Temu bual dengan pegawai bertanggungjawab memaklumkan bahawa KPI akan dilaksanakan pada tahun 2018 dan akan menghantar pegawai menghadiri kursus berkaitan KPI.

Pada pendapat Audit, KPI perlu disediakan bagi memudahkan Lembaga Pengarah memantau prestasi syarikat selaras dengan kehendak amalan tadbir urus yang baik.

b. Standard Operating Procedures

- i. Lembaga Pengarah hendaklah memastikan SOP merangkumi proses, prosedur dan polisi yang lengkap, menyeluruh dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah terhadap aspek kewangan dan aktiviti dalam menguruskan syarikat bagi mencapai objektifnya.
- ii. Semakan Audit mendapati SOP Kewangan dan aktiviti telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Bagaimanapun, semakan Audit selanjutnya terhadap *Finance Manual* bagi Aset Tetap mendapati ia tidak lengkap kerana tidak mengandungi tatacara mengenai pelantikan pegawai yang bertanggungjawab terhadap aset dan cara menguruskan aset dari segi penerimaan, pendaftaran, pelabelan, penempatan, pemeriksaan dan pelupusan. SOP berkaitan dengan Pengurusan Aset Syarikat terlalu umum dan perlu dikemas kini mengikut peraturan terkini. Manakala *Service Standard For Underwriting Department* yang terkandung dalam


Internal Service Standard mengenai tempoh proses pengeluaran polisi bagi motor tidak dikemas kini iaitu daripada lima (5) hari kepada tujuh (7) hari.

Pada pendapat Audit, penyediaan SOP perlu ditambah baik kerana hanya mengamalkan satu daripada tiga amalan terbaik.

4.7. SYOR AUDIT

Bagi memastikan objektif penubuhan PIB dapat dicapai sepenuhnya, adalah disyorkan Lembaga Pengarah serta pengurusan PIB mengambil langkah proaktif dan berkesan bagi menangani kelemahan yang dibangkitkan seperti berikut:

- 4.7.1. menetapkan hala tuju dan strategi dengan menetapkan KPI bagi meningkatkan pendapatan *underwriting* dan kawalan risiko yang lebih efektif bagi mengurangkan jumlah tuntutan insurans seterusnya menjana keuntungan bagi aktiviti *underwriting*;
- 4.7.2. meningkatkan pemantauan bagi aktiviti kelas insurans dan cawangan yang sentiasa mencatatkan kerugian daripada operasi utama serta pemantauan terhadap agen insurans yang lebih berkesan;
- 4.7.3. PIB perlu mengkaji semula kes-kes tertunggak yang melebihi tempoh enam (6) tahun sebagaimana yang digariskan oleh *Claim Guidelines* PIB dan juga Seksyen 6, *Limitation Act* 1953; dan
- 4.7.4. melaksanakan amalan tadbir urus yang baik terutamanya menyediakan KPI untuk mengukur prestasi pencapaian syarikat dan menyediakan SOP yang lengkap merangkumi urusan kewangan syarikat dan aktiviti utama.



PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan mendapati wujud beberapa kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan adalah tidak ada mekanisme pemantauan yang kurang berkesan dalam memastikan undang-undang dan peraturan dikuatkuasakan, serta tidak ada penyeliaan yang berkesan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan. Jika kelemahan tersebut tidak diberi perhatian yang serius dan tidak diperbetulkan, ia boleh menjaskan pencapaian objektif aktiviti/program berkenaan serta menjaskan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam.

Sehubungan itu, Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat bukan sahaja perlu mengambil tindakan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, malah perlu bertindak dengan cepat sebaik sahaja masalah atau kelemahan itu dikenal pasti. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku dalam projek/program lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Agensi Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing serta bagi memastikan objektif penubuhan syarikat tercapai sepenuhnya.

Jabatan Audit Negara

Putrajaya

2 November 2018



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2018
www.printnasional.com.my
email: cservice@printnasional.com.my
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773

